

**Bil. 42**

**Selasa  
30 Julai 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

## **KANDUNGAN**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996	[Ruangan 1]
Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 1996	[Ruangan 27]

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- „ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' (DR.) HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, D.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).

- Yang Berhormat TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- Yang Berhormat TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).



- Yang Berhormat TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

### CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

### CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa, 30hb Julai, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul  
9.30 pagi

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

## RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG  
PENGANGKUTAN JALAN  
(PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (25hb Julai 1996)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kuorum tak cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Setiausaha, sila bilang. 23 orang, bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan*)

(*Ahli-ahli dikira: Lebih 26 ahli hadir*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** 28 orang, cukup kuorum. Kota Melaka, diminta sambung.

9.34 pagi.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Ya, tetapi saya tidak faham macam mana kita boleh mulakan mesyuarat bila kuorum tak cukup tadi. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua boleh ambil perhatian untuk memastikan sebelum mesyuarat bermula kita mesti ada bilangan yang cukup.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yang Berhormat telah pun bangkitkan Peraturan Mesyuarat dan itu pun sudah dibuat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Apa lagi, Yang Berhormat? (*Ketawa*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh ambil perhatian.....

**Beberapa Ahli:** (*Mengganggu*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, tetap akan diambil perhatian. Teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** .....supaya cukup bilangan sebelum kita mulakan mesyuarat ini. Sungguh malulah Barisan tak boleh bangun!

Tuan Yang di-Pertua.....

**Beberapa Ahli Barisan Nasional:** (*Menyampuk*)

**Seorang Ahli:** Hei, DAP malulah! Cukup malu besar.

**Seorang Ahli lain:** Itu tanggungjawab Barisan!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan ambil kesempatan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu banyak kacau! Bila saya berucap, banyak kacau!

Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional akan lebih serius apabila mengambil bahagian dalam perbahasan ataupun menguruskan urusan Parlimen ini. Ini bukan satu perkara main-main.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987. Satu daripada tujuan utama Akta Pengangkutan Jalan 1987 adalah untuk meningkatkan taraf dan standard pemandu agar kadar kemalangan dan kematian di jalan raya dalam seluruh negara dapat dikurangkan. Akan tetapi, selagi Kementerian Pengangkutan membenarkan 'double standard' dalam pelaksanaan undang-undang, JPJ tidak berkesan memastikan peraturan jalan raya dipatuhi dan kadar kemalangan dikurangkan.

Terdapat lima aspek di sini yang saya hendak bangkitkan seperti berikut.

Pertama, ialah perkara saiz huruf dan nombor plat kenderaan ditetapkan oleh undang-undang dan saman akan dikenakan kalau nombor dan huruf terlalu kecil. Akan tetapi, saya sendiri telah lihat dan saya pasti Tuan Yang di-Pertua pun ada lihat plat nombor kenderaan sesetengah menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, menteri besar dan ahli exco negeri jauh lebih kecil daripada saiz yang ditetapkan, tetapi tidak ada sebarang tindakan yang dikenakan. Malah escort traffic police yang menemani kereta tersebut macam tidak boleh dilihat, mungkin setengah mata tutuplah, bahawa saiz nombor plat kenderaan adalah salah di sisi undang-undang. Di samping itu, nombor khas 'Sukom' dan kereta 'Kancil' serta 'Proton' juga adalah jauh lebih kecil daripada saiz yang ditetapkan dan sukar

difahami. Macam mana ia boleh diluluskan oleh JPJ? Sebaliknya penunggang motosikal dan kenderaan bukan VIP akan diberikan saman berkali-kali kalau tidak menepati saiz sedikit sahaja. Malah di bawah undang-undang nombor plat kenderaan biasa yang tidak mengikut saiz ini akan dipecahkan daripada kereta dan diturunkan oleh pihak polis dan JPJ kononnya untuk dijadikan bukti mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa saya tidak pernah lihat nombor plat kenderaan orang atasan atau VIP dipecahkan, diturunkan dan saman dikeluarkan untuk menjadi bukti mahkamah? Jelas, di sini ada 'double standard' yang begitu ketara sekali di mana satu undang-undang untuk orang atasan dan satu lagi untuk orang bawahan. Apakah penjelasan kerajaan dalam perkara ini? Adakah oleh kerana kereta ini adalah kereta menteri, mereka mengatasi undang-undang dan segala-galanya, manakala orang biasa terpaksa mengikut undang-undang yang ditetapkan? Saya rasa dalam perkara ini JPJ pun merasa agak segan sungguhpun mereka mahu melaksanakan undang-undang tetapi ditahan, dilarang oleh orang atasan. Saya tak tahu macam mana JPJ boleh menjalankan tugas mereka, boleh bertanggungjawab kepada orang biasa, kalau orang biasa tunjuk kepada JPJ, mengapa pecahkan atau gugurkan saya punya nombor plat kenderaan kerana tak ikut undang-undang, bila orang atas nombor plat kecil sampai kadangkala tak boleh lihat langsung. Mengapa ada double standard sebegini?

Saya ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa memandangkan ada double standard yang begitu ketara, peraturan ini digantung buat sementara waktu sehingga semua kereta kerajaan atau persendirian orang-orang besar mengikut saiz nombor plat kenderaan sepertimana yang ditetapkan. Kalau tidak, saya rasa ini adalah satu ketidakadilan

yang amat besar dan juga akan mencatitkan usaha-usaha JPJ untuk memberikan perkhidmatan yang adil dan sama rata.

Di sini, saya juga ingin mencadangkan bahawa peruntukan menurunkan nombor plat kenderaan ini dimansuhkan sama sekali. Kerana ia adalah keterlaluan, tidak munasabah langsung. Saya rasa kalau kita ambil gambar foto pun sudah cukup. Sepertimana Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah pernah menyatakan, satu cara daripada menguruskan tindakan kerajaan ialah menerusi mengambil gambar. Kalau Menteri Besar boleh mengambil gambar, mengapa polis tidak boleh mengambil gambar bahawa nombor plat kenderaan ini telah melebihi atau telah menyalahi undang-undang. Mengapa ia mesti dipecahkan daripada kereta dan diturunkan.

Di sini, saya rasa ini merupakan macam satu penindasan atas pemandu-pemandu kereta dan sungguh tidak munasabah. Macam mana sebuah kereta boleh dipandu balik bila plat kenderaannya tidak ada lagi. Saya rasa ia akan terdedah kepada saman sekali lagi kalau ditahan oleh penguatkuasa sama ada daripada trafik atau daripada JPJ. Di sini, saya harap pihak kerajaan boleh mengambil perhatian dalam perkara ini. Saya tahu Setiausaha Parlimen ikut undang-undang, dia tidak ada masalah. Tetapi banyak rakan-rakannya ada masalah seperti ini. Saya harap beliau boleh bertindak tanpa kira kawan atau lawan.

Tuan Yang di-Pertua, aspek kedua ialah undang-undang muatan lebih berat yang tidak konsisten di antara JPJ dan pihak polis yang menyusahkan para pemandu lori. Bagi pihak DAP, kami menyokong tindakan pihak penguatkuasa menyekat muatan melebihi berat yang ditetapkan demi keselamatan jalan raya dan demi mengekalkan keadaan jalan raya. Akan tetapi, cara sekarang menggunakan

weighing weighers yang tidak mencukupi, hanya akan meningkatkan kos pengangkutan dan masa. Secara tidak langsung membuka peluang yang lebih kepada setengah pegawai yang menyeleweng. Sebagai satu contoh, pelaksanaan undang-undang yang tidak menentu berlaku di Melaka dua bulan lepas bila berpuluh-puluh lori ditahan dan disaman oleh polis, sungguhpun tidak melebihi muatan berat dan ada yang tidak mengangkut apa-apa barang pun.

Pada masa yang sama, kerajaan juga harus mengkaji semula kuasa JPJ menggantung lesen vokasional pemandu dan konduktor kenderaan perkhidmatan awam di bawah seksyen 54, 56(4) Akta Pengangkutan Jalan 1987 tanpa diputuskan oleh mahkamah. "Tanggapan kamu adalah salah sehingga dibuktikan tidak salah," bukan sahaja memberikan kuasa besar kepada JPJ, tetapi juga melanggar prinsip undang-undang natural justice, iaitu mendapat perbicaraan adil dan dianggap tidak bersalah sehingga didapati bersalah oleh mahkamah.

Dalam satu kes yang melibatkan Encik Lee Boon Cheong, lesen vokasionalnya digantung daripada 26hb Januari, 1995 hingga 26hb Mac, 1995. Encik Lee telah berhenti lorinya di persimpangan Jalan Bertam, Malim, Melaka pada 26hb Januari, 1995 dan membawa kunci lorinya bersama. Bila beliau balik, beliau terkejut lorinya hilang dan diberitahu telah dipandu oleh anggota JPJ. Ini bermakna, anggota JPJ telah menggunakan cara tertentu untuk menghidupkan enjin lorinya dan memandu tanpa kunci. Kemudian Encik Lee diberikan saman lebihan muatan dan seterusnya lesen vokasional digantung, sungguhpun rayuan telah dibuat. Encik Lee tidak mengaku salah bila kompaun saman ini disebut di mahkamah. Encik Lee adalah seorang pekerja makan gaji yang tidak bergantung kepada bayaran komisen untuk sesuatu muatan. Justeru itu, beliau tidak payah mengangkut

melebihi muatan. Beliau tidak menolak kemungkinan berat muatan lorinya melebihi muatan. Akan tetapi, macam mana kepastian boleh ditentukan bila lorinya tanpa kunci dihidupkan dan dipandu dengan cara yang dianggap haram ini oleh JPJ.

Saya berpendapat, kuasa budi bicara JPJ mengantung lesen vokasional adalah keras sedikit. Memandangkan 'natural justice', membela diri sendiri dinafikan, serta kesan buruknya menafikan pemandu mata pencarian, macam mana Encik Lee akan menyara hidup keluarganya seramai tiga anak dalam tempoh masa tiga bulan ini? Lebih-lebih lagi kalau Encik Lee tidak bersalah, maka ini adalah satu penganiayaan yang tidak adil lagi. Justeru itu, kuasa ini harus diberikan kepada mahkamah agar kuasa penggantungan ini tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak, tetapi hanya mahkamah yang putuskan.

Aspek ketiga, apakah gunakan Puspakom menjalankan ujian asap hitam bila polis atau JPJ boleh mengeluarkan saman atas bukti gambar. Tindakan terhadap pengeluaran asap hitam mestilah dipergiatkan lagi, Tuan Yang di-Pertua, khususnya terhadap bas-bas. Kami sering lihat bahawa masih banyak bas mengangkut pelanggan mungkin daripada satu bandar, Johor Bahru ke Kuala Lumpur masih berlaku. Tetapi semua penguatkuasaan ini mestilah berdasarkan undang-undang. Sebagai satu contoh, di mana ia tidak berdasarkan undang-undang yang ditetapkan, ialah satu kes yang melibatkan seorang pemandu kenderaan, Encik Chua Kim Tau yang telah disaman oleh pihak polis, kerana mengeluarkan asap berlebihan tanpa menjalankan ujian meter asap hatrige. Biasa saman sedemikian akan dikeluarkan kalau asap melebihi 50 HSU (Hatrige Smoke Unit). Akan tetapi, Encik Chua telah menerima saman pada 28hb September, 1994. Pihak polis hanya mengambil gambar kenderaan

vannya mengeluarkan asap berlebihan. Bantahan Encik Chua kepada pihak polis berkenaan tidak dihiraukan langsung, sungguhpun beliau menunjukkan bukti bahawa ujian meter asap hatrige telah dijalankan ke atas kenderaan tanpa melebihi had 50 Hatrige Smoke Unit.

Rekod ujian pihak JPJ Melaka ke atas kenderaan Encik Chua pada 25hb Jun, 1994 dan 13hb September 1994 iaitu 15 hari sebelum dia diberikan saman menunjukkan beliau lulus ujian pelepasan asap dengan mencatat kadar kurang daripada 50 HSU. Semua dokumen yang berkaitan adalah menunjukkan perkara ini. Malah ujian oleh pemeriksa kenderaan pada 13hb September oleh JPJ menunjukkan pelepasan asap sekadar 30 HSU sahaja. Adalah aneh kenderaannya boleh melebihi 50 HSU dalam tempoh masa 15 hari dan juga tanpa sebarang ujian meter asap hatrige dijalankan. Saman ini dikeluarkan ekoran kaedah penguatkuasaan baru yang hanya memerlukan pegawai-pegawai melihat keadaan asap yang dikeluarkan dan mengambil gambar sebagai bukti. Arahan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa asal asap keluar sahaja boleh saman tanpa menjalankan sebarang ujian meter hatrige seperti yang ditetapkan, haruslah dikecam dengan keras sekali, kerana keterlaluan dan tidak adil kepada para pemilik kenderaan.

Jelas sekali ujian objektif meter asap hatrige telah digantikan dengan ujian subjektif pegawai penguatkuasa yang memberikan ruangan penyalahgunaan kuasa dan membuka peluang penyelewengan. Kalau penglihatan asap kini menjadi kriteria ujian, maka semua kenderaan termasuk kereta api dan kapal juga harus disaman kerana mengeluarkan asap hitam. Kegagalan kementerian berbuat demikian hanya menunjukkan double standard dan sikap berat sebelah dalam pelaksanaan undang-undang yang hanya akan menyusahkan para pemilik

kenderaan. Lagi pun adakah ujian objektif ini lahir dari undang-undang, memandangkan tidak ada sebarang pindaan ke atas peraturan ujian objektif had asap 50 HSU? Malangnya undang-undang sedemikian tidak dibatalkan, malah masih dilaksanakan di Lembah Pantai. Saya tidak tahu apakah gunanya pemilik kenderaan komersil membayar sampai RM60.00 kepada Puspakom untuk menjalankan ujian asap bila ia tidak akan digunakan sebagai asas oleh pihak penguatkuasa. Kerajaan ada dua pilihan di sini, Tuan Yang di-Pertua.

Satu, ialah ujian objektif meter asap Hartrige haruslah dipulihkan semula menggantikan ujian subjektif memberikan saman sesuka hati berdasarkan gambar. Kedua ialah membenarkan ujian gambar ada asap hitam menghapuskan ujian pemeriksaan oleh Puspakom dengan memastikan semua kenderaan tidak boleh mengeluarkan asap sama ada melebihi 50 ujian HSU atau tidak.

Kalau kerajaan masih mahu pemeriksaan dijalankan oleh Puspakom ia mesti memastikan ujian objektif dijalankan sebelum mengeluarkan saman. Kalau saman boleh dikeluarkan berdasarkan gambar, maka pemeriksaan Puspakom mesti dibatalkan. Kalau begitu saya rasa tidak guna kita memastikan semua kenderaan menjalani pemeriksaan yang dijalankan oleh Puspakom dan mereka hanya membayar wang kepada Puspakom yang sia-sia kerana kalau asap hitam masih keluar dari kereta mereka, mereka pun akan dikenakan saman.

Pada masa sama, kerajaan juga mesti memastikan mesin pemeriksaan asap hitam Puspakom adalah selaras dengan pihak penguatkuasa. Saya ada terima aduan orang ramai bahawa mereka didapati melebihi 50 HSU sungguhpun baru diluluskan dua minggu lepas oleh Puspakom.

Aspek keempat, pertindihan tugas di antara polis dan JPJ di mana kedua-dua pihak boleh mengambil tindakan ke atas kesalahan yang sama tapi hukumannya berlainan. Contohnya JPJ dan pihak polis ada lima kesalahan yang berlainan di mana pengurangan tidak akan diberikan dan kompaun maksimum sebanyak RM300 dikenakan. Ini sangat mengelirukan kerana bagi satu pihak dikenakan RM30 pada lain RM300 sungguhpun kesalahan adalah sama. Pelarasan haruslah dijalankan agar tidak wujud kekeliruan ini.

Aspek kelima, sungguhpun JPJ bukan lagi menjadi jabatan kerajaan yang paling korup mengikut Badan Pencegah Rasuah bila tempatnya diambil oleh Kementerian Pendidikan, ia tidak boleh berpuas hati dengan prestasinya bila masih dalam tangga lima yang paling atas. Usaha harus diambil untuk menjadikannya satu jabatan yang bersih, cekap dan amanah. Peristiwa malang penumpang-penumpang yang terpaksa bermalam di Stesen Bas Pudu tahun ini untuk bas yang tidak sampai sungguhpun tiket bas telah dijual oleh JPJ semasa Perayaan Hari Raya Haji masih diingati orang ramai.

Satu daripada caranya ialah menaikkan gaji kakitangan JPJ demi melawan gejala rasuah dan meningkatkan profesionalisme. Tidak boleh dinafikan bahawa rasuah memang berlaku di kalangan pegawai JPJ. Ini disebabkan oleh desakan hidup kerana gaji terlalu kurang. Saya percaya kalau gaji penguatkuasa atau kakitangan JPJ dinaikkan, masalah rasuah dapat disekat sedikit sebanyak dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku sekarang tidak akan berlaku dengan begitu meluas sekali.

Aspek keenam, sungguhpun berpuluh-puluh juta ringgit telah dibelanjakan ke atas pengkomputeraan JPJ, banyak masalah masih berlaku yang menyulitkan, bukan menyenangkan para pengguna. Contohnya ada setengah pemandu yang

mendapati rekod lesen mereka hilang ataupun daripada lesen kereta dan motosikal tinggal hanya lesen motosikal sahaja. Banyak kes di mana lesen tidak dapat diperbaharui kerana pusat JPJ yang mereka pergi bukanlah tempat asal mereka mengambil lesen. Lagipun komputer kerap 'rosak' atau 'down' seperti di JPJ Melaka yang menyusahkan kedua-dua pengguna dan kakitangan JPJ.

Saya ingin tahu berapa banyak wang yang telah dibelanjakan ke atas sistem pengkomputeran yang tidak boleh pakai, diguna pakai dengan sempurna? Adakah satu tender terbuka dijalankan dan kalau tidak mengapa? Dan apakah sebabnya sungguhpun sistem komputer ini telah berjalan sebegitu lama ia kerap 'down' ia kerap tak boleh jalan. Saya rasa kalau ada apa-apa bugs, ia harus 'direbut' dengan cepat, lebih-lebih lagi apabila kerajaan telah membelanjakan berpuluh-puluh juta ringgit untuk komputer ini. Saya tahu berapa jumlah sebenarnya yang dibelanjakan oleh JPJ untuk mengkomputerisasikan JPJ di seluruh negara. Mengapa ia tidak berkesan, ia tidak efektif dan ia tidak boleh diguna pakai dengan sebenar?

Satu masalah yang besar juga, ialah kekurangan penyelarasan di antara JPJ dan pihak polis yang mengakibatkan ramai pemandu tidak dapat memperbaharui lesen atau cukai jalan mereka. Saya tidak faham logik dan rasional saman 5 tahun yang lepas dimasukkan dalam senarai hitam seseorang pemandu bila ia tidak dimasukkan pada tahun sebelumnya, atau pada tahun lepas. Macam mana semua pemandu menyimpan resit saman yang mereka bayar 5 tahun yang lepas. Kesemua ini menyusahkan rakyat jelata dan saya harap satu pengkajian semula dijalankan agar semua saman melebihi 2 tahun tidak akan dimasukkan dalam senarai hitam seseorang pemandu kerana ia boleh dianggap daripada kaca mata orang biasa atau man on the street, dengan izin, tarikh

sudah luput, sudah 5 tahun macam mana ada resit lagi tapi bila dia nak memperbaharui lesen dan cukai jalan masih disenaraihitamkan kerana saman 5 tahun yang lepas sungguhpun dia mungkin sudah bayar tetapi macam mana dia nak cari resit yang dibayar 5 tahun yang lepas. Kalau pengkomputeran ini digunakan untuk menyusahkan rakyat saya rasa ia tidak akan—ini tidak kena pada tujuan sebenar JPJ untuk melicinkan proses urusan, pentadbiran dan pembaharuan lesen dan cukai jalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta pihak kerajaan mengambil tindakan ke atas kes seorang pemandu bas sebuah syarikat bas tempatan di Melaka, Bas Wira Sdn. Bhd., yang bukan sahaja menyebabkan kecederaan ke atas seorang penumpang tua berumur 69 tahun tetapi juga meninggalkannya di tepi jalan dalam keadaan hujan lebat turun tanpa menghantarnya ke hospital.

Kejadian sedih dan menyayat hati ini berlaku semasa hujan lebat turun di Taman Melaka Baru, Melaka, pada 5 petang 21hb Mac 1996. Perempuan tua tersebut yang bernama Puan Chu Kew Liew sedang turun daripada bas Kenderaan No. MV 4021 dan telah merayu pemandu bas dan konduktornya untuk menunggunya turun sebelum berjalan kerana pemandu bas nampaknya tidak sabar-sabar dengan berkali-kali menekan 'acceleratornya'.

Malangnya rayuan Puan Chu tidak dihiraukan, bila sebelum beliau sempat turun, pemandu bas telah menekan minyak dan memecut ke depan. Ini menyebabkan Puan Chu jatuh terlentang di jalan raya dan mengalami kecederaan serius di bahagian mata, tangan dan kaki. Cermin matanya pecah berkecai dan bajunya basah kuyup dan berdarah. Malah lengan kanannya patah dan beliau terpaksa menjalani pembedahan di hospital Besar Melaka pada 25hb Mac 1996.



Apa yang lagi mengejutkan ialah pemandu bas telah turun sekejap untuk mendudukkan Puan Chu sebelum cabut dan meninggalkannya di tepi jalan dalam keadaan hujan lebat. Bas konduktornya tidak turun langsung dari bas. Pemandu bas tidak menanyakannya tentang kecederaannya atau meminta maaf. Sepatutnya dia menghantar Puan Chu ini ke Hospital tetapi sebaliknya telah meninggalkannya begitu sahaja.

Sebagai masyarakat penyayang kepada warga tua dan juga sebagai amaran kepada pemandu yang tidak berhati perut ini, tindakan keras bukan sahaja mesti dikenakan ke atas kedua-dua pemandu dan syarikat bas berkenaan tetapi bayaran ganti rugi mestilah dibuat. Ini adalah penting untuk menghalang peristiwa seperti ini berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dua hari yang lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan mengakui secara terbuka bahawa secara tidak langsung usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan tidak berjaya bila jumlah kematian dalam kemalangan jalan raya meningkat untuk enam bulan pertama tahun ini kepada 3,600 mangsa. Ini berbanding dengan 5,700 mangsa terkorban untuk tahun lepas. Kalau ini berterusan, menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan ini, negara kita akan sekali lagi mencatatkan rekod kematian yang lebih tinggi untuk tahun depan.

Jelas sekali kemalangan di negara ini mencapai satu tahap krisis lebih-lebih lagi dalam kemalangan di Genting Highlands yang meragut nyawa 17 orang. Dalam aspek ini, perbelanjaan berpuluh-puluh juta ringgit untuk kempen keselamatan jalan raya menerusi penyiaran iklan nampaknya satu pembaziran wang rakyat yang besar. Malah, kaedah dan cara perlantikan kontraktor yang menjalankan penyiaran iklan ini juga

dipersoalkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, 1993. Laporan Ketua Audit Negara 1993 menyatakan Kempen Keselamatan Jalan Raya diadakan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap pentingnya keselamatan jalan raya.

Jawatankuasa Peringkat Menteri pada 30hb April 1990, bersetuju mengikat satu kontrak dengan sebuah syarikat swasta untuk melaksanakan kempen ini. Fasa I dari Mei 1990 hingga Ogos 1991 dengan kos RM11.86 juta dan Fasa II dari Januari hingga Disember 1992 dengan kos RM10.7 juta, dijalankan oleh kontraktor yang sama. Kelemahan berikut ditimbulkan:

- (a) syarat kontrak menyatakan sebarang assignment hendaklah mendapat kelulusan kementerian, akan tetapi ini telah dibuat oleh sebuah syarikat lain tanpa kelulusan kementerian.
- (b) tiada pengesanan ke atas pelaksanaan kontrak dijalankan oleh pihak kementerian.

Jelas, di sini adalah salah, tidak ada tender terbuka dijalankan dan syarikat kontraktor yang dipilih. Saya ingin tahu mengapakah tidak ada tender terbuka dan apakah syarikat yang berjaya mendapat kontrak ini dan pemiliknya? Apakah keistimewaan dan pengalaman syarikat tersebut yang membolehkannya dipilih?

Bolehkah pihak kerajaan juga menyatakan bahawa syarikat pengiklanan tersebut tidak ada kaitan dan tidak terlibat secara langsung atau tidak dengan mana-mana Menteri atau ahli pentadbir kerajaan serta ahli keluarga mereka? Rakyat juga ingin tahu berapa banyakkah wang yang dibelanjakan sehingga sekarang untuk pengiklanan yang sia-sia ini? Perbelanjaan berpuluh-puluh juta ringgit ini lebih digunakan untuk membaiki jalan raya daripada dibelanjakan untuk iklan-iklan yang bukan-bukan yang bukan sahaja

mengurangkan atau mengekalkan kadar kematian tetapi sebaliknya menaikannya? Ada apa jalan lagi oleh kementerian untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kematian di negara kita? Saya harap pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini dan juga kepada rakyat Malaysia, bagaimanakah kita boleh menyekat dan mengurangkan kadar kematian?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat kesal bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak menganggap Parlimen penting sehingga beliau tidak mahu datang membentangkan rang undang-undang ini atau menjawab hujah-hujah Ahli Parlimen. Sebagai Menteri adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk hadir di Parlimen, kalau tidak gaji Menterinya mungkin dianggap sebagai 'gaji buta' oleh rakyat. Sebenarnya, saya perhatikan beliau jarang hadir di Parlimen pada sesi ini sama seperti tahun 1990 sehingga 1994 di mana beliau hanya hadir 22 hari daripada 272 hari bermesyuarat di Parlimen. Dengan kata lain, kadar kehadiran sebanyak 8% ini kalau dalam sekolah sudah lama beliau dipecat kerana dianggap ponteng sekolah. Tetapi masih belum dipecat kerana ponteng Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya tidak nampak terdapat fasal ini dalam rang undang-undang yang kita bentangkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini tanggungjawab Menteri. Ministerial responsibilities.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Lagi pun, kalau hendak potong gaji pun, itu biasanya kita boleh bahaskan dalam Sesi Belanjawan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak cadangkan potong gaji tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua cadangkan potong gaji, saya akan buat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tetapi Yang Berhormat, balik kepada....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi saya tidak cadangkan potong gaji Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hanya cakap 'makan gaji buta' sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Balik kepada tajuk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Malah Tuan Yang di-Pertua, beliau lebih jarang datang ke Parlimen kalau dibandingkan dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Adalah tidak mungkin beliau lebih sibuk daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya ingin memberikan nasihat agar beliau boleh mencontohi Naib Presiden MCA dan Ahli Parlimen Serdang yang walaupun tidak ada jawatan kerajaan, masih datang setiap hari ke Parlimen.

Oleh itu, saya harap beliau boleh menganggap Parlimen ini cukup penting dan serius untuk datang ke Parlimen. Yang Berhormat Menteri mesti menghadiri Parlimen lebih kerap dan serius serta bertanggungjawab ke atas krisis kemalangan dalam negara. Kalau beliau bersikap lebih gigih dan positif, kemungkinan besar kadar kematian di jalan raya dapat dikurangkan.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bagan.

10.05 pagi.

**Tuan Lim Hock Seng (Bagan):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga

turut ingin mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang iaitu satu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, dalam akta yang dicadangkan ini ada membenarkan bahawa seseorang individu boleh mencadangkan nombor kereta yang beliau ingin. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, klausa ini adalah satu klausa yang direka hanya untuk orang kaya sahaja dan orang-orang yang eksklusif atau tertentu sahaja. Saya ingin bertanya di sini, jikalau seseorang biasa yang ingin mencadangkan satu nombor yang beliau ingin, berapa harganya beliau kena membayar kepada JPJ? Berapa harganya? Setahu kita Tuan Yang di-Pertua, nombor 1 hingga nombor 10 kadang-kadang di JPJ ia ditender dari RM5,000 sehingga RM40,000. *(Disampuk)* Ya. Jadi, nombor persendirian misalnya "Lim Hock Seng - LHS 1" - berapa saya kena bayar? Sama ada ia akan bawah dari tender yang seperti biasanya dijalankan. Mungkin. Kalau itu mungkin, siapa sahaja di tepi jalan pun boleh menempah nombor seperti ini. Pada masa sekarang, sekurang-kurangnya satu nombor yang diinginkan, ia dikenakan mungkin termurah sekali RM60 dan jikalau kerajaan hendak menetapkan satu nombor di mana seseorang ingin mempunyai rendah dari kadar RM100, itu mungkin akan membawa satu faedah kepada orang ramai dan bukan satu-satu nombor yang akan dicadangkan itu dikenakan satu harga yang melebihi RM10,000, RM20,000 atau RM50,000. Itu saya anggap satu cadangan yang hanya untuk orang-orang yang berpangkat tinggi dan orang-orang yang eksklusif sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang nombor kereta. Pada masa sekarang di dalam rang undang-undang ini juga membenarkan nombor yang disukai oleh orang (individu), tetapi pada masa sekarang ini, Proton ada

nombornya yang tersendiri, Satria ada nombornya yang tersendiri, Perodua juga ada dan saya nampak ada sebuah kereta yang menggunakan nombor pendaftaran Sukom 848. Sukom pun boleh dibenarkan dan mengapa pada kereta-kereta yang saya sebutkan tadi (Proton, Perodua, Satria, Sukom), kesemuanya boleh memakai nombornya yang tersendiri dan huruf-huruf nombornya juga kecil sahaja. Tetapi jikalau seseorang rakyat biasa memandu sebuah kereta di atas jalan dan huruf nombornya kecil daripada undang-undang yang ditetapkan, maka saman akan dikenakan. Bukan sahaja saman akan dikenakan, malahan kereta ini perlu dihantar ke JPJ untuk diperiksa, diperiksa chasis, diperiksa nombor enjin, segala-galanya dan dibayar. Barulah beliau boleh dilepaskan.

Saya nampak di Malaysia ini ada dua law. Ada double standard. Mengapa dibenarkan Proton, Satria, Perodua, Sukom ini memakai huruf yang begitu kecil sekali tetapi pada orang biasa, nombor biasa, ia perlu mengikut satu standard, ia perlu mengikut satu ukuran yang telah ditetapkan? Jadi, di sini juga saya ingin mendapat satu penjelasan dari Setiausaha Parlimen di mana ia berada pada hari ini untuk menjawab soalan yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu masa dahulu nombor kereta boleh ditransfer. Jikalau saya ada sebuah kereta lama dan saya ingin membeli sebuah kereta baru, nombor kereta saya boleh ditransfer dan juga kalau saya ingin menjual kereta saya, nombor yang lama itu saya boleh ambil alih. Tetapi pada satu masa ia telah berubah di mana nombor kereta tidak boleh ditransfer dan sekarang berbalik pula, di mana kita sedang membahaskan rang undang-undang ini dan ia boleh ditransfer lagi. Jadi, mengapa undang-undang atau peraturan-peraturan ini selalunya berubah-ubah.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya Yang Berhormat, Jelebu bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, boleh.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan sedikit, bila masanya JPJ menahan untuk tidak boleh nombor kereta lama ditransfer kepada satu kenderaan baru? Jadi, setahu saya selama ini hanya daripada kereta lama ke kereta lama sahaja yang tidak boleh. Tetapi selama ini daripada kereta lama ke kereta baru boleh dibuat, jadi saya tidak jelas undang-undang mana yang digunakan ini?

**Tuan Lim Hock Seng:** Memang Yang Berhormat ini beliau adalah seorang pegawai dari JPJ pada satu masa yang lepas, beliau mahir dalam perkara ini, tetapi setahu saya apabila kita menjual sebuah kereta kepada orang lain dan kita beli balik sebuah kereta, mereka tidak membenarkan kita mengambil balik nombor itu. Itu saya tahu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, dia bangun lagi.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat bukan JPJ tidak benarkan! Ini saya hendak memberi sedikit-sebanyak penjelasan kepada Yang Berhormat.

Sebenarnya pemilik tidak memohon untuk nombornya ditukarkan, sebab untuk proses pertukaran nombor kita panggil 'interchange process', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dia ada beberapa syarat. Jadi, kalau Yang Berhormat tidak memenuhi syarat itu macam mana JPJ hendak luluskan? Ini tidak ada kena-

mengena dengan peraturan dan undang-undang, cuma.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat hendak beri penjelasan?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** ... hendak menambah penjelasan, sebab dia pun hendak.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat hanya boleh minta penjelasan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya minta dan tambah sedikit-sebanyak, sebab dia itu kelabu, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, bernasib baiklah kalau semua orang pergi ke pejabat JPJ dan nampak seorang atau bertemu seorang pegawai yang bersikap seperti Yang Berhormat di sana, di mana beliau memberi penerangan kepada seorang dengan sopan-santun bagaimana caranya, bagaimana prosedurnya bagi memohon untuk ditransferkan nombor-nombor itu. Tetapi malangnya pada masa sekarang apabila seseorang khasnya orang biasa yang pergi ke JPJ dan meminta satu borang untuk mentransferkan nombor-nombor ini mereka diberitahu tidak ada borang seperti ini dan sebarang permohonan untuk memohon sesuatu dari JPJ mereka perlu borang yang tertentu, kadang-kadang mereka kena bergilir-gilir untuk mendapatkan borang ini—itu yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin beralih kepada 'speed warning light' yang dipasang di kereta komersil atau perdagangan. Pada satu masa dahulu, kalau tidak silap saya mungkin 5 tahun yang lalu di mana lori-lori perlu memasang satu alat iaitu warning light di hadapan kereta itu....

**Seorang Ahli:** Di atas.

**Tuan Lim Hock Seng:** .... di hadapan kereta itu bermakna di ataslah. Jadi, bila pemandu ini membawa kereta terlebih laju ia akan memberi signal atau amaran. Pada mula-mulanya saya pun tahu, apabila kita membawa sesebuah kereta (kenderaan), kalau kita memandu sebuah kereta, jika kereta ini lari dengan laju, semua orang akan tahu, kalau memandang meter. Jadi, mengapa perlu lagi satu warning light di atas kereta itu. Oleh itu, tidak lama lagi alat ini tidak dipakai dan peraturan ini pun tidak dikuatkuasakan. Jadi, tuan punya kereta atau tuan punya lori perlu membelanja mungkin sehingga RM250 untuk memasang satu warning light itu.

Jika kita mengambil satu angka, berapa banyak kenderaan yang ada di dalam Malaysia ini, beratus ribu dan times RM250 untuk sebuah kereta berapa juta telah dibelanjakan? Tetapi peraturan ini dibubar sahaja, tidak dipatuhi dan masa ini kembali pula ada cadangan untuk memasang warning light. Jadi, saya anggap peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan ini selalunya berubah-ubah sehingga orang pun tidak berkeyakinan sama ada suatu peraturan yang dicadangkan itu akan kekal atau tidak, mungkin semua orang akan tunggu kepada saat-saat yang terakhir barulah hendak menjalankan undang-undang yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak selalunya seperti motosikal yang perlu memasang lampu di siang hari, motosikal yang perlu menggunakan cermin belakang. Saya tidak nampak ada apa-apa cadangan dalam Parlimen - saya tidak faham ada satu peraturan yang tidak perlu dibentangkan dalam Parlimen ini, sebab motosikal yang kena memasang lampu pada siang hari, cermin belakang juga kena dipasang pada kedua-dua belah. Kalau tidak dipasang, jika didapati oleh polis mereka akan disaman. Mengapa

peraturan ini tidak perlu dibentangkan dalam Dewan ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa di sini iaitu had laju di lebuh raya iaitu highway speed. Pada masa sekarang ia ditetapkan pada 110 kilometer satu jam dan selalunya bagi orang-orang yang cukup sabar, orang-orang yang meningkat pada satu umur yang bukan sangat tua, mereka boleh bersabar, mereka bolehlah membawa 110 kilometer, tetapi selalunya kita memandu di atas lebuh raya, kita nampak ada kenderaan yang lari lebih daripada 110 kilometer dan mereka ini bukan mencari maut, tetapi mencari susah, nanti mereka akan ditangkap oleh pihak Polis Peronda di lebuh raya. Jadi, pada pendapat saya jikalau had laju di lebuh raya boleh ditingkatkan kepada 10 percent lagi iaitu lebih kurang 120 kilometer, ia mungkin boleh mengatasi banyak masalah—120 kilometer iaitu 10 percent dari apa yang ditetapkan pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merayu di sini jikalau pihak polis yang telah menahan sesebuah kenderaan yang di mana had lajunya tidak melebihi 10 percent ini, mereka tidak perlu disaman. Kalau kami memotong kereta, kadangkala kita teringat sesuatu dan tidak sengaja atau tidak berasa bahawa kaki kita telah tertekan minyak itu, jadi ia akan melebihi 110 kilometer. Jikalau boleh saya katakan perkataan 'ngam-ngam' ada pihak polis di sebelah sana, 'ngam-ngam'.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat 'ngam-ngam' itu apa maksudnya?

**Tuan Lim Hock Seng:** 'Ngam-ngam' itu.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kebetulan.....

**Tuan Lim Hock Seng:** Secara kebetulan—coincidentlah 'ngam-ngam'. Saya ingat semua orang faham perkataan ini, 'ngam-ngam'....

**Seorang Ahli:** Tak faham! (*Menyampuk*)

**Tuan Lim Hock Seng:** Kalau tidak faham, sekarang boleh faham, kebetulanlah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sabar.

**Tuan Lim Hock Seng:** Jadi, apabila kami memotong kereta atau kita tidak sengaja kaki kita telah tertekan minyak dan ia terlaju melebihi 110 kilometer, dia akan dikenakan saman, saya ingat pada kadar kelebihan yang 10 percent itu tidak perlulah dikenakan saman.

**Dato' Othman bin Abdul:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, saya agak DAP ini memang kaburlah, tadi wakil Kota Melaka kata hendak kurangkan kemalangan, tanya kementerian macam mana hendak kurangkan, dia ini minta kelajuan 120 kilometer pula dah, saya agak kaburlah, jawab sedikit!

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, ini pendapat perseorangan, beliau kata hendak mengurangkan kadar kemalangan di atas jalan raya, beliau ada cadangan. Tetapi saya berkata had laju di atas jalan raya bukan kamu bawa 120 kilometer sejam, dia mesti boleh kena kemalangan, bukan beliau bawa 80 kilometer sejam atau 70 kilometer sejam dia mesti tak boleh kena kemalangan, itulah dikatakan accident. Saya nampak di sini kalau orang yang bawa lebih cepat, dia akan bertumpu .....

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Gerik bangun ini.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, ini Timbalan Menteri ya?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Bagan, apakah pada pendapat beliau sebabnya kementerian meletakkan had laju ini 110 kilometer sejam dan tidak lebih daripada 110, apa sebabnya, untuk apa?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu soalan yang saya memang minat juga tetapi saya tak boleh jawab. (*Ketawa*) Saya pun tak tahu mengapa, apa kriterianya, apa standardnya beliau pakai. Soalan ini saya berharap Setiausaha Parlimen, ini satu soalan yang baik, satu soalan dari Timbalan Menteri dan perlu dijawab!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tetapi soalan tadi itu ditujukan kepada Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tetapi saya minta juga, saya boleh ambil alih untuk minta kepada Setiausaha Parlimen. (*Ketawa*)

**Dato' Othman bin Abdul:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ditujukan semula! Ya, yang ini Pendang bangun lagi.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya jawab? 110 kmj. itu kerana hendak mengurangkan kemalangan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat bangun hendak minta penjelasan ataupun hendak jawab?

**Dato' Othman bin Abdul:** Saya hendak jawab, selepas itu hendak minta penjelasan. (*Ketawa*) 110 kmj. ini hendak mengurangkan kemalangan, jadi, macam mana Ahli Yang Berhormat hendak minta 120 kmj.? Jadi, saya agak Ahli Yang Berhormat kena betulkan fikiran sedikit, DAP ini kena betulkan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ramai minat hendak menjadi Menteri Pengangkutan! (*Ketawa*) Termasuk Pendang ini.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Kangar.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali kita boleh bersetuju minta pandangan kerana soalan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dijawab oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Jadi, perbincangan, perbahasan yang diambil bahagian oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan ini sebenarnya tidak tahu apa benda yang dia bercakap dan nampak tidak ada pakatan di antara Kota Melaka dengan Bagan tadi, nampaknya sudah berpecah. Terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, bukan saya tak sedar apa yang saya perkatakan. Pada masa ini had laju di lebuh raya ditetapkan pada had 110 kilometer sejam dan saya hanya meminta lagi 10% tambah sahaja, saya pun tak berani minta lebih. (*Ketawa*) Jadi, bukan saya tak sedar dan apa yang Kota Melaka kata, kemalangan ini di atas jalan raya. Tadi, saya sudah berkata bukan orang yang membawa 130 kmj., 140 kmj. beliau pun mesti boleh kena kemalangan. Orang

yang memandu dengan had kelajuan 70, 80 kilometer satu jam, beliau mesti tak boleh kena kemalangan. Kemalangan boleh berlaku dengan tidak disangka-sangka, tetapi pada pendapat saya jikalau kita pandu sesebuah kereta dengan cukup laju, kita mesti bertungkus-lumus 'concentration', kita mesti memandu begitu dan bukan sahaja memandu dengan cepat dan juga sambil mendengar radio ataupun bercakap dengan telefon bimbit, itu bukan saya galakkan Yang Berhormat. Dan selalunya .....

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** (*Bangun*)

**Tuan Chang Kon You:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Kangar bangun lagi, ada dua orang yang bangun! Kangar yang bangun dahulu.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, satu ketika dahulu, Yang Berhormat Ketua Pembangkang ada kemalangan dekat dengan Segamat, jadi, masa itu bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Bagan jelaskan, masa itu dia tengah laju atau perlahan ataupun sedang mendengar radio atau sebagainya, ataupun di bawah had laju ataupun lebih?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sebab saya tak ada dalam kereta itu (*Ketawa*) dan apa yang kita baca hanya dari surat khabar sahaja dan apa yang saya dengar dari Ketua Pembangkang bahawa beliau sedang membawa sebuah kereta dengan rakan sejawatnya, suddenly dia mendengar satu letupan di belakang seperti gear telah patah, 'khuk' satu kali kereta dia sudah tergelincir dan terus melambung ke tebing jalan itu dan selain dari itu saya tidak tahulah apa hal itu. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, selalunya kita membawa kereta di atas jalan raya baik pun balik ke Pulau Pinang ataupun pergi

ke Johor, selalu nampaknya kereta-kereta menteri, kereta-kereta kenderaan kerajaan 'zoom' satu kali, saya ingat 170 kilometer sejam pun adalah (*Ketawa*) dan mengikut taksiran Ahli Yang Berhormat dari Kangar mereka ini mesti boleh kena maut, mesti boleh kena kemalangan. Jadi, selalu biasa sahajalah, orang biasa kalau dia lari lebih had dari 110 kmj. mereka akan kena saman. Kepada mereka seperti menteri, timbalan menteri atau sesiapa dalam kerajaan atau kereta kenderaan kerajaan, mereka melebihi had laju ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya cuma meminta 10% sahaja dan saya agak 10% ini untuk mengurangkan sekurang-kurangnya 30% saman yang boleh dikenakan. Selalu orang kalau bawa 160 kmj., dia kena saman puas hati, kalau dia bawa 115 kmj., dia kena saman, ini cukup aniyalah, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Saya ingat kalau pandu 160 kmj., 150 kmj. jika kena saman pun tidak mengapa, tetapi kalau memandu dengan kelajuan 115 kmj., 118 kmj., dia kena saman, itu cukup tidak puas hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta di sini supaya had laju di lebuh raya ditingkatkan hanya 10% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan lori treler yang membawa besi keluli, tetapi ini adalah dari hati saya, saya nampak di jalan raya, baik di jalan raya yang lama, baik di lebuh raya tol atau di lebuh raya yang baru. Selalunya lori-lori ini mereka bawa besi keluli sepanjang 13 meter atau 40 kaki, tetapi lori treler hanya 34 kaki atau 36 kaki sahaja dan ada juga yang panjang besi melebihi dari badan lori itu, mungkin panjangnya ada satu meter lebih dan mereka ada judging out from the lorry, dengan izin, dan jikalau lori ini mengalami apa-apa kerosakan dan berhenti di tepi jalan dan motosikal atau pemandu kereta, private car, kadang-kadang mereka mengantuk dan mereka terus melanggar

besi ini, cuma lori itu tinggi dan besi kelulinya yang melebihi dari badan lori itu terus akan memecahkan cermin dan orang pun boleh terus masuk ke belakang lori itu.

Saya bukan kata lori tak boleh membawa besi keluli tetapi besi keluli ini perlulah ada satu kenderaan yang khas, satu kenderaan yang boleh mengambil satu langkah supaya tidak membenarkan besi-besi yang lebih panjang itu keluar dari badan lori itu. Jika ada pelanggaran di belakangnya pun tidaklah begitu serius seperti yang berlaku pada masa sekarang ini.

**(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)**

Tuan Yang di-Pertua, itulah cadangan saya dan saya juga ingin memberi sedikit nasihat kepada pasukan penguatkuasa yang membuat perondaan di atas jalan raya ini, sebenarnya pasukan penguatkuasa yang berada di jalan lama ataupun di lebuh raya, mereka mesti bersopan santun, bersabar dan juga memberi amaran atau nasihat kepada pengguna jalan sahaja, bukan semata-mata datang untuk menahan kereta dan meminta lesen dan terus mengeluarkan saman tanpa memberi apa-apa sebab atau memberitahu pemandu kereta itu apa kesalahan yang beliau telah lakukan.

Beliau selalu kata, "encik telah disaman, kalau tidak puas hati boleh pergi cakap sama mahkamah". Apa salahnya mesti diterangkan supaya beliau sedar apa yang telah dilakukan oleh beliau sendiri dan supaya keadaan atau kelakuan ini tidak akan berulang lagi dan bukan hanya berkata, "kalau tidak puas hati tidak payah cakap sama saya, terus cakap sama mahkamah".

Tuan Yang di-Pertua, kalau hanya berkata "saman perlu dicakap di mahkamah", saya agak ramai orang sudah



tahu. Seperti kalau tidak potong 'queue', potong di sebelah kiri, tidak berhenti di lampu isyarat (traffic light) atau berhenti di yellow box (petak kuning), mereka ini yang melakukan ketiga-tiga kesalahan ini tidak boleh dikurangkan kompaun jika mereka pergi kompaun di balai polis. Mereka kena RM300 dan tidak boleh dikurangkan kompaunnya. Dan sekiranya ketiga-tiga kesalahan ini dibawa ke mahkamah atau magistrate dan kita mengaku salah di sana, denda boleh dikurangkan, mungkin magistrate atau hakim akan kata RM120.00 atau RM150.00. Saya bukan pertikaikan budi bicara hakim atau megistrate ini, sebenarnya hakim atau magistrate ini, mereka bertimbang rasa, mereka mendengar rayuan dan mereka menimbang keadaan dan hukuman yang mereka jatuhkan itu adalah adil dan untuk mengurangkan beban mahkamah atau magistrate.

Saya mencadangkan supaya RM300 yang tidak boleh dikurangkan kompaunnya boleh ditimbang semula supaya satu budibicara atau satu pertimbangan yang boleh dijalankan oleh pegawai-pegawai seperti OCPD atau AOC atau Traffic Chief di satu-satu daerah, mereka diberi kuasa untuk mengurangkan ketiga-tiga kesalahan ini iaitu tidak semestinya didenda RM300 untuk kesalahan ini, mungkin denda mereka boleh dikurangkan kepada satu tahap yang mereka ingat adalah adil dan munasabah kepada pengguna.

Dengan kata ini, sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kementerian menjawab.

**10.34 pagi.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung):** Tuan Yang di-Pertua, pertama

sekali saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Senai, Lumut, Gelang Patah, Kelang, Seremban, Sepang, Segambut, Jelebu, Kota Melaka dan Bagan, yang akhir sekali, yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini dengan memberi begitu banyak teguran dan cadangan yang bernas mengenai dasar dan aktiviti Jabatan Pengangkutan Jalan yang merupakan salah satu agensi di bawah kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua maklum, memang menjadi hasrat kerajaan untuk mewujudkan satu sistem pengangkutan yang sempurna dan senantiasa mengikut peredaran dan keperluan masa supaya rakyat sebagai pengguna jalan raya bukan sahaja dapat menikmati suasana yang selesa malah mereka merasa selamat ketika berada di jalan raya seperti dikatakan oleh Yang Berhormat dari Lumut. Matlamat kerajaan ialah keselamatan rakyat dan bukan menyusahkan rakyat. Memang terdapat seorang dua ahli pembangkang dalam proses melepaskan geram, iri hati terhadap kejayaan Barisan Nasional telah melempar beberapa dakwaan yang tidak berasas tetapi walau bagaimanapun, di sini saya ingin memberi sedikit sebanyak jawapan sebenarnya kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, kerajaan juga harus membuat cadangan pindaan kepada peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam undang-undang dari masa ke semasa. Dari segi cadangan-cadangan yang dihuraikan, yang mana didapati tepat, munasabah dan baik akan diambil kira oleh kerajaan sebagai panduan sebelum sesuatu dasar dibentuk dan diimplementasikan.

Sekarang saya ingin menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan supaya mereka tidak mempunyai salah

tafsiran dan secara tidak langsung dapat membantu kerajaan berkaitan dengan aktiviti-aktiviti JPJ dari segi menasihati rakyat di kawasan-kawasan yang diwakili.

Saya percaya keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap hasrat kerajaan yang bertanggungjawab dalam bidang ini jelas menunjukkan betapa bertanggungjawabnya Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri di dalam menjalankan tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mula dengan perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Walaupun beliau tidak ada dalam Dewan ini, saya ingin memberitahu iaitu perkara yang dibangkit ialah mengenai semangat sivik dan bertanggungjawab di jalan raya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan atau kementerian saya melalui JPJ telah mengambil langkah seperti berikut:

- (i) untuk pemandu baru, sejak tahun 1991 semua calon pemandu adalah disyaratkan untuk menjalani latihan kelas selama 5 jam di mana subjek pemandu berhemat adalah diajar bagi menyemai sifat-sifat pemandu yang berhemat dan berdisiplin di jalan raya; dan
- (ii) untuk pemandu yang lama juga, tindakan telah diambil melalui tindakan penguatkuasaan dan kursus-kursus pemulihan yang dijalankan oleh kerajaan dan institut memandu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga membangkitkan soalan mengapa polis tidak membanteras kegiatan pelumba-pelumba motosikal haram. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, usaha untuk membanteras kegiatan lumba motosikal haram, sememangnya terus diperhebatkan dan

senantiasa dalam perhatian pihak polis. Perlumbaan haram yang terdapat dalam negara, ini bukanlah dirancang secara tersusun (well organised) dengan izin, tetapi berbentuk suka-suka oleh mereka yang terlibat. Oleh itu apabila pihak polis menguatkuasakan kegiatan ini, ianya akan berkurangan ataupun menjadi low profile, dengan izin. Kegiatan ini, walaupun tidak dapat dibanteras sama sekali, tetapi ianya dapat dibendung dan tidaklah ianya menjadi ancaman yang serius terhadap keselamatan negara. Dalam pada itu, ingin dimaklumkan bahawa kerap kali juga pihak JPJ turut terlibat dengan membantu pihak polis berhubung dengan aspek mengenal pasti ubahsuai yang dilakukan oleh pemilik motosikal.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat mengenai rang undang-undang yang dibentangkan di Dewan ini hanya menjaga kepentingan orang kaya, memang tidak benar sama sekali. Semua undang-undang yang diperkenalkan adalah untuk meliputi semua golongan rakyat dan ianya bukanlah untuk mempertahankan golongan-golongan tertentu sahaja. Adalah tidak benar pemilik-pemilik kenderaan yang menggunakan nombor kecil, single digit, dengan izin, tidak diambil tindakan jika melakukan kesalahan jalan raya. Dengan lain perkataan, tidak wujud langsung unsur 'double standard' dalam menguatkuasakan undang-undang lalu lintas.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kos perkhidmatan akan dinaikkan selepas aktiviti-aktiviti pelesenan dan pendaftaran kenderaan selepas diswastakan, adalah tidak benar, kerana aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak swasta akan dikawal selia secara rapi oleh unit kawal selia yang akan ditubuhkan oleh kerajaan, di samping itu segala perubahan tambahan bayaran perlu diteliti dahulu oleh kerajaan sebelum ianya dilaksanakan.

Mengenai soalan kenapa perangkap had laju kenderaan dibuat di kawasan

menurun bukit dan pada waktu tengah malam, misalnya, pukul 2.00 pagi, ingin saya memberitahu iaitu penguatkuasaan terhadap pemandu-pemandu yang memandu melebihi had laju (speeding) bukanlah bertujuan untuk mencari mangsa atau dilakukan di tempat-tempat yang dianggap kurang sesuai oleh orang awam.

Sebagai salah satu agensi penguatkuasa, pihak polis terpaksa menguatkuasakannya untuk menjaga keselamatan semua pengguna jalan raya. Sekiranya pemandu-pemandu tidak melanggar peraturan had laju, maka tidak ada perkara yang perlu dibimbangkan. Pihak polis dalam menjalankan penguatkuasaan had laju terlebih dahulu akan menentukan faktor-faktor keselamatan pengguna jalan raya dan juga para pegawai ataupun anggota polis yang bertugas jika pun terdapat di tempat-tempat seperti yang dipersoalkan, ianya bersifat 'rare cases', dengan izin, dan tidak berleluasa.

**Tuan Lim Hock Seng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Bagan bangun.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya harus menjawab dengan terperinci, satu persatu, maka saya tidak bercadang untuk memberi peluang untuk penjelasan, maaflah.

Walau bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan ini adalah bertujuan untuk menyedarkan orang ramai dan sekali gus dapat mencegah kemalangan jalan raya dari berlaku yang tidak mengira waktu sama ada siang ataupun tengah malam.

Mengenai cadangan supaya lorong khas di jalan raya disediakan untuk motosikal, memang kerajaan telah pun dan akan membina lorong-lorong khas motosikal di jalan-jalan raya yang mana yang sesuai.

Persoalan mengenai insurans perlindungan suami-isteri dalam kes kemalangan seperti 'third party claim' yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Senai, isu ini mengenai insurans dan di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Oleh itu, perkara ini perlulah dirujuk kepada kementerian berkenaan.

Yang Berhormat dari Senai, Seremban dan Jelevu telah membangkitkan dengan soalan apakah tujuan penggunaan nombor plat peribadi dan adakah mungkin terdapat nombor plat yang digunakan memaparkan perkataan yang lucu dan sensitif. Di sini saya suka menyatakan iaitu kemudahan-kemudahan nombor plat peribadi ini diberi untuk tujuan seperti berikut:

Pertama, meningkatkan lagi hasil kerajaan, kerana orang ramai tidak ingin memilih nombor berkenaan. Hanya orang-orang kaya sahaja yang ingin memiliki nombor-nombor berkenaan boleh membuat. Tetapi sesiapa pun yang berminat, bukan sahaja terhad kepada orang-orang kaya, dapat juga buat permohonan;

Kedua, nombor plat peribadi ini memberi kemudahan tambahan bagi orang-orang awam dan syarikat korporat. Kalau kita sedar, di negara-negara maju di seluruh negara ini telah mewujudkan sistem nombor kereta plat peribadi. Malaysia dalam proses mencapai kecemerlangan dalam semua bidang, juga memperkenalkan konsep nombor plat peribadi ini. Nombor plat peribadi diberikan kepada individu atau syarikat swasta yang memilih kombinasi nombor, had dan huruf, dan ianya akan dikawal selia oleh JPJ supaya nombor-nombor dan perkataan yang mempunyai unsur-unsur lucu dan sensitif tidak akan diluluskan. Di samping itu, pengenalan nombor-nombor plat peribadi adalah selaras dengan peredaran masa, seperti saya katakan tadi JPJ akan mengawal

ketat supaya unsur-unsur penyelewengan dan kekecohan tidak akan dilakukan oleh pihak-pihak tertentu.

Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan iaitu dari Senai, Seremban dan Jelevu juga bertanya mengapa pendaftaran dan pelesenan kenderaan perlu diswastakan. Di sini saya ingin menjawab, iaitu tujuan ataupun matlamat pendaftaran pelesenan kenderaan diswastakan oleh kerana, satu, untuk di 'regulate' dengan izin, dan mempercepatkan kerjasama di antara pihak pendaftaran kenderaan serta syarikat-syarikat insurans dan syarikat kewangan.

Kedua, kemudahan kepada pelanggan untuk membeli dan mendaftar serta melesenkan kenderaan dengan pihak-pihak yang sama yang meliputi kerja-kerja pendaftaran, pelesenan, pembelian insurans boleh dibuat di bawah satu bumbung ataupun 'under one roof', dengan izin.

Ketiga, ini merupakan satu langkah yang berpandangan jauh dengan mempertingkatkan lagi kecekapan, 'efficiency', dengan izin, demi kebaikan pengguna. Dari segi bayaran bagi perkhidmatan, kerajaan akan menjaga kepentingan rakyat dan kawal selia akan dibuat oleh kerajaan.

Yang Berhormat dari Lumut telah membangkitkan kejadian tidak melaporkan kemalangan kepada syarikat insurans. Tindakan ini boleh diambil di bawah seksyen 104 Akta Pengangkutan Jalan jika sesuatu kemalangan tidak dilaporkan kepada syarikat insurans. Ini adalah kerana menjadi kewajipan pihak yang terlibat dalam sesuatu kemalangan untuk melaporkan supaya tindakan tuntutan tidak menjadikan masalah. Walau bagaimanapun, polisi insurans adalah merupakan satu hubungan kontraktual di antara pihak yang menginsurankan dengan pihak yang diinsurankan. Biasanya syarat melaporkan sesuatu kemalangan kepada

syarikat insurans adalah perlu dibuat dalam tempoh 14 hari, dan ianya merupakan syarat yang dipersetujui di antara kedua-dua pihak. Bagaimanapun, kegagalan melapor sedemikian tidak menafikan hak untuk sesuatu tuntutan sivil bagi ganti rugi di mahkamah.

Yang Berhormat dari Kelang, Tuan Yang di-Pertua, telah bertanya adakah aduan yang dibuat oleh pemandu lain boleh diterima bagi maksud 'demerit point', iaitu di bawah KEJARA. Setiap aduan yang dibuat oleh siapa sahaja tanpa mengira pemandu atau bukan pemandu, tindakan JPJ ialah menjalankan untuk menyiasat dengan mendapatkan maklumat pemandu yang diadukan mengikut seksyen 115 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Jika didapati aduan ini benar, pemandu berkenaan boleh dikenakan tindakan dan diambil kira dalam peraturan 'demerit point', di bawah sistem KEJARA sekiranya kesalahan tersebut tertakluk di bawah Jadual Mata Kesalahan (Kaedah-kaedah Kenderaan motor).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Gelang Patah pula menyentuh tentang peruntukan dalam rang undang-undang mengenai penggantungan atau pembatalan lesen oleh Ketua Pengarah JPJ jika dianiayai adakah ini adil? Untuk makluman Yang Berhormat yang berkenaan, di bawah seksyen 37(1) beliau boleh, ataupun pihak yang terkilang boleh merayu dengan tunjuk sebab dalam tempoh masa 14 hari kenapa sesuatu lesen tidak harus digantung. Yang kedua, seksyen 37(3), "Rayuan muktamad dapat dibuat kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan."

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Seremban dan Segambut telah pun membangkitkan tentang pihak yang membuat penetapan had laju sesuatu di jalan raya dan kutipan tol. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penetapan had laju sesuatu jalan raya

adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya dan juga pihak berkuasa tempatan bagi jalan raya dan kawasan majlis tempatan. Dalam pada itu, penetapan pembayaran tol adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya. Dari segi rasional pengenalan lesen memandu percubaan, ingin saya memberitahu di sini iaitu lesen memandu percubaan adalah untuk menanam kesedaran sivik dari peringkat awal kepada pemandu-pemandu kita.

Mengenai soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Seremban mengenai saman, yang mana kesalahan saman dikeluarkan di mana kesalahan tidak dilakukan. Kesalahan trafik yang menyatakan oleh Yang Berhormat tidak jelas, sama ada saman terima 'in person', dengan izin, atau sebaliknya. Jika saman diberikan dengan menggunakan borang saman, Pol. 257, maka orang yang disaman akan menandatangani surat saman tersebut. 'That is direct service of summon', dengan izin. Sekiranya pemandu tidak ada, maka notis saman di bawah borang saman Pol. 170A akan ditampalkan di kenderaan supaya ianya meminta bukti-bukti pemandu. Ini adalah secara 'service indirect', dengan izin. Kemungkinan dalam kes yang kedua ini kenderaan yang kena saman menggunakan nombor plat palsu.

Oleh itu, pemilik kenderaan sebenarnya boleh berurus semula dengan pihak polis dengan hujah-hujah yang logik. Jika benar nombor plat palsu, dan tiada persamaan dengan kenderaan yang dikena saman, maka ianya akan dibatalkan. Ataupun kemungkinan kenderaan yang telah kena saman di Petaling Jaya dirakam oleh 'red light camera,' dengan izin, dan plat nombor palsu. Jika betul palsu, maka saman tersebut akan dibatalkan.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban juga bertanya sama ada Kementerian Pengangkutan mempunyai sistem

komputer yang dihubungkan dengan pihak polis. Jabatan Pengangkutan Jalan telah pun mempunyai komputer yang menyimpan rekod-rekod kenderaan dan pemandu...

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Chor Chee Heung:** Minta maaf Yang Berhormat, saya banyak lagi ini.

Komputer JPJ juga telah dihubungkan dengan komputer yang berada di Polis Diraja Malaysia bagi membolehkan pihak polis mengesan pemandu dan kenderaan yang melakukan kesalahan jalan raya ataupun lalu lintas.

Mengenai pemeriksaan ataupun sekatan jalan raya oleh Pegawai Penguatkuasa JPJ, Jabatan Pengangkutan Jalan mempunyai satu manual penguatkuasaan yang wajib dipatuhi oleh setiap pegawai dan anggota yang menjalankan penguatkuasaan termasuk semasa mengadakan sekatan jalan raya yang dijalankan secara terbuka dan pemandu-pemandu diberi tanda amaran awal melalui lampu, papan tanda dan petunjuk untuk memberhentikan sesebuah kenderaan. Sekatan ini diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Gred N3. Setakat ini JPJ tidak ada menerima sebarang aduan daripada orang ramai seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, JPJ sedia menyiasat dengan lebih terperinci sekiranya maklumat diberikan seperti tempat, tarikh dan masa sekatan dilakukan.

Yang Berhormat dari Sepang bertanya sama ada kerajaan akan mewajibkan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak. Setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk mewajibkan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak dalam kereta.

Walau bagaimanapun, kerajaan hanyalah menggalakkan penggunaannya.

Yang Berhormat dari Sepang juga menimbulkan masalah sama ada pemegang lesen memandu percubaan dikenakan tanda pengenalan di kenderaan semasa memandu. Ingin saya memberitahu di sini, pemegang lesen memandu percubaan selepas mendapat lesen ini akan disyaratkan untuk mempamerkan tanda huruf "P" di hadapan dan belakang kenderaan agar pemandu-pemandu lain lebih berwaspada terhadap mereka.

Yang Berhormat dari Sepang juga bertanya tempoh maksimum atau minimum hilang kelayakan daripada pemegang lesen memandu setelah lesen memandu dibatalkan. Mana-mana pemegang lesen memandu percubaan yang dibatalkan di bawah Seksyen 35A, di bawah Akta Pengangkutan Jalan juga hilang kelayakan memohon atau memegang lesen bagi tempoh 12 bulan di bawah peruntukan baru iaitu Seksyen 27(6)(c).

Mengenai soalan sama ada tempoh percubaan akan dikuatkuasakan kepada semua jenis kenderaan, sama ada termasuk kenderaan komersil, kenderaan berat, di sini saya suka menyatakan yang pertama; di bawah peruntukan baru pemegang lesen memandu percubaan adalah dilarang memohon lesen vokasional dan perlu menghabiskan tempoh percubaan selama dua tahun sebelum layak memohon lesen vokasional.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah pemandu-pemandu baru perlu memegang lesen memandu kenderaan ringan iaitu lesen kelas D terlebih dahulu sebelum boleh memegang lesen memandu kenderaan berat. That is, graduated licensing system, dengan izin.

Yang Berhormat dari kawasan Segambut telah menyentuh tentang had

laju di hadapan Bank Negara Malaysia iaitu 50 km sejam dan jalan terhad penggunaan 7.00 pagi hingga 9.30 pagi. Perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya harap Yang Berhormat dari Segambut dapat merujuk perkara ini kepada pihak mereka.

Yang Berhormat dari kawasan Jelevu dalam perbahasan yang panjang lebar telah membangkitkan beberapa persoalan. Yang pertama, mengenai lesen-lesen memandu yang dikeluarkan secara penyelewengan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi mengesan dan mengenal pasti lesen-lesen memandu yang dikeluarkan secara sah, JPJ telah memulakan tindakan memproses semula lesen-lesen memandu dari format lama ke lesen format baru dan urusan ini akan berakhir pada 30hb. Disember tahun ini.

Mengenai cadangan beliau supaya kaji semula ujian bertulis oleh kerana soalan-soalan dalam ujian ini sangat susah dan yang kedua, pengurangan soalan daripada 50 soalan kepada yang lebih rendah bagi kategori-kategori mereka yang tidak tahu membaca dan menulis dan juga membantu calon-calon memandu di kawasan pedalaman seperti kampung. Suka saya memberitahu di sini iaitu JPJ sedang menggubal dan merombak semua soalan ujian bertulis agar lebih senang dan mudah difahami tanpa menjejaskan mutu penilaian ujian. Walau bagaimanapun, setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan soalan-soalan bagi kategori ini kerana ujian ini boleh dijalankan sama ada secara lisan ataupun bertulis. Dalam perkataan lain, jika seseorang ini adalah buta huruf, beliau juga dapat mengambil peperiksaan atau ujiannya melalui cara lisan.

Jabatan Pengangkutan Jalan memang mempunyai program pendidikan dan pengujian khas bagi calon-calon di kawasan perkampungan. Program yang

dilaksanakan ini adalah disambut baik oleh masyarakat desa dan adalah hasrat JPJ supaya semua pejabat di setiap ibu kota di tiap-tiap negeri dapat menjalankan ujian ini dengan perkhidmatan di tempat-tempat bukan dalam pusat JPJ di ibu kota tetapi di pedalaman ataupun di desa.

Mengenai kurikulum yang umum bagi Ujian Bahagian I untuk orang-orang buta huruf, saya sudah memberitahu tadi iaitu kurikulum adalah sama kepada semua golongan tanpa mengambil kira sama ada mereka yang buta huruf atau tidak kerana aspek yang diuji adalah kefahaman mengenai undang-undang dan pemanduan berhemat dan kerajaan tidak bercadang untuk berkompromi kerana ianya akan menjejaskan keselamatan di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya pegawai penguatkuasa JPJ ditambah bilangannya untuk menguatkuasakan Akta Pengangkutan Jalan, pihak JPJ telah pun mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menambahkan pegawai-pegawai penguatkuasa supaya selaras dengan peningkatan jumlah kenderaan dan keluasan jalan raya pada masa ini. Pasukan penguatkuasa yang ada sekarang adalah berdasarkan perjawatan sejak tahun 1991. Tidak ada pertambahan pegawai dan anggota sejak dari tahun tersebut.

Mengenai pembekalan senjata api kepada pegawai-pegawai penguatkuasa, saya ingin memberitahu iaitu permohonan pembekalan senjata api telah pun dibuat sejak tahun 1993. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak diluluskan oleh agensi pusat lagi. Dengan itu, pihak JPJ akan mohon semula perkara ini kepada agensi pusat.

Mengenai perkara yang dibangkit iaitu sistem Adilkap perlu dikaji semula, pihak JPJ telah pun memperkenalkan sistem ujian Adilkap yang telah diubahsuai di mana aspek-aspek kemahiran semasa

memandu di jalan raya lebih ditekankan seperti mengenal pasti halangan-halangan dan situasi seperti laluan di kawasan perumahan, sekolah dan lain-lain, iaitu ujian memandu di jalan raya telah pun ditambah kepada 30 minit. Perkara ini sedang dijalankan di Melaka sebagai satu pilot project, dengan izin, dan akan diperluaskan ke seluruh negara tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan memandu di waktu hujan lebat dalam sukatan ujian memandu kereta, peraturan memandu di waktu hujan lebat memang diajar sebagai integral part di bawah kurikulum sekolah memandu dalam kelas teori yang dilaksanakan pada tahun 1992. Cadangan ini untuk mengajar memandu semasa hujan lebat dimasukkan dalam sukatan pelajaran memandu secara praktikal, ianya satu cadangan yang baik dan akan diteliti oleh JPJ. Dalam perkataan lain, selain daripada kelas teori yang mana pelajar-pelajar memandu diperlukan untuk mengikuti kelas teori mengenai ujian memandu pada masa hujan lebat, sekarang JPJ sedang meneliti sama ada ianya dapat diperluaskan ke kelas praktikal dan kemungkinan pada masa ujian praktikal ianya akan diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, soalan sama ada pemandu percubaan boleh memandu kenderaan yang bergear automatik semasa tempoh percubaan. Ingin saya memberitahu seseorang pemandu yang memegang lesen memandu percubaan akan dibenarkan untuk memandu kenderaan tidak mengira sama ada kenderaan tersebut mempunyai gear automatik ataupun gear secara manual. Ini adalah kerana pemandu tersebut telah pun lulus ujian memandu, bagaimanapun beliau adalah disyaratkan untuk menjalani tempoh percubaan selama dua tahun. Oleh itu adalah tidak adil untuk menyekat atau menegah pemandu berkenaan daripada menggunakan kenderaan yang bergear automatik.

Mengenai had umur maksimum pengajar sekolah memandu yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Jelevu, JPJ akan mengkaji cadangan ini supaya menetapkan umur seseorang pengajar sekolah memandu, sekiranya munasabah.

Mengenai had umur kenderaan pula JPJ telah pun mengenakan had umur kenderaan bagi pengajaran memandu cara berperingkat-peringkat. Buat permulaan JPJ telah pun mensyaratkan supaya kenderaan sekolah memandu yang dipandu di jalan raya hendaklah tidak melebihi 15 tahun. Pengenaan syarat had umur bagi lain-lain kenderaan seperti institut memandu juga telah dikenakan iaitu institut memandu hendaklah menggunakan kenderaan baru sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan-soalan ataupun pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan dan Yang Berhormat dari Kota Melaka yang dihuraikan pada pagi ini, izinkan saya menyentuh sedikit-sebanyak mengenai kejadian masalah samseng di jalan raya. Dalam pada itu semasa perbahasan Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Gelang Patah, Kubang Kerian, Kelang, Seremban dan Segambut ada menyentuh kejadian samseng atau keganasan jalan raya. Dalam hubungan ini kerajaan adalah memandang berat mengenai kejadian keganasan di jalan raya di negara ini. Keganasan sedemikian jika melibatkan kecederaan yang teruk ke atas lain-lain pengguna jalan raya adalah satu kesalahan jenayah. Dengan itu adalah lebih wajar kesalahan ini dihukum dengan menggunakan Kanun Keseksan atau Penal Code di bawah Seksyen 326 kanun berkenaan, seseorang pesalah boleh dikenakan hukuman penjara hingga 20 tahun dan didenda atau dikenakan sebatan jika sabit dengan kesalahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu mahkamah juga boleh mengenakan

hukuman terhadap mana-mana orang yang disabitkan atas kesalahan jenayah berkaitan dengan pemanduan sesuatu kenderaan di bawah Seksyen 31, Akta Pengangkutan Jalan 1987. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan peruntukan undang-undang dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 berkaitan dengan isu keganasan di jalan raya.

Walaupun bagaimanapun bagi mengatasi gejala keganasan di jalan raya ini supaya tidak berleluasa, maka mangsa-mangsa yang terlibat hendaklah melaporkan dengan serta-merta kepada pihak berkuasa untuk tindakan sewajarnya.

Berhubung dengan persoalan punca berlakunya keganasan di jalan raya dan mengapa undang-undang jalan raya kurang berkesan dalam menangani gejala samseng di jalan raya. Adalah dimaklumkan bahawa undang-undang ini digubal, dikuatkuasakan bertujuan untuk menguruskan dan mengawal selia pergerakan lalu lintas di samping mendisiplinkan pengguna-pengguna jalan raya dan pada masa yang sama untuk mengelakkan berlakunya kemalangan jalan raya. Wujudnya gejala samseng jalan raya bukanlah kerana kurang berkesannya undang-undang, tetapi adalah disebabkan antara lain oleh kurangnya disiplin kesopanan dan kesabaran serta sikap tolak-ansur serta tekanan perasaan di kalangan sebilangan pemandu kenderaan. Akibat daripada sikap ini kadangkala berlakulah pertengkaran di kalangan mereka yang tidak berpuas hati dengan tingkah-laku pemandu-pemandu lain dan seterusnya yang boleh membawa kepada kecederaan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengenakan hukuman yang berat terhadap mereka yang terlibat dengan keganasan di jalan raya seperti yang saya nyatakan semasa pembentangan rang undang-undang ini,



kerajaan juga akan memperkenalkan lesen memandu percubaan di mana seseorang yang baru lulus ujian akan disyaratkan iaitu memegang lesen itu selama dua tahun sebelum mereka diberikan satu lesen memandu kompeten, jika dalam masa 24 bulan ini mereka tidak melakukan sebarang kesalahan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, gejala samseng di jalan raya adalah satu fenomena yang dipandang berat oleh semua pihak, maka Kementerian Pengangkutan sememangnya memberi perhatian khusus kepada fenomena ini. Tindakan-tindakan yang diambil ialah dengan mengadakan sesi perbincangan pada 19 Julai 1996 yang baru lalu dan dalam sesi percambahan fikiran ini, ramai pakar telah pun dijemput untuk membincangkan isu ini dan satu laporan lengkap akan disiapkan oleh pakar-pakar yang berkenaan supaya dapat diserahkan kepada Kementerian Pengangkutan bagi kajian yang teliti.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu mengenai penguatkuasaan 'double standard', dengan izin, ke atas saiz huruf nombor pendaftaran kereta dan beliau juga menghuraikan dengan panjang lebar iaitu setengah-setengah 'orang atasan' dalam perkataannya, tidak disaman dan pada masa yang sama, orang lain atau rakyat lain telah disaman oleh kerana saiz huruf nombor pendaftaran kereta tidak mengikut spesifikasi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua spesifikasi mengenai huruf dan angka nombor pendaftaran telah pun ditetapkan seperti di dalam Jadual Ketiga Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959. JPJ memang tidak mengamalkan double standard, dengan izin, dalam penguatkuasaan nombor plat yang tersebut. JPJ akan mengambil segala

tindakan terhadap sesiapa pun yang melanggar peraturan-peraturan.

Aduan Yang Berhormat dari Kota Melaka akan dibawa oleh saya ke pihak yang berkenaan iaitu JPJ sebagai satu peringatan.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga membangkitkan kuasa menggantung lesen vokasional oleh JPJ di bawah Seksyen 56.....

**Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

**Tuan Chor Chee Heung:** Yang Berhormat, minta maaf, sebab saya banyak lagi hendak jawab.

Yang pertama, pemegang lesen vokasional adalah diberi peluang untuk membuat representasi ke atas dirinya sebelum sesuatu lesennya boleh digantung oleh pengarah JPJ. Ini adalah melalui satu process inquiry. Dalam perkataan, lain pihak-pihak yang terkilan ini boleh membuat representasi seperti yang saya katakan tadi dan rayuan ini boleh juga dikemukakan kepada Ketua Pengarah JPJ.

Mengenai soalan pertambahan senarai hitam oleh polis ke atas kesalahan yang dilakukan iaitu 5 tahun, walaupun orang yang kena saman itu telah membayar saman, tetapi buat masa ini tidak mempunyai resit. Jika terdapat kes seperti ini, yang mana orang yang kena saman telah membayar samannya pada masa 5 tahun yang lepas dan tidak menyimpan resit, beliau boleh membuat satu surat penjelasan dan saman tersebut akan dibatalkan, selepas segala siasatan dibuat.

Saya memberi jaminan iaitu pihak JPJ akan mengambil berat tentang surat penjelasan ini. Untuk makluman Dewan

yang mulia ini, satu surat arahan telah pun dikeluarkan kepada semua Ibu Pejabat Daerah Polis untuk mengambil perhatian dalam perkara seumpama ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga menyentuh tentang masalah penkomputeran JPJ. Yang pertama, beliau menyatakan sistem komputer selalu rosak. Yang kedua, rekod lesen kenderaan hilang dalam rekod, perbelanjaan program komputerisasi.

Saya ingin memberitahu iaitu adalah tidak benar sistem komputer JPJ selalu rosak sehingga menjejaskan perkhidmatan JPJ kepada orang ramai. Jika pun ada kerosakan ianya boleh disebabkan oleh talian elektrik ataupun kuasa elektrik mempunyai masalah. Perkhidmatan komputer JPJ adalah jauh lebih baik dan lebih berkesan berdasarkan berkurangan aduan yang ramai, yang datang meminta perkhidmatan di kaunter-kaunter JPJ.

Mengenai maklumat yang didakwa, yang mana lesen hilang dalam rekod JPJ, JPJ sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, JPJ sedang giat dalam proses untuk penkomputeran semua rekod-rekod lesen memandu setiap jenis kenderaan di negara ini dan saya percaya pada akhir tahun ini, satu sistem penkomputeran dengan pendaftaran semua pemegang lesen-lesen pemandu akan siap diadakan dan selepas ini tidak banyak masalah besar akan berlaku kecuali masalah yang remeh-temeh.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini sebanyak RM95 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan program penkomputeran JPJ. Jumlah ini meliputi kos untuk membeli peralatan pembangunan, aplikasi, komunikasi dan ubahsuai sistem kaunter.

Mengenai dakwaan beliau yang mana komputer selalu rosak, saya ingat ini

bukan satu masalah besar sebab saya selalu pergi ke bank pun hendak simpan duit ataupun hendak mengeluarkan duit pun selalu menemui masalah yang mana saya diberitahu 'computers are down, so we have to do it manually' dan JPJ pula jika 'computers are down', dengan izin, 'secara manual' akan dilakukan oleh pegawai di Pejabat JPJ.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga menyentuh cara dan peralatan memeriksa kenderaan yang berenjin diesel yang mengeluarkan asap hitam yang melebihi had. Di sini saya suka memberitahu iaitu pemeriksaan asap berlebihan yang dijalankan oleh pihak JPJ adalah dua cara. Cara yang pertama ialah cara pemerhatian atau melalui visual, dengan izin, dan cara yang kedua ialah menggunakan alat uji asap ataupun smoke meter. Dalam cara pertama ini adalah di bawah Kaedah Kegunaan Kenderaan Motor 1995, Kaedah 1977 dan cara yang kedua ialah di bawah pemeriksaan mengikut Kaedah Pelepasan Asap 1977.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kedua-dua jenis digunakan sama ada visual ataupun jenis smoke meter dan memang tidak benar iaitu pihak berkuasa khususnya pihak JPJ semasa menjalankan pemeriksaan telah mengguna cara yang tidak betul. Memang saya mengakui mana-mana sistem juga 'no body is perfect', dengan izin. Saya memang mengaku ada segelintir kecil pegawai-pegawai JPJ yang menjalankan tugas-tugas mereka dengan cara yang tidak baik tetapi saya percaya pada keseluruhannya pegawai JPJ telah menjalankan kerja dengan prestasi yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kadar kompaun yang tidak seragam di antara polis dan pihak JPJ, saya suka menyatakan iaitu pihak JPJ telah menyediakan kadar yang diseragamkan di seluruh negara dan bayaran kompaun boleh dibuat di mana

sahaja pejabat JPJ ada. Kadar kompaun ini termasuk lima kesalahan kompaun yang dikenakan oleh JPJ dan pihak polis juga akan menyelaraskan dengan JPJ. Lima jenis kesalahan ini ialah:

- (i) tidak patuh lampu isyarat;
- (ii) memotong di garis atau jalan yang mana tidak boleh memotong;
- (iii) memotong di sebelah kiri;
- (iv) memandu perlahan di lorong laju.

Ini semua telah pun diselaraskan dengan pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan iaitu pengeluaran nombor khas, Proton, Satria, Perodua, Sukom dan lain-lain, saya ingin memberitahu iaitu nombor khas bagi Proton, Satria, Perodua, Sukom telah diperuntukkan di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1989. Spesifikasi huruf dan angka bagi nombor khas juga ditetapkan dalam undang-undang, pengeluaran nombor khas merupakan nombor yang diberi supaya nombor-nombor khas kenderaan tersebut agar pemilik kereta dapat menghargai dan dapat memperagakan lambang kereta nasional. Sebagai seorang rakyat Malaysia dalam sebuah negara yang telah merdeka, melebihi 35 tahun maka kita agak dapat merasa bangga supaya negara kita dapat mengeluarkan jenis-jenis kereta dan nombor ini adalah diberikan kepada rakyat yang berminat untuk mengadakan nombor-nombor di bawah model-model kereta tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, nombor khas 'Sukom' ini adalah merupakan nombor untuk 'commemorate plate' peristiwa Sukom, peristiwa yang besar yang diadakan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang

Berhormat dari Bagan iaitu motosikal dikehendaki memasang cermin belakang dan lampu perlu dipasang senantiasanya, kenapa tidak dibentang di Parlimen? Ini saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini ialah pihak Kementerian Pengangkutan khususnya Yang Berhormat Menteri boleh melalui kaedah-kaedah di bawah peraturan menguatkuasakan ataupun mengimplementasikan peraturan-peraturan tambahan yang mana ianya agak dapat memberi keberkesanan dalam menguatkuasaan lalu lintas.

Pemasangan lampu, cermin belakang ataupun lampu perlu dipasang di siang hari adalah di bawah kaedah-kaedah ini. Sebenarnya, motosikal diminta supaya memasang cermin sisi di sebelah sahaja dan bukan cermin belakang. Dan mengenai pemasangan lampu motosikal pada siang hari, sebaik-baiknya ia tidak dibentangkan di Parlimen, saya percaya ini adalah satu perkara yang mana Yang Berhormat dari Bagan harus mengetahui, iaitu bukan semua perkara harus dibentangkan di Parlimen. Ini merupakan salah satu 'administrative action', dengan izin, di bawah kuasa Yang Berhormat Menteri. Kemungkinan Yang Berhormat akan soal juga esok hari, bila pegawai-pegawai JPJ hendak tukar colour uniform, cadangan ini juga harus dibentangkan di Parlimen sebelum kita membuat apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ini adalah jawapan.....

**Tuan Lim Hock Seng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Bagan bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua tiga perkara di sini di mana ia tidak dijawab. Pertama sekali, seperti Setiausaha Parlimen telah menyoal

kepada saya dan saya pindah-alih semula kepada Setiausaha Parlimen, mengenai standard yang kita pakai untuk menghadkan kelajuan di lebuh raya iaitu 110 dan sama ada kerajaan akan menimbangakan untuk menaikkan kadar 10% lagi had laju ini.

Kedua, tadi Setiausaha Parlimen ada berkata jikalau ada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sini bahawa pihak berkuasa telah menjalankan penguatkuasaan speed trap di waktu malam dan ini akan menyebabkan kemalangan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, pada sekarang, saya dapat tahu bahawa ada satu cara lagi untuk menangkap orang-orang yang membawa kenderaan dengan lebih laju iaitu dengan kamera dan tidak membubuhkan perangkap di atas jalan dan pemandu-pemandu yang memandu melebihi had laju akan ditangkap oleh kamera dan satu notis kesalahan akan dihantar kepada pemandu di mana pemandu akan dikenakan pembayaran, kalau tidak salah saya, RM150.00 untuk speed offence, ini. Bolehkah Setiausaha Parlimen menerangkan kepada Dewan dan umum cara ini supaya orang umum mengetahui tentang adanya satu perangkap yang baru di mana-mana lebuh raya walaupun tidak ada halangan atau tidak ada perangkap di sana, tetapi mereka boleh ditangkap kerana memandu lebih laju dengan cara kamera ini?

Tuan Yang di-Pertua, juga berkenaan dengan Proton Satria, Perodua, Sukom, kami tidak ada bantahan dengan pengeluaran nombor-nombor ini. Apa yang saya pertikaikan di sini, mengapakah Proton Satria, Perodua, Sukom, mereka pakai nombor huruf yang lebih kecil dari saiz atau ukuran yang telah ditentukan oleh Kementerian Pengangkutan, di mana bagi pengguna nombor-nombor biasa, mereka perlu mengadakan satu ukuran yang mengikut ketetapan kementerian dan jikalau tidak, mereka akan terpaksa

untuk pergi ke JPJ untuk pemeriksaan kereta seperti chasis, nombor enjin dan sebagainya lagi dan juga kena denda sebelum mereka boleh dilepaskan?

Sekian sahaja mengenai tiga perkara tersebut.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Bagan. Pertamanya, mengenai had laju di lebuh raya. Kerajaan kita telah menetapkan, (sepanjang pengetahuan) had laju 110 km sejam adalah mengikut kaedah-kaedah ataupun piawai antarabangsa. Di mana-mana negara yang maju, juga mereka mengekalkan kelajuan 110 km sejam dan saya percaya terdapat juga banyak negara menetapkan had laju di bawah 110 tetapi tidak melebihi 110 seperti di Amerika Syarikat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, saya difahamkan dan saya percaya betul, iaitu jika kita membawa kereta dan kita kadang-kadang melebihi 110 km. sejam sehingga 120 km sejam, memang kelonggaran dapat diberikan oleh pihak polis supaya had laju, jika tidak melebihi 120 tidak disaman. Sebab pihak polis bertimbangrasa juga. Mereka juga manusia dan mereka juga mengetahui iaitu kadangkala kita akan dengan tidak sengajanya memandu melebihi kelajuan 110 km sejam dan pihak polis memang tidak menyaman orang yang membawa kereta dengan kelajuan di bawah 120 km sejam - allowance 10 km diberikan.

Kedua, mengenai kamera had laju. Untuk makluman Yang Berhormat dari Bagan terdapat juga beberapa jalan raya di negara ini, khususnya jalan persekitaran Klang Valley, yang mana kamera-kamera di pasang. Walaupun bukan kerja saya untuk memberitahu Yang Berhormat di mana kamera-kamera diadakan supaya Yang Berhormat dapat mengelak, saya ingin memberitahu iaitu kamera ada dipasang disetengah tempat dan di Karak

Highway pun terdapat juga kamera-kamera dan jika timbul persoalan sama ada kamera akan dipasang sepanjang lebuh raya, tidak ada lagi cadangan seperti ini.

Mengenai nombor plat yang diberikan, pengeluaran nombor plat khas di bawah Proton Satria, Perodua, Sukom—tadi saya telah memberi penjelasan iaitu nombor-nombor plat yang dikategorikan sebagai khas atau "special" ini dikeluarkan untuk menggalak rakyat negara ini untuk mencintai produk-produk negara kita. Dan oleh yang demikian, huruf-huruf ataupun nombor plat yang dikategorikan sebagai khas ini dikeluarkan di bawah kaedah-kaedah yang tertentu dan jika kita menyentuh tentang sama ada kecil atau besar saiznya, maka, saya percaya di bawah kaedah ini saiznya dapat dkecilkan oleh kerana plat ini juga harus mencerminkan mengandungi perkataan Sukom atau Perodua.

Itulah beberapa perkara dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil perbincangan di dalam rang undang-undang ini dan saya percaya, selepas rang undang-undang ini diluluskan, ianya akan membawa manfaat rakyat pada keseluruhannya. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Jawatankuasa)**

**Fasal 1 hingga 40 —**

**Tuan Lim Hock Seng:** Fasal 5, di mana nombor plat peribadi boleh diberi kepada orang perseorangan. Tadi saya ada menyentuh berkenaan dengan harganya dan tidak dapat dijawab. Bolehkah Setiausaha Parlimen memberitahu berapa harga untuk menempah satu nombor peribadi?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai butir-butir tentang harga dan lain-lain mengenai nombor peribadi, ini akan ditetapkan oleh pihak JPJ. Buat masa ini kita tidak dapat membuat satu peraturan lagi, iaitu peraturan atau 'rules' mengenai harga ataupun lain-lain butir mengenai nombor plat peribadi. Cuma undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan dan memperkenalkan peruntukan undang-undang untuk dikuatkuasakan dan mengadakan satu peraturan supaya kerajaan dapat mengadakan nombor plat peribadi ini pada satu masa yang sesuai.

*Fasal 1 hingga 40* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
ANGKATAN TENTERA  
(PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.33 tgh.**

**Menteri Pertahanan (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon

mencadangkan iaitu satu rang undang-undang untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, satu rang undang-undang untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972 adalah perlu diwujudkan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan baru untuk mengemaskinikan akta berkenaan sesuai dengan keadaan perkembangan semasa. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit latar-belakang mengenai faktor-faktor yang membawa kepada perlunya akta ini dipinda.

Sejak berkuatkuasanya akta ini mulai 1hb. Jun, 1976, iaitu selama 19 tahun yang lalu, beberapa pindaan kecil telah dibuat kepada akta tersebut melalui Act A 440/78 dan Act A 583/84. Namun demikian, beberapa pindaan tambahan lagi perlu dibuat kepada akta ini supaya ianya lebih bersifat komprehensif dan dapat memenuhi kehendak semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan kepada akta ini boleh dikategorikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama adalah berkaitan dengan kajian semula segala syarat-syarat perkhidmatan yang terkandung di dalam peraturan yang diguna pakai oleh Angkatan Tentera Malaysia bagi mengatasi beberapa kekurangan yang sedia wujud.

Bahagian kedua pula adalah untuk membuat pindaan yang sesuai berikutan dengan penubuhan Pasukan Simpanan Angkatan Tentera (PSAT). PSAT ini mengandungi dua komponen, iaitu satu Simpanan Angkatan Tetap yang dianggotai oleh bekas dan pegawai dan laskar-laskar Angkatan Tetap dan suatu Angkatan Sukarela yang akan disertai dari kalangan rakyat.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, bahagian ketiga adalah untuk

mengemaskini peruntukan-peruntukan di dalam akta mengikut perkembangan semasa. Dalam hubungan pindaan bahagian pertama, kerajaan telah memutuskan bahawa pindaan kepada akta diperlukan bagi mencerminkan peranan baru ATM. Peranan ATM telah berkembang pesat sejak tahun 1990 lagi, di mana sumbangan dan peranan anggota-anggota ATM telah meningkat selain daripada tugas-tugas biasanya. Sebagai contoh, anggota ATM telah dipohon untuk memberi sumbangan kepada badan kerajaan, bukan kerajaan dan juga badan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Berikutan dengan ini, ramai di antara mereka telah dipinjamkan atau ditempatkan di badan-badan berkenaan. Oleh itu, adalah wajar dan berpatutan akta yang sedia dibuat pindaan supaya perkembangan-perkembangan ATM serta peranan baru anggota ATM diambil kira dan dicerminkan di dalam akta.

Pindaan bahagian pertama akan melibatkan pindaan kepada beberapa seksyen, iaitu pertamanya seksyen 2. Ini memperuntukan takrif baru, iaitu takrif "tarikh yang ditetapkan" "Perintah Majlis Angkatan Tentera" dan "ketua perkhidmatan".

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa berhubung dengan pindaan ini suatu permohonan dalam Jawatankuasa akan dibuat untuk memperbetulkan subseksyen 1(3) rang undang-undang ini.

Seksyen 5A, Majlis Angkatan Tentera boleh menghendaki anggota ATM berkhidmat di dalam atau di luar Malaysia. Sedangkan seksyen 5B pula Majlis Angkatan Tentera boleh mempertugaskan anggota ATM secara sementara kepada angkatan asing yang ada di dalam Malaysia atau di luar Malaysia.

Seksyen 5C membolehkan Majlis Angkatan Tentera meminjamkan anggota ATM kepada badan antarabangsa, Jabatan Kerajaan Persekutuan atau negeri, pihak berkuasa berkanun dan lain-lain di dalam ataupun di luar negara.

Seksyen 5D pula memperuntukkan bahawa seksyen 5A, 5B dan 5C tidaklah terpakai dalam penggunaan secara operasi anggota Angkatan Tentera Malaysia.

Seksyen 6 dan 16, Majlis Angkatan Tentera boleh mengambil kira perkhidmatan seseorang pegawai angkatan sukarela yang telah dikerahkan sekiranya ianya ditauliahkan ke dalam angkatan tetap.

Seksyen 10A, pegawai Kadet selain daripada askar-laskar yang telah dilantik sebagai pegawai kadet boleh membayar atau untuk pemberhentian kerjanya dengan kelulusan Majlis Angkatan Tentera. Sedangkan seksyen 13 memperluaskan pemakaian seksyen ini kepada pertukaran seorang pegawai dari satu kor atau cawangan kepada satu kor atau cawangan lain dalam perkhidmatan yang sama.

Seksyen 15 dan 36 membenarkan Majlis Angkatan Tentera mengeluarkan peraturan berkaitan dengan pegawai ATM yang memperuntukkan perkara yang boleh dikeluarkan melalui Perintah Majlis Angkatan Tentera.

Seksyen 21 menjelaskan peruntukan lama mengenai penukaran seorang askar-laskar dari satu kor ke kor yang lain dalam perkhidmatan yang sama dan memperluaskan pemakaian seksyen itu kepada Tentera Laut dan Tentera Udara. Sedangkan seksyen 155, 157, 187, 194, 206 dan 207(1) membenarkan peraturan yang dibuat oleh Majlis Angkatan Tentera untuk memperuntukkan perkara yang boleh dikeluarkan melalui Perintah Majlis Angkatan Tentera.

Seksyen 201A membenarkan Majlis Angkatan Tentera memakai peruntukan tertentu Bahagian II, III dan IV akta tertakluk kepada beberapa pengecualian tertentu kepada anggota Tentera Sukarela jika tidak berlawanan dengan peruntukan bahagian akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian II kepada pindaan akta ini akan diwujudkan beberapa peruntukan yang berkaitan dengan penubuhan Pasukan Simpanan Angkatan Tentera. Seksyen-seksyen yang dicadangkan untuk dipinda dan dimasukkan seksyen baru adalah seksyen 24A, 24B, seksyen 25A, 26A dan penjelasannya sebagaimana yang diterangkan di dalam huraian yang terkandung dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen-seksyen 24B, 25A dan 26A adalah terpakai kepada askar-laskar yang mendaftar pada suatu tarikh tertentu, yang mana boleh lebih awal daripada tarikh rang undang-undang ini disiarkan sebagai akta seperti yang ditetapkan oleh Menteri Pertahanan. Seksyen 26B, seksyen ini diperkenalkan untuk menghadkan perkhidmatan seseorang askar-laskar kepada umur yang tidak melebihi 55 tahun. Seksyen ini dicadangkan untuk dikebelakangkan tarikh penguatkuasaan pada 1hb. Jun, 1976.

Seksyen 26C—seksyen ini diperkenalkan untuk melaksanakan dasar untuk mewujudkan satu Angkatan Simpanan Tetap dari kalangan bekas anggota Angkatan Tetap. Secara amnya, apabila askar-laskar itu diberhentikan sama ada selepas tamat tempoh perkhidmatannya, permulaannya atau perlanjutan tempoh tersebut, maka askar-laskar tersebut adalah ditukarkan kepada perkhidmatan Simpanan Tetap selama 5 tahun atau sehingga mencapai umur 50 tahun, yang mana terdahulu.

Seksyen 188, seksyen ini dicadangkan dipinda bagi memperkenalkan dasar baru

mengenai pengwujudan simpanan pegawai-pegawai, tarikh kuatkuasa yang dicadangkan untuk menubuhkan simpanan-simpanan pegawai-pegawai adalah juga pada tarikh yang sama sepertimana yang disebutkan bagi askar-laskar di atas iaitu pada tarikh tertentu.

Seksyen 189A, ianya diperkenalkan untuk menjelaskan bahawa seseorang pegawai atau askar-laskar yang berkhidmat dalam Simpanan Angkatan Tetap akan diberikan pangkat sebenar terakhir yang telah disandang oleh beliau semasa dalam angkatan tetap, selaras dengan itu subseksyen 2 kepada seksyen 189A menetapkan bahawa pegawai-pegawai tauliah jangka pendek yang berkhidmat dalam Simpanan Angkatan Tetap adalah dianggap sebagai pegawai bertauliah.

Deeming provision ini adalah perlu bagi membolehkan pegawai-pegawai tauliah jangka pendek untuk dapat terus menggunakan pangkat terakhir mereka. Jika ini tidak dilakukan pentauliah dan pangkat mereka adalah terbatal sebaik sahaja tamat tempoh tauliah jangka pendek mereka.

Seksyen 201, berkaitan dengan angkatan sukarela seperti yang dijelaskan tadi, angkatan sukarela adalah disertai daripada kalangan orang awam. Seksyen ini dicadangkan dipinda dengan memperkenalkan subseksyen 4 yang baru bagi membolehkan anggota-anggota angkatan sukarela yang telah menamatkan latihan yang disyaratkan supaya menyambung perkhidmatan mereka dalam angkatan sukarela bagi satu tempoh minimum sepertimana yang akan ditetapkan oleh peraturan yang akan dibuat di bawah seksyen 207 Akta ini. Tarikh berkuatkuasa pindaan ini juga sama dengan tarikh yang ditetapkan seperti saya sebutkan tadi.

Seksyen 207 (2), berlanjutan kepada pindaan seksyen 201 adalah dicadangkan

supaya seksyen 207 akta dipinda bagi membolehkan peraturan digubal bagi menetapkan tempoh perkhidmatan minimum seorang pegawai dan askar-laskar angkatan sukarela dan juga menetapkan prosedur bagi mengendalikan kesalahan-kesalahan kecil.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dikategorikan dalam Bahagian III pula adalah untuk mengemaskinikan beberapa peruntukan di dalam akta yang berkaitan beberapa isu yang timbul dari masa ke semasa. Seksyen yang perlu dipinda adalah seksyen 51, ianya dicadangkan bagi memberi kuasa kepada ketua perkhidmatan masing-masing atau sesiapa yang dilantik oleh ketua perkhidmatan untuk mengeluarkan standing orders, dengan izin, dengan memperkenalkan perintah tetap di bawah akta ini. Tindakan tatatertib yang sewajar dapat diambil oleh ketua-ketua perkhidmatan atau siapa yang dilantik oleh mereka terhadap anggota yang melanggar perintah tetap tersebut. Tarikh kuatkuasa pindaan ini dicadangkan untuk dikebelakangkan pada 1hb. Jun 1996.

Seksyen 94A, ianya diperkenalkan untuk memberi kuasa kepada Majlis Angkatan Tentera bagi melantik seorang Ketua Mashal Polis Tentera yang di antara tugas lain boleh mengambil alih tugas Mashal Polis Tentera satu perkhidmatan dalam keadaan tertentu.

Seksyen 94B, diperkenalkan dengan tujuan perlantikan Mashal Polis Tentera dan pegawai polis tentera bagi maksud tugas-tugas penahanan dan penyiasatan dan dengan pindaan ini ketua perkhidmatan boleh melantik seorang Mashal Polis Tentera serta pegawai polis tentera bagi tiap-tiap perkhidmatan ATM masing-masing.

Sedangkan seksyen 94C pula memperkenalkan kuasa kepada pihak berkuasa yang layak untuk melantik atau



membenarkan mana-mana anggota tentera menyiasat kesalahan di bawah akta. Kedua-dua seksyen baru ini dicadangkan dikuatkuasakan pada tarikh rang undang-undang ini dikuatkuasakan.

Seksyen 94D diwujudkan supaya perlantikan dan tindakan Mashal Polis Tentera, pegawai polis tentera, pegawai penyiasat atau pegawai diberi kuasa atau dilantik sebelum tarikh kuatkuasa rang undang-undang ini diselaraskan dari segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 144(1) dicadangkan dipinda bagi meliputi seksyen 61, 77 dan 88 supaya had tempoh masa tiga tahun tidak diguna pakai lagi bagi seksyen-seksyen tersebut. Seksyen 61 adalah berkaitan dengan kesalahan-kesalahan berhubung dengan harta awam dan perkhidmatan. Seksyen 77 adalah berkenaan dengan pemalsuan dokumen-dokumen perkhidmatan dan seksyen 88 adalah bagi kesalahan-kesalahan awam iaitu sivil offences. Di samping itu, pindaan kepada subseksyen 144(1) menetapkan bahawa tiga tahun had masa yang ditetapkan akan dikira daripada tarikh kesalahan sehingga tarikh perintah dikeluarkan dan disampaikan kepada tertuduh. Pindaan ini juga mencadangkan supaya tempoh prosiding bagi kajian semula kehakiman ataupun judiscil review, dengan izin, dalam mahkamah tinggi sehingga tarikh pemeriksaan muktamad, prosiding itu sebagai tempoh yang tidak boleh diambil kira semasa mengira tempoh had masa tersebut, ia juga memperkenalkan subseksyen 5 baru yang mentafsirkan kajian semula kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 187A membenarkan kutipan wang bagi tujuan kebajikan anggota tentera dan keluarga mereka. Manakala seksyen 187B, menyelaraskan dari segi undang-undang pada pengutipan wang yang telah dibuat serta kegunaan wang tersebut sebelum kuatkuasa seksyen 187B yang sebelum ini dilaksanakan secara pentadbiran sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Act A583/84 yang telah diperkenalkan pada tahun 1984 dahulu masih belum dikuatkuasakan lagi adalah dicadangkan supaya ianya dibatalkan. Selanjutnya beberapa pindaan juga dicadangkan bagi memperkenalkan pindaan berbangkit iaitu consequential amendments selaras dengan susunan semula dan nomenclature, dengan izin, beberapa pangkat Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesimpulannya, Akta Angkatan Tentera 1970 dicadangkan dipinda sepertimana yang dibentangkan berdasarkan apa yang saya sebutkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Pendidikan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan majlis adalah satu akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972, dibacakan untuk kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Kubang Kerian.

11.49 pagi

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian):** Tuan Yang di-Pertua, Akta yang dibincangkan pada hari ini amatlah penting, terutama sekali yang bersangkutan paut dengan keselamatan negara yang menjadi front kepada negara iaitulah angkatan tentera. Sejarah Angkatan Tentera Malaysia amatlah baik cemerlang disanjung oleh semua pihak sama ada daripada pihak kerajaan atau pihak pembangkang.

Memasuki angkatan tentera satu kebanggaan khasnya kepada bumiputra sebelum dan selepas merdeka, menjadi tentera satu lagenda yang disanjung oleh

masyarakat. Keadaan ini telah berubah, mutakhir ini anak-anak muda menjadikan memasuki tentera pilihan terakhir kerana doktrin yang dibuat oleh kerajaan, penonjolan korporat, penonjolan kejayaan mengaut laba keuntungan, penonjolan kejayaan belia-belia niaga dan juga semangat patriotik yang kurang ditanamkan kepada masyarakat menyebabkan angkatan tentera sekarang tidak lagi mendapat sambutan daripada belia-belia termasuk belia bumiputra, khususnya belia-belia Melayu.

Kalau dahulu bila dibuka, diiklan dalam surat khabar, sesebuah sekolah diadakan tempat interview untuk masuk tentera, maka kita lihat datang para pemuda berbaris sehingga melimpahi luar pagar, tapi sekarang kadangkalanya diiklan di dalam surat khabar, tunggu 1 hari, hanya 17, 18 orang datang untuk mendaftar menjadi tentera. Apakah kerajaan tidak mengkaji secara serius perkara ini, kenapa belia-belia kita telah enggan untuk menyertai tentera?

Kenapa yang menyertai tentera sekarang terdiri daripada anak-anak orang kampung? Di kalangan anak-anak pembesar, anak-anak Menteri, anak-anak pemimpin masyarakat tidak lagi menjadikan tentera sebagai profesion mereka, sebagai menunjukkan semangat patriotik mempertahankan tanah air daripada dicerobohi oleh musuh. Belia-belia kita lebih suka ke pusat serenti daripada ke angkatan tentera. Sekarang kalau penagih dadah menubuhkan parti politik, ia menjadi parti yang kedua terkuat mewakili orang Melayu. Pertama, UMNO. Yang kedua, penagih dadah, yang ketiga baru jatuh ke PAS. Ramainya penagih dadah, tambahan 'Presidennya' pula penyanyi terkenal Jamal Abdillah, lantik pula 'Ketua Pemudaanya' Salem dari kumpulan Iklim, 'Ketua Wanitanya', Maria Kamal; maka penagih dadah akan menjadi parti yang kedua terkuat selepas UMNO.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila. Sila.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, 'Ketua Wanita' bukan Maria Kamal, Maria Abdullah. (Ketawa)

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya terima hujah itu, sebab Maria Kamal atau Maria Abdullah kedua-duanya ada kes. Jadi, betapa ramainya anak muda terlibat dalam dadah sehingga mereka menjadi satu pasukan yang kuat. Boleh mengadakan tunjuk perasaan di kem-kem perlindungan, boleh membakar kem dan pelbagai lagi angkara yang mereka buat sekarang ini. Mengutuk mereka bukan boleh menyelesaikan masalah. Kerajaan hendaklah secara bersepadu mengkaji perkara ini dengan serius sekarang ini kerana kita dilanda penyakit yang begitu dahsyat, tambahan pula penagih dadah ini umur mereka kebanyakan 15 hingga 35 tahun, ketika prime age, umur yang paling berguna kepada masyarakat, kepada seseorang individu; di umur itu mereka rosak.

Tuan Yang di-Pertua, adakah mereka tidak mahu menyertai tentera kerana masalah pendapatan? Kerana ditonjolkan di Malaysia sekarang kejayaan seseorang di sudut pendapatan, ditonjolkan Dato' Yahya Ahmad, ditonjolkan Dato' Shamsudin, ditonjolkan Tan Sri Tajudin Ramly, ditonjolkan korporat-korporat. Jarang ditonjol Jeneral yang berjaya, jarang ditonjol Leftenan Kolonel yang berjaya, jarang ditonjol Sarjan yang berkhidmat dengan begitu kuat, dengan hebat, patuh kepada disiplin. Jarang sekali mereka dilihat dalam media kita. Tetapi setiap hari kita lihat di samping Perdana Menteri ialah tokoh-tokoh korporat, di antaranya yang saya sebutkan tadi.

Kemudian pula kita lihat rakyat barangkali ada satu kekecewaan. Mereka mempertahankan sebuah negara bila

negara itu melindungi mereka tetapi saban hari mereka membaca akhbar bagaimana kepincangan dalam undang-undang, bagaimana menteri-menteri yang dituduh tidak pernah didakwa di mahkamah, walaupun beri saham kepada menantu 1.5 juta unit, tidak didakwa kerana kesilapan teknik, sedangkan Dato' Muslim hanya duduk dalam mesyuarat untuk meluluskan tapak rumahnya yang bernilai RM15,000 - dia tidak bercakap, itu dikira rasuah. Rakyat menilai ini semua. Buat apa kita masuk tentera mempertahankan, sedangkan corruption semakin meningkat. Ini memberi kesan kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbual di lapangan terbang dengan anggota-anggota polis. Dalam bilik yang tertutup saya tanya mereka, betul-betul cakap, "kamu ambillah tidak rasuah?" Dia kata, "Yang Berhormat, kami ambil hanya untuk kadar cukup makan." "Kenapa ambil?" "Kalau kami tidak ambil, orang atas ambil lagi banyak." Ini menandakan bahawa semangat belia-belie kita runtuh dengan sistem politik yang tidak diperbetulkan. Sebab itu, bila kita mendakwa seseorang menteri yang dituduh, bukan kita menganiaya seseorang itu. Sebenarnya, ini mengangkat patriotik iaitu orang yang ada kes hendaklah didakwa. Tetapi sekarang Peguam Negara tugasnya clearkan kes menteri-menteri. Tidak ada pendakwaan di zaman Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sekarang ini, orang-orang yang disyaki menyeleweng. Belia-belie semakin kecewa untuk masuk berkhidmat dalam angkatan tentera mempertahankan kerajaan. Apa perlu pertahan kalau mereka lihat bahawa biarlah mereka berkhidmat dalam bidang lain untuk cari wang daripada berhempas-pulas tenaga yang gajinya kecil dan masa depannya yang tidak cemerlang. Ini kita kena lihat. Dan kita lihat kekecewaan bila masuk tentera sudah tentu mereka diikat dengan disiplin. Memang tentera kena ada disiplin. Tidak ada disiplin tidak boleh jadi tentera. Bila

jiwa mereka berkecamuk, sedikit ditengking oleh ketua, mereka mengamuk. Kita lihat kebelakangan ini keruntuhan disiplin berlaku dengan begitu ketara. Pihak boleh berkawad untuk mengepung balai polis seperti berlaku di Kangar. Begitulah juga mereka melawan ketua. Tidak tergamak mereka lawan ketua, mereka lawan udara. Tembak ke udara. Ini semua kekecewaan yang perlu dikaji secara menyeluruh oleh kerajaan sebab angkatan tentera ini mesti diberi priority. Sebab kita tahu bahawa negara kita mahu berada dalam keadaan aman. Tetapi sesuatu perkara di luar dugaan boleh berlaku bila-bila masa. Sebuah negara ia tidak berperang dengan negeri jauh. Selalunya sesebuah negara berperang dengan jirannya. Iraq berperang dengan Kuwait. Iraq tidak berperang dengan Libya. Iraq berperang dengan Iran. Iran tidak berperang dengan Mesir - jauh. Begitulah juga kita lihat Vietnam, Kampuchea, Burma - semuanya dekat-dekat. Sebab itu, kita lihat pertahanan ini mesti dibina. Soal wang dibelanjakan banyak ke Kementerian Pertahanan, itu bukan menjadi hujah. Yang kita tentangnya kalau berlaku penyelewengan tetapi perbelanjaan yang banyak perlu kepada pertahanan. Sebab itu kita mencadangkan gaji angkatan tentera dikaji secara menyeluruh daripada pangkat atas sehingga ke bawah. Apakah angkatan tentera tidak baca surat khabar pegawai-pegawai tinggi kerajaan diberi elaun khas sehingga mereka boleh dapat RM15 ribu hingga RM20 ribu sekarang? Tidak apalah diberi kepada mereka. Tetapi kepada tentera pun jangan lupa. Mereka ini kalau diabaikan, maka kita lihat tidak teringinlah anak-anak muda menyertai tentera pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu semakan gaji secara menyeluruh hendaklah dibuat. Kita kena lihat juga walaupun Amerika Syarikat bukan sebuah negara yang kita gemar, tetapi kita kena lihat rakyatnya bila menyertai tentera penuh dengan

semangat walaupun di luar daripada kem itu, kehidupan lebih mewah ada. Tetapi kenapa tenteranya didoktrin supaya bersemangat mempertahankan negara Amerika Syarikat? Walaupun mereka ini kadangkala terpaksa turut kehendak Presiden mereka, walaupun bertentangan dengan kehendak mereka. Ada tentera Amerika yang lari daripada tugas tetapi peratusnya adalah kecil kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Sistem doktrin tentera itu perlu kita belajar daripada mana-mana. Memang kalau rakyat berpuashati, bukan setakat gaji, misalnya jika perlukan sampai ke peringkat jihad (fisabilillah) tanpa gaji pun, orang sanggup untuk menyertai tentera untuk mempertahankan tanah air, kedaulatan agama. Tetapi sebelum sampai ke peringkat itu, tentera mesti didoktrin satu semangat balik kepada mereka, supaya mereka dapat meneruskan kerja mereka dengan baik dan tentera kita tidak ditertawakan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kebelakangan ini, mahu tidak mahu kita kena akui imej angkatan tentera terutama Tentera Udara begitu merosot. Jatuhnya kapal terbang yang begitu kerap, dijawab di Parlimen ini usaha-usaha diperbaiki daripada tahun dulu sampailah sekarang tetapi kapal terbang terus jatuh. Jatuh adalah kebanyakannya kerana kerosakan teknik, kerosakan enjin bukan kealpaan pilot. Ini bermakna kita lihat bahawa banyak kapal terbang yang kita gunakan sudah out-dated, yang masih digunakan oleh tentera kita dan tentera kita hilang semangat. Hilang semangat kerana kita lihat apabila mereka hendak bawa kapal terbang dari Kuantan hendak pergi ke Labuan, mereka bimbang takut tidak sampai atau sampai di tengah laut sahaja. Begitu juga ketika mereka hendak berlepas, mereka menggeletar, bukan kerana kapal terbang bergoyang tetapi jiwa mereka diancam dengan keburukan kapal terbang.

Jadi, kita harap Kementerian Pertahanan, soal pertahanan ini kami daripada PAS akan menyokong permohonan budget tambahan untuk angkatan tentera, sebab kita mesti berada dalam keadaan sofistikated, semangat tentera yang tinggi. Kita tidak mahu kapal terbang kita jatuh begitu mudah di atas kesilapan-kesilapan teknik. Memanglah kita tidak efisien hundred percent, paling kurang dalam tentera terutama sekali kapal terbang kita, paling kurang di peringkat 99% atau 98% efisien sudah cukup baik. Tetapi sekarang kejadian jatuhnya kapal terbang begitu banyak sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengemukakan persoalan apakah logiknya hendak menghapuskan kedudukan Kem Majidee, Johor Bharu hendak digantikan dengan perumahan di situ? Kem Majidee sudah lama. Sejak daripada sebelum merdeka sampai sekarang. Tanah itu kepunyaan Kementerian Pertahanan. Bila dibuat perumahan di situ berapakah pampasan diperolehi oleh Kementerian Pertahanan? Apakah logik kem tentera yang begitu dekat dengan negara jiran mengawal sempadan selatan Malaysia, kem itu dihapuskan dan digantikan dengan perumahan? Apakah tidak ada tanah lain untuk kerajaan buat perumahan? Apa logiknya Kem Majidee dihapuskan dan digantikan dengan perumahan? Apakah untung di sudut keselamatan logistik dan strategik bila kem itu dibuang? Sedangkan kem itu kem yang paling dekat dengan negara jiran. Kalau berlaku sesuatu perkara, kem itulah dianggap front-line untuk bertindak. Tetapi bila kem itu dibuang, digantikan dengan perumahan, bukan kita menentang perumahan rakyat tetapi tidak adakah tanah lain untuk dibuat perumahan? Kenapa tanah itu diambil dan kedudukan kem itu yang paling strategik, yang paling baik, berada di tengah bandar dan front-line untuk menghadapi musuh kalau berlaku sesuatu perkara?

Saya hendak bertanya di sini apa faedah Kementerian Pertahanan dapati daripada kem itu yang telah beroperasi begitu lama dan dijadikan kawasan perumahan? Adakah ini kemahuan politik individu yang menyebabkan kem tentera terpaksa tergedai semata-mata menjelang pemilihan UMNO, dia hendak tunjukkan dia juara buat rumah termasuk kem tentera dijadikan korban. Ini persoalan yang serius, yang rakyat hendak mengetahui tentang kedudukan Kem Majidee, walaupun dalam soalan yang saya kemukakan telah dijawab di sini, 'bahawa belum ada lagi rancangan perumahan'.

Apakah sebab yang sewajarnya penutupan kem tentera di Majidee Johor Bahru untuk dimajukan sebagai projek perumahan? Apakah kerajaan sedar bahawa kem tentera di Majidee itu adalah antara benteng pertama negara bagi menghadapi sebarang kemungkinan kemaraan penceroboh dari selatan Semenanjung? Jawapan yang diberi, "Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan belum membuat keputusan muktamad untuk menutup kem tentera di Majidee. Sebelum sesuatu keputusan diambil untuk menutup sebuah kem tentera yang sedang beroperasi, beberapa faktor utama seperti keadaan keselamatan dan pembangunan setempat serta kepentingan strategi negara adalah diberi pertimbangan.

Kerajaan sedar bahawa kem-kem tentera yang kini terdapat di beberapa kawasan di selatan Semenanjung Malaysia termasuk Kem Majidee adalah merupakan benteng kepada pertahanan negara bagi kawasan berkenaan. Justeru itu, sebarang keputusan untuk mengalihkan mana-mana satu daripada kem-kem ini ke satu lokasi lain akan mengambil kira kepentingan keselamatan dan pertahanan negara di kawasan selatan Semenanjung Malaysia". Ini jawapan rasmi, tetapi apa yang berlaku Timbalan Perdana Menteri telah mengisytiharkan bahawa Kem Majidee akan dipindahkan dan akan dijadikan

kawasan perumahan. Jadi, jawapan rasminya lain, tetapi apa yang dibuat di Johor diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri adalah lain. Saya bersetuju dengan jawapan ini, iaitu soal keselamatan negara dikaji terlebih dahulu, kepentingan negara dikaji terlebih dahulu sebelum sesuatu kem itu ditutup atau diubah ke tempat lain, jawapannya agak kemas, tetapi tindakan yang berlaku di luar adalah lain sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu Kementerian Pertahanan menjawab di sudut untungnya Kementerian Pertahanan, pampasan yang diperolehi, strategi keselamatan, untung ruginya kem itu dipindah dan tidak adakah tanah di tempat untuk dibuat perumahan. Kenapa dikorbankan kem yang begitu strategik kedudukannya untuk mengawal keselamatan di selatan tanah air?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh masalah mengenai ada ura-ura bahawa Tentera Laut Diraja Malaysia yang sekarang ini membuat latihan di Woodland akan dipindahkan ke Johor, ini kerana pihak Singapura bercadang untuk menaikkan kadar sewa. Kita hendak tahu juga jawapan daripada Menteri Pertahanan berapa kadar sewa yang dinaikkan itu, apa untung dan ruginya Malaysia ada pangkalan tentera laut sendiri daripada kita berlatih di negara orang. Memang kalau kita berlatih di Singapura, kemudahan-kemudahan sedia ada dan kita perolehi untuk berlatih di situ, tetapi kenaikan kadar sewa itu adakah kerana mereka hendak menghalau kita daripada situ ataupun memang kenaikan itu ada logiknya di sudut pandangan Kementerian Pertahanan. Apakah persiapan Kementerian Pertahanan untuk memindahkan kem latihan tentera laut daripada Woodland ke tempat lain dan perbelanjaan-perbelanjaan yang diperlukan untuk menguruskan perpindahan itu?

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh masalah pencerobohan kapal terbang-kapal terbang Tentera Udara Singapura di ruang udara Malaysia. Menteri Pertahanan telah menjawab soalan saya baru-baru ini, beliau mengatakan bahawa apa yang dilakukan oleh Tentera Udara Singapura mengikut perjanjian pertahanan. Jawapan yang diberi oleh Menteri Pertahanan dibantah oleh Pemuda UMNO Gelang Patah sendiri, kerana mereka yang tinggal di situ mengatakan, mereka lihat dengan mata kepala sendiri pencerobohan yang kerap berlaku.

Walaupun kita tahu orang awam tidak dapat mengukur berapa tinggi, berapa jaraknya, tetapi mereka dapat rasai kekerapan Tentera Udara Singapura melintasi Gelang Patah dan negeri Johor di kawasan yang lain, sedangkan sebelum ini tidak ada. Jadi, setakat mana kemampuan Tentera Udara Diraja Malaysia dari segi mengatasi ataupun menghadapi kemampuan Tentera Udara Singapura.

Saya bercakap ini bukan kita berada dalam suasana perang, tetapi suasana persediaan mesti ada. Ayat Quran yang bermaksud, 'kita mesti ada dalam keadaan bersedia' untuk menghadapi sesuatu perkara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini jangan sampai tentera hilang semangat, rakyat hilang semangat melihat keupayaan negara jiran, tambahan pula kita membaca daripada majalah-majalah antarabangsa yang menceritakan 'armed struggle' ataupun pertarungan senjata. Bagaimana negara Israel di antaranya pegawai-pegawai tentera mereka menjadi penasihat kepada tentera negara jiran kita dan kita tahu keupayaan Israel, sifat keganasan mereka dalam menghadapi negara Arab. Walaupun kita tidak syak negara jiran kita akan sampai ke tahap itu, tetapi sebagai manusia, sebagai negara yang berada

dalam keadaan yang boleh berlaku satu perkara, perkara itu mesti ada dalam ingatan kita, supaya negara Malaysia dapat bertindak dan dapat menyediakan kekuatan untuk menghadapi kalau perkara yang tidak diingini berlaku.

Kita tidak boleh anti sesuatu kaum, memang Allah S.W.T jadikan kaum itu, kita tidak boleh anti orang Cina, kita tidak boleh anti orang India, yang kita bimbang ialah gerakan antarabangsa, sebab kita tahu sekarang ini China ada satu suasana yang mereka sebut 'Gerakan Antarabangsa' atau 'Overseas Chinese'. Mereka selalu mengadakan pertemuan sama ada di Bangkok, di Manila, di Kuala Lumpur, di Hong Kong dan lain-lain tempat. Di antaranya mereka ada cita-cita politik ke arah 'Cinaraya'. Ini perlu ada dalam pemikiran kita supaya seperti saya kata tadi, kita tidak boleh anti sesuatu kaum, tidak boleh musuh, kerana mereka dijadikan oleh Allah S.W.T. tetapi kita bermusuhan dengan cita-cita, kekuasaan ataupun sifat mustakbirin mereka. Sebab itu sekarang ini ada gerakan atau satu move Overseas Chinese yang dipanggil 'Gerakan Antarabangsa Sino' iaitu mereka barangkali ada cita-cita politik, sebab itulah kita perlu menaruh kebimbangan.....

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit penjelasan. Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada Ahli Parlimen daripada PAS yang begitu bersemangat membicarakan tentang keselamatan negara kita daripada diancam oleh negara-negara luar. Jadi, saya hanya hendak minta penjelasan, adakah semangat PAS ini untuk menjaga keamanan negara ini hanya hendak bincang ancaman daripada luar negara ataupun termasuk

keselamatan di dalam negeri. Tadi telah dinyatakan supaya kita jangan antikaum, kita mesti bersatu-padu, tetapi nampaknya PAS ini kalau dalam negeri dia tidak praktikkan apa yang dia cakap, PAS ini kalau cakap dalam Parlimen lain, bila cakap di luar dia selalu memberikan penerangan yang tidak jelas kepada rakyat, ini menyebabkan rakyat merasa salah faham dengan kerajaan. Misalnya di negeri Kelantan, Melayu dengan Melayu, S.46 dengan PAS sudah tidak boleh bersatu lagi, macam mana cerita luar negara, sedangkan di dalam negeri tidak ada tindakan?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Menentang UMNO bukan mengancam keselamatan negara. Ahli Parlimen apa macam ini? Adik saya seorang tentera, anak saudara saya polis, menentang UMNO kerana kita berlainan parti politik. Itu biasalah. Kalau saya berceramah puji UMNO, lebih baik saya duduk di sebelah sana!

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Tanjung Karang.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya setuju, bila PAS menentang UMNO ini bukan mengancam keselamatan negara, tetapi kadang-kadang ucapan-ucapannya yang begitu melampau batas, kadang-kadang menyebabkan rakyat hilang pertimbangan. Banyak perkara yang berlaku di dalam negara kita ini, kadang-kadang angkara daripada PAS sehinggakan rakyat sanggup berkorban kerana terpengaruh dengan ajaran-ajaran PAS. Bahkan dalam Islam pun kita lihat di Kelantan sekarang ini saya difahamkan oleh kawan saya di Kelantan, PAS dengan S.46 sudah bermusuhan. Kita khawatir nanti lama-lama timbul perbalahan sehingga sampai kepada masalah-masalah agama— ini lagi lebih merbahaya. Kalau Islam dengan Islam tidak boleh bertegur, jadi keselamatan

kita lagi lebih merbahaya, jika di dalam negeri kita, kita tidak sama-sama menjaga keselamatan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soal keselamatan negara, saya katakan tadi soal perbezaan parti politik perkara yang lain, yang gugur di Bosnia, yang gugur di Somalia—Menteri Pertahanan pergi melawat—di antaranya banyak anak-anak orang PAS. Dan kita tahu bahawa ini kita tak usah bincang di sudut politik di sini. Itu kita boleh debat dalam agenda yang lain. Ini soal keselamatan negara. Kalau kita mengancam keselamatan negara kerajaan guna ISA, kalau guna ISA tetapi selalunya kami yang kena, apabila anggota pihak parti pemerintah, bila mengancam keselamatan negara tidak kena. Kalau kena pun lalu sahaja ikut Kem Kamunting itu, dia tak singgah lama.

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada ancaman tadi, kita melihat dengan penuh berhati-hati, sebab kita adalah rakyat negeri ini pemastautin negeri ini dan kita amat berhati-hati melihat keadaan perkembangan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah walaupun kerajaan memang sedar tetapi kita mahu sedarkan lagi tentang pentingnya Kementerian Pertahanan ini. Sebab sekarang ini, mutakhir ini Kementerian Pertahanan sudah dilihat satu kementerian yang tidak berapa penting kalau dibandingkan dengan kementerian-kementerian yang lain, kementerian yang jaga untuk beri orang jadi kaya, Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan, kementerian itu penting.

Kementerian Pertahanan sekarang sudah dianggap tidak penting dan calon Naib Presiden jadi Menteri Pertahanan pun belum tentu menang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tak campur tangan, siapa menang pun tak apa.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah sahabat dari Kubang Kerian, dia membaca peruntukan negara di mana Kementerian Pertahanan mendapat peruntukan yang kedua besarnya di dalam perbelanjaan negara. Jadi, adakah terlalu mudah untuk saudara menghukum bahawa Kementerian Pertahanan adalah tidak penting dan banyak kementerian lain yang lebih penting daripada kementerian berkenaan?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Memang Kementerian Pertahanan mendapat peruntukan yang tinggi, bagi saya tinggikan lagi pun tidak mengapa. Yang pentingnya publisiti media, saya katakan tadi. Ditonjolkan tokoh-tokoh korporat, tokoh-tokoh yang berjaya dalam bidang itu sehingga ditinggalkan aktiviti-aktiviti angkatan tentera. Kalau dahulu, radio ada permintaan angkatan tentera, sekurang-kurangnya kita boleh dengar lagu-lagu yang dipohon oleh tentera, sekarang satu pun tak ada dah! Sekarang barangkali permintaan korporat kerana benda-benda yang hendak promotekan, mempromosikan angkatan tentera ini ditiadakan, sedangkan benda ini perkara yang penting. Sekarang kita rasa tidak penting kerana suasana negara aman dan tenteram. Memang kita mahu keamanan ini berkekalan tetapi janganlah kita anggap panas setahun tidak ada hujan walaupun sehari. Ini yang membimbangkan kita.

Tuan Yang di-Pertua, daripada pandangan-pandangan yang saya kemukakan tadi, yang saya ingin supaya jiwa pemuda-pemuda kita yang menyertai

angkatan tentera itu diperbaharui, diberi semula suntikan semangat di antaranya doktrin latihan mesti diubah supaya melahirkan manusia yang bersemangat jihad untuk mempertahankan kedaulatan negara. Kemudian juga semakan gaji yang mereka hidup sekarang tentera bukan lagi satu masyarakat yang berasingan, mereka compare dengan kawan-kawan mereka, kawan mereka yang masuk kilang misalnya dalam masa lima tahun dengan masuk private tentera dalam masa lima tahun mereka bertemu ketika hari raya, ditanya kawan itu sudah gaji RM1,000, yang kawan ini yang masuk tentera baru di sekitar RM600 ataupun RM500 dipotong itu dan di potong ini maka mereka hendak kirim ke rumah pun tak ada wang lagi. Jadi, semangat mereka semakin luntur bila mereka bandingkan dengan kawan-kawan mereka. Kadang-kadang pula yang masuk kilang itu, LCE pun tak lulus, sedangkan dia ada SPM, dia masuk tentera, lima tahun kemudian mereka bertemu, mereka dapati bahawa pendapatan yang begitu ketara perbezaannya. Masalah ini serius, Yang Berhormat Menteri, masalah yang cukup serius.

**Tuan Noh bin Omar:** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tanjong Karang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya hendak minta penjelasan sedikit sahaja. Sebagai Naib Ketua Pemuda PAS, seandainya nanti kerajaan, sekarang ini pun kerajaan telah pun menggalakkan supaya pemuda-pemuda kita ini digalakkan masuk askar wataniah. Jadi, sebagai Naib Ketua Pemuda PAS apakah langkah-langkah yang Pemuda PAS akan ambil, adakah Pemuda PAS akan kempen all out untuk memastikan semua Pemuda PAS ini akan masuk askar wataniah?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ya, itu memang kami galakkan dalam



pertemuan-pertemuan dalam ceramah-ceramah kami supaya masuk pasukan-pasukan seperti itu dan hindar daripada gejala dadah yang saya sebut tadi kalau tubuh parti politik menjadi yang kedua terkuat mewakili orang Melayu sekarang penagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, memang pasukan wataniah juga di samping mereka ini berkhidmat secara sukarela, kedudukan elaun mereka mesti juga difikirkan. Saya rasa buanglah belanja-belanja yang karut-karut, yang lain-lain itu, sambut menteri belanja besar, sambut itu buat gendang besar dan lain-lain belanja-belanja yang merapu, yang tidak ada manfaat, yang merapu itu patut dibuang.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sebelum Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian berkempen kononnya apa yang dikatakan supaya dipotong, adakah Yang Berhormat mendesak supaya Menteri Besar Kelantan menukar Mercedes 300S series kepada kereta kecil sebagaimana dia menjadi Menteri Besar dahulu supaya nampak apa yang diperjuangkan adalah dipraktikkan. Jangan cakap di sini sahaja. Menteri Besar Kelantan sekarang kereta sudah besar dah, bukan lagi marhaen, adakah saudara meminta dia tukar kereta Kancil?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sama dengan menteri lain cuma rumah dia buruk Yang Berhormat tidak beritahu. Rumah dia itu tukarlah dengan rumah Yang Berhormat, pergi duduk di rumah dia seminggu, Menteri Besar Kelantan pergi duduk di rumah Yang Berhormat seminggu. Kemudian rasalah nikmatnya macam mana.

Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap hal pertahanan, mereka dok jolok untuk

bawa pertelingkahan politik yang kita tahu masalah manusia, dalam UMNO pun kita tahu masalah—banyak! Jadi, saya tidak mahulah sentuh masalah sekarang dalam UMNO, masalah di Kedah, masalah di Terengganu, masalah sebar khabar angin kata Wan Mokhtar sakit hendak berhenti seperti Sanusi Junid, saya tak mahu sebut benda itu. Masalah bertumbuk di Beaufort sehingga tiga orang masuk hospital, itu saya tak mahu sebut benda itu. Kalau saya sebut banyak lagi. Jadi, .....

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun pula Yang Berhormat!

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, nampak saudara saya dari Kubang Kerian ini cukup berminat dengan UMNO, adakah nampak sekarang dalam hati dia sudah berubah daripada PAS hendak masuk UMNO barangkali.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Hatiku tetap teguh bersama PAS! *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya sebutkan tadi, kajian menyeluruh hendaklah diadakan tentang dalam polis, dalam tentera, pasukan yang menjadi front untuk mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara ini mestilah diutamakan dan juga janganlah tentera ini dijadikan hanya untuk orang kampung sahaja untuk masuk, galakkan termasuk anak saya sendiri bila besar nanti, insya-Allah, saya juga mahu dia masuk tentera!

Ini kerana kita lihat mutakhir ini termasuk juga gejala-gejala dadah yang juga melanda angkatan tentera, dalam penjara masuk AIDS sekarang ini sehingga pengidap AIDS pada malam hari diasingkan daripada orang lain. Ini semua gejala-gejala sosial yang begitu dahsyat sekarang berlaku. Memang kita menyanjung Perdana Menteri, saya bimbang penyanjungan itu tidak ikhlas.

Kita tidak mahu selepas dia bersara nanti, kutukan yang diterima bukan sanjungan. Biarlah kalau kita sanjung seseorang itu dengan ikhlas, sebab itu Perdana Menteri sendiri pun dia tak suka orang sanjung-sanjung dia, dia kata: "Ini sanjung-sanjung ini apa hal ini?" Sebab dia tahu, yang sanjung-sanjung terlalu lebih itu kadangkalanya bukan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena akui merosotnya pengaruh nilai dalam masyarakat sekarang.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya teringat cakap-cakap sahabat saya Kubang Kerian sewaktu berada dalam satu krisis dahulu bahawa dia terlalu mengganggang kepimpinan Barisan Nasional termasuk Perdana Menteri. Tetapi hari ini dia kata, dia ikhlas menyanjung Perdana Menteri, siapa yang tidak ikhlas di dalam penyanjungan kepada Perdana Menteri. Adakah penyanjungan Menteri Besar PAS atau Menteri Besar Kelantan kepada Perdana Menteri sebagaimana yang diluahkan dalam akhbar baru-baru ini juga tidak ikhlas?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ada tempat kita puji, ada tempat kita kritik, tetapi jangan sanjung yang terlalu hebat—adi jagat, wira keadilan dunia, world standard, tetapi di belakang itu, kita tahu kritik-kritik di belakang itu. Bahkan di dalam Pemuda, kalau dia tidak berhenti menjelang tahun ini kita hendak suruh dia berhenti, tetapi bila berucap—world standard, world class. Kita tahu kawan-kawan kita semua, sebab itu saya kata tidak ikhlas. Kita, ada tempat kita puji, ada tempat kita kritik dia dan kita akui sekarang ini moral memang jatuh di kalangan ahli politik, di kalangan rakyat, di kalangan semuanya. Sebab itu merobaknya penagih dadah, AIDS, buang

anak sehingga hendak ditubuh bank bayi - ini semua berlaku di zaman kepimpinan Perdana Menteri yang perlu dikaji.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak minta penjelasan mengenai moral. Sebab bila disebut ahli politik ini, kita semuanya ahli politik, adakah moral ahli politik ini termasuk ahli daripada PAS, ada yang pernah kena tangkap duduk satu bilik - itu pun boleh lepas. Adakah itu diambil kira juga sebagai kejatuhan moral ahli-ahli politik ini?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Dia masuk tajuk ini, sudah dua bulan saya dihentam oleh media dahulu—cukuplah. Dan kita sudah dibicarakan, soal moral ini soal yang menyeluruh. Soal moral belia yang saya katakan tidak mahu menjadi tentera—ini soal moral, soal belia.

**Tuan Noh bin Omar:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak mahu jawab yang itu, saya tarik baliklah. Janganlah dia cakap itu main hentam keromo semua. Jadi, bila kata moral ahli-ahli politik ini jatuh, bila kita tanya dirinya sendiri, dia tidak mahu mengaku, jadi kalau tidak mahu terima, kena tariklah, janganlah hendak main hentam sahaja bila bercakap.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Hentamlah saya, kritiklah. Tidak ada masalah. Buat ucapan satu jam, hentam saya. Tidak apa. Perdana Menteri hentam, tidak apa.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hentam, saya hendak minta penjelasan. Kalau tadi saya tanya, adakah moral ahli politik ini termasuk juga ahli-ahli politik yang pernah didakwa di mahkamah kerana berkhawat, walaupun sudah lepas kerana kesilapan teknik, saya tidak mahu kritiklah. Itu kena di Kelantan, kalau kena di Selangor, sudah tentu tidak lepas. Di Selangor kalau duduk dalam kereta berdua di tepi

taman bunga pun dia sangkut. Di Kelantan pun sama, kalau di tepi taman bunga pun kena, tetapi bila ahli politik PAS kena, dia lepas. Jadi, yang dikatakan moral politik adakah termasuk ahli-ahli politik yang pernah didakwa kerana kesalahan khalwat yang melibatkan moral?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Terima kasih. Saya tidak mahu menjawab secara detail, kerana kes ini sedang dibuat pendakwaan di mahkamah tinggi dan akan berlaku perbicaraan tentang defamation. Jadi, selepas itu baru saya akan jelaskan, kerana sekarang ini dalam kes Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bongkar seorang-seorang dan kita bercakap di sini secara keseluruhan. Kalau moral kita terjejas, terjejaslah, tetapi kita sanggup hadapi. Ini kita lihat dari segi keseluruhan moral rakyat sekarang ini menurun akibat yang saya sebut tadi, akibat daripada pemerintahan yang kita lihat, bila orang itu pergi nanti, barulah kecelaaannya dilihat. Sekarang ini dilihat sebagai yang baik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu moral rakyat ini perlu dibangkitkan semula, patriotik, semangat untuk membela negara perlu dibangkitkan semula di peringkat kampung, di peringkat masyarakat, jawatankuasa-jawatankuasa kemajuan kampung yang dahulunya berperanan, kumpulan-kumpulan sivik yang berperanan untuk memberi semangat kepada rakyat mesti dihidupkan semula, kalau tidak, kita bimbang, anak-anak muda kita tidak mahu masuk angkatan tentera kecuali kita terpaksa buat kerahan tenaga, iaitu umur 18 tahun ke atas kena masuk tentera.

Jadi, ini yang perlu kita lihat sekarang ini kerana kita lihat keengganan anak-anak muda menyertai tentera sekarang begitu serius sekali, yang saya sebut akibat daripada yang saya senaraikan tadi beberapa perkara yang kita lihat berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, pihak kementerian juga kena mengkaji tentang kesan jiwa kepada angkatan tentera kita yang kita lihat sekarang ini kejadian-kejadian amuk ataupun kejadian-kejadian mengeluarkan senjata daripada kem berlaku dengan begitu banyak sekali. Kenapa ianya berlaku dan apakah mereka tidak puas hati ini sebab penindasan daripada ketua-ketua ataupun sekarang ini mereka sudah tidak boleh lagi ikut disiplin ala-tentera 100% ataupun apa dan sebagainya perlu dikaji oleh pihak Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan-pandangan, teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang saya berikan itu, maka itulah pandangan saya dalam membincangkan Akta Angkatan Tentera kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian.

**Tuan Yang di-Pertua: Kuala Pilah.**

**12.25 t.hari.**

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang (Kuala Pilah):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut bersama-sama di dalam Dewan yang mulia ini dapat membahaskan pindaan Akta Angkatan Tentera 1972.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum, bahawa angkatan tentera kita adalah satu-satunya angkatan yang sangat penting dari segi mempertahankan negara dan kedaulatan Malaysia yang tercinta. Sebagaimana yang kita tahu, angkatan tentera kita ini telah lama wujud di negara kita dan dari segi cara mana mereka berfungsi telah berubah. Kalau dahulunya, angkatan tentera telah berjuang berhabis-habisan, banyak nyawa terkorban dalam melawan parti Komunis Malaya yang sentiasa hendak mengganyang dan mengambil alih pucuk pimpinan negara.

Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah, kerana negara kita yang bertuah ini telah dapat dan melalui angkatan tentera dan polisnya berjaya melawan dan mengatasi segala permasalahan musuh yang cuba hendak memerintah negara kita, Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini, keadaan tentera dalam masa negara membangun, ekonomi negara begitu baik, keamanan negara begitu harmoni dan perpaduan telah baik, kedudukan tentera-tentera ini dari segi undang-undangnya memang wajar diubahsuai. Justeru itu, dengan adanya pindaan ini, sudah sampai masanya, kerana hari ini, kita tahu, tentera kita tidak banyak kerja, dari segi pergi ke hutan-hutan ataupun sebagainya, malahan keadaan telah berubah, dengan adanya pindaan ini, yang dibuat oleh kerajaan kita adalah sudah sampai masanya.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pertahanan yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan kita dan semua pegawai-pegawainya termasuk juga pegawai-pegawai dari segi badan sivil dan sebagainya. Dengan adanya pindaan ini, setelah membaca dan meneliti secara ilmiah, begitu teliti, seksyen-seksyen yang berkenaan telah diubah, cara-cara mana, terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan angkatan tentera telah berubah juga. Ini menunjukkan ia sejajar dengan keadaan perkembangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks perubahan dan pindaan ini, saya ingin juga hendak menyentuh beberapa pandangan, dari segi syarat-syarat perkhidmatan yang telah diubah dan diharap perkara ini dapat dilaksanakan. Seperti yang tersebut dalam perenggan seksyen-seksyen yang ada seperti Seksyen 5 - yang mana angkatan tentera boleh berkhidmat di luar negara Malaysia, seperti angkatan tentera berkhidmat dengan Pasukan Bangsa-bangsa Bersatu di Bosnia

Herzegovina, Somalia dan sebagainya. Mungkin dahulu, tidak ada termaktub dalam undang-undangnya, tetapi dengan adanya ini, telah dapat membolehkan penyelarasan ini dibuat oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, penempatan para pegawai di seberang laut, di embassy ataupun di kawasan-kawasan di luar negara kita Malaysia, penempatan pegawai-pegawai di sana, saya dapati ramai juga pegawai-pegawai profesional. Baru-baru ini saya telah berkesempatan pergi ke Istanbul, contohnya, berjumpa dengan salah seorang pegawai yang berkelulusan kejuruteraan tetapi menjalankan tanggungjawab sebagai pentadbir. Perkara ini patut juga dipertimbangkan supaya tidak meletakkan pegawai yang berkelulusan profesional menjalankan kerja-kerja tadbir. Saya rasa ini perlu juga ATM mengambil kira supaya meletakkan, sebagaimana kata pepatah Orang Putih, not to put a pack on the round pool, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dari segi Seksyen.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

*Dewan ditempokkan pada pukul 12.30 tengah hari.*

**Persidangan disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

**(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)**

**RANG UNDANG-UNDANG  
ANGKATAN TENTERA  
(PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*Perbahasan disambung semula*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kuala Pilah, sila sambung ucapan.

**2.30 ptg.**

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang (Kuala Pilah):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya izinkan saya meneruskan perbahasan saya dalam Rang Undang-undang Angkatan Tentera. Sebagaimana yang saya sarankan pada sebelah pagi tadi, Angkatan Tentera Malaysia yang mempunyai tanggungjawab menjaga keselamatan dan kedaulatan negara Malaysia dan juga keharmonian dalam negeri dan ancaman daripada luar. Untuk menentukan fungsi ini, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebentar tadi oleh Menteri Pertahanan, menunjukkan keprihatinan dan kepekaan kerajaan supaya Angkatan Tentera kita tetap berada dalam keadaan yang begitu maju dan moden, sejajar dengan keadaan dunia masa kini.

Kita Malaysia tidak mahu ketinggalan. Justeru itu, perubahan yang dibuat sudah sewajarnya, dan kita ingin melihat apabila adanya undang-undang itu sebagai garis panduan sahaja. Tetapi biasanya, masalahnya banyak berlaku dari segi pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi pandangan dari segi setelah meneliti seluruh pindaan yang dibuat, jelas sekali semua aspek dalam struktur ATM ataupun Angkatan Tentera telah cuba dikemaskinikan. Saya mengucapkan

syabas dan tahniah kepada Kementerian Pertahanan. Justeru itu, untuk merealisasikan segala perkara yang kita ingin melihat berlakunya perubahan, satu bentuk reformasi Angkatan Tentera supaya menjadi satu pasukan tentera Malaysia yang begitu maju, saya ingin menyentuh beberapa aspek.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, biasalah dalam sesuatu organisasi itu bergantung kepada pucuk pimpinannya. Dalam organisasi Angkatan Tentera, peranan atau sikap keprihatinan dan kewibawaan Panglima Angkatan Tentera Malaysia atau dipanggil sebagai PAT (Chief of Defence Forces Malaysia), dengan izin, sangat penting. Daripada kepimpinan ketualah maka maju atau mundurnya sesuatu organisasi itu akan berlaku. Sungguhpun Angkatan Tentera kita ada organisasinya, tetapi kesemuanya ini bergantung dari keupayaan dan kepimpinan negara kita keseluruhannya. Dengan adanya peranan yang diletakkan seorang menteri di sana pun, memainkan peranan yang penting juga.

Dalam konteks Panglima Angkatan Tentera ini, pada hemat saya di masa-masa kebelakangan inilah kita lihat apabila seseorang Panglima Angkatan Tentera itu memegang jawatan, kerana masa atau umur mereka menjawat jawatan sebagai Panglima Angkatan Tentera telah sampai ke tahap 53, 54 sebelum menjangkau 55 tahun, belum dapat buat apa-apa lagi telah bersara. Dalam konteks ini, izinkan saya memberi pandangan. Kalaulah boleh kiranya, dalam perancangan secara dekat dan jauh, kerajaan dan Kementerian Pertahanan mengenal pasti potensi-potensi di kalangan pegawai-pegawai yang cemerlang yang mempunyai prestasi 'excellent' perlu diberi sesuatu kenaikan pangkat atau pendedahan (exposure) yang begitu meluas supaya berbentuk satu hari nanti, kumpulan kategori ini akan menerajui kepimpinan Angkatan Tentera Malaysia kita.

Kalau dibandingkan dengan pasukan Polis Diraja Malaysia, Tun Haniff telah memegang jawatan selama 20 tahun lebih. Dalam masa 20 tahun, 7 atau 8 Panglima Angkatan Tentera telah bersara. Ini sebagai contoh simbolik sahaja. Yang saya maksudkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, kepimpinan Panglima Angkatan Tentera ini wajar juga diberi penelitian supaya seseorang itu apabila menjawat jawatan Panglima Angkatan Tentera ada masa untuk beliau membuat perubahan-perubahan dan merancang kedudukan Angkatan Tentera Malaysia kita.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa ATM.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Johar bin Haji Mahiruddin):** Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya minta penjelasan sedikit daripada Kuala Pilah. Kuala Pilah pun baru selesai sebagai mesyuarat bahagian, ya. Nampaknya semua orang ketua nak masuk. Saya minta penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat, betapa penting kita ada satu kepimpinan, panglimanya dan pembantu yang kukuh yang diberikan masa untuk membentuk satu pasukan.

Saya hendak bertanya, dalam kita mahu menegakkan kualiti ini, adakah pada pandangan Yang Berhormat, bagaimana sekarang ini dari segi latihan, 'exposure', panglima-panglima kita, kolonel-kolonel kita, general-general kita dengan keadaan peperangan sudah berubah, dengan ada satu paradigm dalam dunia, perubahan dunia yang bipolar kepada unipolar, keadaan sudah berubah. Adakah juga kita berikan latihan yang tinggi? Adakah perlu panglima-panglima kita, general-general kita ada kelulusan yang tinggi,

sarjananya, sarjana mudanya, bagaimana begitu? Adakah perlu ini dipertingkatkan kalau kita hendak tingkatkan, hendak naik pangkat general dari dua star ke tiga star, apakah perlu kita ada ukuran baru, adakah perlu kita mengatakan yang ada, yang hendak naik ke tiga star mesti sekurang-kurangnya sarjana, bukan sahaja sarjana muda.

Kita jangan lupa banyak askar yang ada, major, kolonel diambil dahulu kemasukannya dari second lieutenant. Pada ketika itu, tidak dimestikan mereka mempunyai kelulusan ijazah. Tetapi perubahan zaman mereka dikehendaki, panglima-panglima kita, general-general kita mempunyai kepakaran yang lebih tinggi. Bagaimana pendapat Yang Berhormat, sebab sekarang pun kita dengar bahawa Air Force Chief pun akan bersara, kerajaan akan memilih satu ketua yang baru. Apa pertimbangan ini perlu diambil kira untuk mereka tidak ketinggalan zaman, untuk menepati kehendak semasa dunia yang berubah ini. Saya minta sedikit pandangan dari Kuala Pilah.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, begitulah hebatnya sahabat saya dari Rompin yang peka dan prihatin juga dalam tajuk yang saya bincangkan ini. Saya sungguh bersetuju dengan pandangan beliau tadi. Sebagaimana yang kita harapkan, apabila seseorang itu berjawatan tinggi dalam angkatan tentera, lebih-lebih lagi sebagai Panglima Angkatan Tentera, kita ingin melihat mereka ini adalah kumpulan yang begitu berkebolehan, selain daripada semangat beliau yang begitu jitu dan mantap, selain daripada pengalaman dan kebolehan, juga kerana sekarang ini telah sampai ke satu dekad 21 yang di sini kita pertingkatkan kualiti setanding dengan tentera-tentera di negara lain di dunia ini.

Saya bersetuju dengan pendapat sahabat saya dari Rompin bahawa kualiti, pengalaman, semangat yang sejajar mengikut kehendak anggota tentera kita

perlu dipertimbangkan iaitu perlulah kementerian dan kerajaan memberi segala kemudahan, pendedahan (exposure), pengalaman, pengajian secara khusus dalam semua bidang untuk memberi satu pengalaman yang begitu baik. Apabila seseorang itu menjawat jawatan Panglima Angkatan Tentera, dia adalah seorang yang betul-betul berkebolehan di dalam semua bidang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh struktur angkatan tentera kita. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, kita mempunyai tiga bidang iaitu Tentera Udara Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan juga Tentera Darat Diraja Malaysia. Ketiga-tiga pasukan ini menjadikan angkatan tentera kita. Tentera Udara Diraja Malaysia, izinkan saya memberikan beberapa pendapat di sini. Sungguhpun pemindaan undang-undang ada memberi perubahan, pengubahsuaian supaya keanggotaan TUDM ini nanti bukan sahaja tertumpu kepada kumpulan yang dikatakan statistik tetapi mereka ini akan duduk dalam satu badan, organisasi pasukan yang semua berkebolehan.

Dari segi juruterbangnya, ataupun dengan izin, pilot, kita mahukan juruterbang-juruterbang TUDM adalah daripada kumpulan yang betul-betul mempunyai kebolehan dan pemilihan mereka ini juga sebagaimana kita pernah dengar, kita sudah cuba bergantung dari segi the merit. Kita ingin melihat juruterbang-juruterbang kita menjadi satu pasukan yang betul-betul canggih, yang boleh menerbangkan apa sahaja pesawat yang ada dalam dunia ini. Justeru itu, kerajaan dan kementerian untuk menentukan kualiti ini tidak lari, wajar juga difikirkan segala bentuk insentifnya supaya mereka ini tidak lari keluar dengan adanya tawaran-tawaran yang begitu hebat sekarang ini daripada badan-badan komersil ataupun commercial airlines yang sentiasa ingin membawa ataupun menarik

mereka ini masuk dalam kumpulan juruterbang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selalu kita dengar juga bahawa kerap kali kapal terbang kita jatuh, sudah disebut sebentar tadi. Soalnya, sama ada disebabkan pesawat itu ataupun masalah juruterbangnya. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyentuh dari segi kualiti pesawat itu. Kita dengar pesawat jenis Hawk yang pernah kita beli daripada Great Britain. Sungguhpun kita perlukan pesawat-pesawat ini daripada negara-negara sahabat yang biasanya tidak berharga murah juga, kita mesti menentukan bahawa setiap pesawat yang dibeli mempunyai alat ganti yang cukup dan saya pernah mendengar kadangkala alat ganti tidak mencukupi dan pernah juga kapal-kapal terbang ataupun pesawat ini di "ground"kan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dari segi anggota teknikal ataupun pihak-pihak pentadbir yang menyokong pasukan TUDM ini perlu juga kita kemaskinikan. Mereka ini mestilah daripada kumpulan yang mahir dan apabila mereka ini mahir, kita hendak tentukan mereka jangan senang-senang sahaja keluar dan masuk kerja lain. Di sini saya rasa kerajaan perlu meneliti secara menyeluruh bagaimana hendak menentukan segala anggota yang telah terlatih tidak keluar menceburkan diri di bidang sektor swasta dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu mendengar bahawa juruterbang dan juga anggota-anggota mahir dalam TUDM masuk ke pihak-pihak swasta dan perkara ini perlulah dibuat kajian secara ilmiah. Selain daripada itu, syarat-syarat perkhidmatan juga perlu diperketatkan. Kalau sekiranya segala insentif telah diberi, segala kemudahan telah diberi, latihan telah diberi, perlu juga dari segi prasyarat, conditions of service, dengan izin, diperketatkan. Jangan dibiarkan

dengan sewenang-wenangnya mereka ini keluar. Ini akan merugikan kerajaan dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dari segi Tentera Laut Diraja Malaysia. Tentera Laut Diraja Malaysia yang sekarang ini pernah satu ketika dahulu berpusat di Woodland, Singapura. Kerajaan sedang giat dan pesat akan menukar atau memindahkan pangkalan ini ke negara kita di Lumut. Saya menyokong penuh pemindahan ini dan dasar ini kerana banyak baiknya, Tuan Yang di-Pertua. Kita sedia maklum kerajaan Singapura telah mengenakan sewa yang begitu tinggi dan juga dari segi keselamatan saya fikir tidak begitu baik dan sudah sewajarnya kita membuat pangkalan kita dan membangunkannya tanpa perlu kita bergantung kepada negara lain.

Selain daripada itu, tugas-tugas TLDM ini sangat besar. Negara kita dipisahkan dengan Sabah dan Sarawak yang merangkumi Laut China Selatan dan juga Selat Melaka. Tanggungjawab TLDM pada hemat saya sangat besar untuk menentukan bahawa keselamatan pesisiran laut kita selamat dari semua bidang atau bentuk ancaman, daripada lanun dan sebagainya.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, perlulah kita memikirkan bahawa bagi TLDM mengawal seluruh pesisiran pantai Malaysia yang begitu luas bukan satu perkara yang senang. Justeru itu, kerajaan dan kementerian perlulah membekalkan TLDM ini dengan kapal-kapal rondaan yang mencukupi. Bukan sahaja mencukupi, hendaklah juga daripada jenis-jenis yang terkini dan canggih supaya dapat menandingi pihak-pihak musuh.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tertarik, Tuan Yang di-Pertua, tentang pandangan Yang Berhormat dari Kuala Pilah sekali lagi. Yang Berhormat dari Kuala Pilah ini, selepas tamat bahagiannya macam ada satu idea baru, satu kebangkitan baru, terutama selepas dapat gelaran Dato' ini. Saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat dari Kuala Pilah. Selepas dia dapat gelaran Dato' dari Negeri Sembilan, semacam ada satu perubahan baru kepada arah politiknya.

Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat. Kita setuju mempunyai pesisiran yang luas, lautan yang luas, telaga-telaga minyak kita dan kita dengar juga negara-negara yang berhampiran dengan kita mempunyai kapal selam. Adakah Yang Berhormat merasakan bahawa sudah sampai masanya negara kita mempunyai kapal selamnya yang tersendiri? Sebab untuk menjaga keselamatan perairan kita ini tidak cukup sekadar dengan kapal atas air sahaja, kena ada juga yang di dasar laut ini. Macam mana pandangan Yang Berhormat dari Kuala Pilah? Saya minta pandangan sedikit.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Rompin. Apabila saya perkatakan tadi perlu kita membekalkan dengan alat-alat atau logistik, kapal-kapal yang canggih, sudah semestinya termasuk kapal-kapal selam 'kalau perlu'. Saya gunakan perkataan 'kalau perlu' ini, perlu juga kita mengkaji dari kesesuaian laut kita di kawasan ini. Kalau sekiranya dasar laut kita begitu cetek, tidak mungkin kapal selam dapat kita selamkan di kawasan ini. Justeru itu, walaupun dari segi kepentingan keselamatan negara kita, kita tidak ada kompromi, jika perlu kapal selam, kapal selam juga perlu kita beli untuk menentukan bahawa kedaulatan dan keselamatan negara kita terjamin.



Tuan Yang di-Pertua, persoalan seterusnya bahawa dari segi kapal-kapal ronda yang ada sekarang ini kadangkala telah begitu lama. Jadi, Kementerian Pertahanan dalam belanjawannya perlu membuat satu anggaran yang betul-betul boleh merangkumi, mencukupi untuk memperlengkapkan TLDM dengan kapal-kapal yang begitu canggih dan terkini.

Dari segi membasmi lanun dan juga bermacam-macam kerja seperti membanteras permasalahan kemasukan orang-orang asing tanpa izin, saya percaya tentera laut boleh memainkan peranan. Sepertimana juga yang kita tahu pada hari ini negara kita telah diancam atau dimasuki oleh berjuta-juta orang ke negara kita, kerana negara kita mempunyai kehebatan dari segi pertumbuhan ekonomi dan sebagainya. Justeru itu, kita tidak sanggup orang-orang luar datang ke Malaysia dan akan terus menikmati segala kemewahan dan kemudahan. Kita tidak mahu orang-orang kita yang menjadi anak watan bangsa menghadapi permasalahan. Maka peranan yang boleh dimainkan oleh TLDM juga sangat besar untuk merealisasikan pasukan ini menjalankan tanggungjawabnya dengan baik, perlulah mereka ini dilengkapi dengan kapal-kapal ronda dan alat-alat yang terkini dan terperinci supaya mereka boleh menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya mengemukakan masalah yang perlu kita fikirkan dalam Angkatan Tentera keseluruhannya. Hari ini kita tahu bahawa soal disiplin dalam pasukan tentera yang beruniform, disiplin adalah satu teras asas untuk menentukan kejayaan pasukan itu. Sebagaimana yang kita tahu di dalam menghadapi sesuatu peperangan, tidak ada gunanya kita mempunyai banyak batalion atau pasukan, tetapi kalau semangat disiplinnya tidak ada.

Kita ingin melihat keanggotaan bala tentera pasukan kita mempunyai satu semangat yang tinggi, disiplin yang tinggi dan kalau hari ini kita dengar berlakunya di sana-sini anggota tentera terlibat dalam banyak permasalahan. Satu pengkajian secara menyeluruh dan khusus wajar diadakan untuk mengetahui kenapa perkara ini boleh berlaku dan kadangkalanya ini semua berlaku kerana kesilapan manusia belaka. Kadangkala pegawai-pegawai di peringkat atasan tidak ada interaksi, tidak ada persefahaman dengan pegawai-pegawai bawahan.

Apabila berlakunya satu peristiwa yang dilakukan oleh Prebet Adam dalam satu penembakan, Tuan Yang di-Pertua, kita sedia mendengar permasalahan individu ini. Tidak boleh dinafikan bahawa kadangkala tekanan jiwa anggota-anggota tentera di peringkat bawahan ini ada juga berlaku disebabkan tekanan oleh pegawai-pegawai atasan yang kadangkala bersikap sebagai 'sadist'. Ini perlu juga dikaji secara betul dan secara ilmiah, perkara ini pernah berlaku. Pada tahun lepas, saya pernah didatangi oleh seseorang anak muda yang pernah menjalani latihan tentera, setelah mendapat commissionnya, beliau dihantar ke satu pasukan.

Ingin saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini sebagai satu pandangan supaya kementerian khasnya Angkatan Tentera prihatin dan peka untuk menentukan supaya 'suaikenal' (raging) dipanggil dengan perkataan lebih bermoral, tetapi dalam bahasa Inggeris, dengan izin, perbuatan 'raging' ada juga berlaku di dalam Angkatan Tentera. Kalaulah sekiranya perbuatan ini tidak dikawal dengan cara lebih baik, sebagai contoh saya sebutkan tadi, anak muda ini sehingga ke satu tahap beliau menjadi historical, disebabkan tekanan oleh 'segelintiran'. Saya gunakan perkataan 'segelintiran' sahaja pegawai-pegawai yang bersikap 'sadist' ini tidak begitu prihatin dengan keadaan moral dan sebagainya,

menyebabkan anak muda itu melarikan diri keluar daripada Angkatan Tentera. Ini satu contoh, mungkin banyak lagi, tetapi walau bagaimanapun perlu diingat, perbuatan ini adalah satu perbuatan yang tidak baik dan untuk menentukan pasukan tentera mempunyai nama yang baik, perlu perbuatan ini dihindarkan.

Tuan Yang di-Pertua, permasalahan perumahan di kalangan Angkatan Tentera. Sebagai contoh di Kuala Lumpur, kalau sekiranya keluarga Angkatan Tentera duduk atau tinggal di persekitaran Kuala Lumpur, elaun yang mereka dapat hanya RM200 sebulan. Dengan hanya RM200 sebulan bagaimanakah keluarga ini hendak menampung atau membayar sewa rumah yang begitu tinggi di persekitaran Kuala Lumpur. Itulah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, kadangkala saya dapati apabila menaiki teksi pada waktu malam, apabila bercakap dengan pemandu itu, maka beliau menyatakan, 'saya sebenarnya, tuan bekerja sebagai tentera di siang hari, tetapi hendak menampung kehidupan saya, terpaksa menambah kerja sedikit pada sebelah malam sebagai pemandu teksi dan juga sebagai penjual makanan dan sebagainya'. Kalau ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana disiplin dan keupayaan anggota tentera ini dapat menumpukan sepenuhnya kepada tanggungjawabnya di pejabat.

Permasalahan perumahan ini, kita semua sedia maklum adalah masalah nasional, tetapi pengkhususan mesti diberi kepada kumpulan ini kerana mereka adalah kumpulan yang tertentu, yang mempunyai tanggungjawab yang tertentu. Justeru itu Kementerian Pertahanan dan kerajaan, saya amat bersetujulah kalau projek rumah pangsa secara besar-besaran diberi atau dibina khusus kepada kumpulan Angkatan Tentera yang bergaji lebih rendah, kerana ada terdapat juga di antara mereka ini yang tinggal di rumah-rumah setinggan. Di manalah letaknya kedudukan disiplinnya, kadangkala mereka ini

memasukkan uniformnya dalam beg, kayuh basikal atau menunggang motosikal pergi ke pejabat.

Yang kedua mengenai permasalahan ini juga, iaitu elaun daripada rumah ke tempat kerja. Saya dimaklumkan bahawa elaun yang diberi kepada anggota pangkat rendah sebanyak RM40, elaun ini telah diberi semenjak 20 tahun yang dahulu, tidak ada perubahan, dan kepada pegawai-pegawainya sebanyak RM80 sebulan. Ini saya rasa perlu dikaji semula supaya permasalahan anggota tentera ini dapat diatasi.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, tuntutan elaun perjalanan, tadi telah saya sebut semenjak 20 tahun yang lalu RM40 dibayar untuk anggota lain-lain pangkat dan RM80 sahaja kepada pegawai. Saya rasa kalau dengan adanya permasalahan lalu lintas dan kesesakan jalan, bagaimanakah mereka ini kalau duduk di kawasan luar mungkin lambat sampai ke pejabat, tetapi elaunnya hanya RM40 dan RM80. Ini telah pun berjalan semenjak 20 tahun yang lalu. Jadi, saya minta dan merayu supaya kementerian dan kerajaan memikirkan permasalahan elaun ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh dari segi pasukan komando.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin juga agaknya Ahli-ahli Yang Berhormat pernah dengar wujudnya pasukan komando. Pasukan komando ini adalah satu kumpulan, satu pasukan elit yang terdiri daripada kumpulan yang betul-betul mempunyai keupayaan yang cukup hebat dari segi fizikal dan mentalnya dan kumpulan ini tidak bergerak secara ramai dan mereka ini mempunyai satu ketahanan diri yang cukup tinggi. Bermakna latihan yang diberi kepada mereka ini adalah cukup begitu rapi, terperinci dan terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini pasukan komando ini sudah sewajarnya

dan mempunyai tanggungjawab yang begitu berat dan khusus, mereka ini selain daripada insentif yang mereka perolehi sekarang ini perlu juga diberi pertimbangan permasalahan dari segi kebajikan mereka dan juga prasyarat selama mereka ini berkhidmat dalam pasukan komando.

Saya bangkitkan perkara ini kerana terdapat sekarang ini ada juga anggota-anggota komando ini apabila sampai masanya mereka tidak berhasrat hendak bekerja lama kerana tawaran daripada pihak swasta begitu baik. Pihak-pihak jutawan, pihak-pihak yang mempunyai duit yang banyak merasa keselamatan mereka terancam perlukan pengawal dan mereka akan menjadi pengawal kepada kumpulan-kumpulan ini dan saya beranggapan kalau ini tidak kita sekat, kita kaji dengan secara terperinci, rasanya rugilah kerana mereka ini bukan kumpulan boleh dibentuk dengan senang sahaja, mereka adalah kumpulan yang betul-betul dilatih dan mempunyai kualiti yang betul-betul dianggap dalam sesuatu organisasi komando ini dan mereka memainkan peranan dan mereka ini juga patut diberi layanan, insentif supaya mereka jangan keluar dengan sewenang-wenangnya menyertai swasta.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh dari segi akademi tentera. Kita mendengar bahawa pasukan tentera kita juga ada mewujudkan satu akademi. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian dan pasukan tentera. Walau bagaimanapun, kedudukan akademi ini perlu dipertingkatkan lagi, perlu diperkemaskinikan dengan semua bentuk tenaga pengajar yang terlatih, dari semua aspek dan juga memberi pendedahan yang baik bukan sahaja di peringkat dalam negeri malahan kalau boleh didedahkan ke seluruh dunia supaya dapat badan ini mewujudkan satu tenaga pengajar dan mempunyai kualiti yang cukup tinggi untuk melengkapkan

pegawai-pegawai di semua pasukan tentera kita.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sipitang.

**3.05 ptg.**

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob (Sipitang):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan suatu Akta Angkatan Tentera yang menyeluruh untuk kebaikan perkhidmatan angkatan tentera kita di Malaysia ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kementerian dan pegawai-pegawai atas prihatin tentang perlunya satu akta yang baru yang meliputi demi untuk memperbaiki sistem perkhidmatan angkatan tentera. Pada masa dahulu, angkatan tentera kita tidaklah sebegitu menonjol berkembang seperti yang ada sekarang ini. Tetapi atas kemampuan dan kepimpinan negara dan pegawai-pegawai tentera kita, walaupun negara kita mempunyai penduduk yang kecil bilangannya cuma sekadar 15 juta orang pada masa itu ataupun kurang, kita telah mendapat pengiktirafan daripada negara-negara luar untuk menyertai di luar negara. Ini sudah tentu akibat daripada ada kepercayaan dan kewibawaan pasukan tentera kita sehingga kita dipercayai.

Contohnya, pada masa yang lalu tahun 60-an kita telah dipelawa oleh Bangsa-bangsa Bersatu untuk menyertai satu misi di Kongo, inilah pengiktirafan yang kita perolehi dan baru-baru ini beberapa tahun yang lalu kita juga diberi kepercayaan untuk menyertai misi di Somalia, untuk menyertai misi di Bosnia-Herzegovina dan pelbagai lagi atas tajaan Pertubuhan

Bangsa-bangsa Bersatu demi untuk membantu negara-negara yang tertindas ataupun teraniaya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat juga angkatan tentera kita berkembang dan perkhidmatan kita sekarang semakin baik, masalah-masalah angkatan tentera telah dilihat terutama sekali semenjak Menteri Pertahanan yang lalu di bawah Dato' Seri Haji Mohd. Najib di mana masalah tempat tinggal angkatan tentera telah pun diselesaikan dan sekarang diteruskan untuk diselesaikan. Kita ucapkan tahniah dan kita melihat juga bahawa angkatan tentera pada masa ini lebih selesa dan lebih senang hati kerana tempat tinggal mereka mendapat perhatian dan lebih baik. Dan usaha kerajaan ini telah pun diteruskan juga sekarang ini untuk memberi ruang ataupun tempat-tempat tinggal yang lebih selesa yang mana di bawah rancangan kerajaan rumah angkatan tentera secara besar-besaran akan dibina demi untuk keperluan angkatan tentera itu sendiri dan juga keperluan negara supaya mereka ini ditempatkan di tempat-tempat yang strategik demi untuk keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan syabas terutama sekali, satu seksyen baru khususnya seksyen 5 yang baru diwujudkan iaitu di mana angkatan tentera ini boleh dipinjamkan ke luar negara ataupun boleh digunakan oleh jabatan-jabatan lain, baik oleh kerajaan negeri, jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan dan juga mana-mana yang perlukan bantuan.

Ini memperlihatkan keprihatinan kerajaan. Saya tidak tahu siapa yang memulakan, yang perlunya kakitangan ataupun angkatan tentera ini dilepaskan untuk dipinjamkan ke satu-satu badan. Memang masalah kekurangan penguatkuasaan misalnya beberapa jabatan kerajaan, contohnya Jabatan Perikanan, Jabatan Perhutanan,

penguatkuasa-penguatkuasa tempatan yang saya rasakan memang wajar dilihat sebagai satu tempat di mana angkatan tentera kita boleh dipinjamkan ke jabatan-jabatan ini terutama sekali dalam bidang-bidang penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menghuraikan serba sedikit permasalahan di beberapa jabatan yang mana kekurangan kakitangan penguatkuasaan dan jikalau ada pun mereka ini tidak terlatih untuk menguatkuasakan undang-undang seperti yang perlu mereka lakukan. Dalam satu keadaan misalnya, saya ambil contoh di negeri Sabah di bawah Jabatan Perikanan di mana Jabatan Perikanan ini ada satu kumpulan ataupun di bawah satu jabatan yang perlukan penguatkuasaan, misalnya penguatkuasaan ini adalah untuk menyelesaikan masalah-masalah kaum-kaum nelayan miskin yang tertindas di pesisiran pantai di mana nelayan-nelayan ini akan menangkap ikan sama ada menggunakan pancing, ataupun pukat-pukat tradisional. Mereka ini berada kurang daripada tiga batu daripada pantai di mana mereka mencari rezeki. Kawasan mereka sering diceroboh oleh sama ada pukat-pukat tunda yang memukat di kawasan cetek yang dalam lesen kebenaran mereka tidak dibenarkan memukat di kawasan itu.

Yang kedua, adanya penceroboh-penceroboh pendatang asing, baik daripada dalam negeri, dari daerah lain, yang tidak dibenarkan berlegar di kawasan itu dan mencari makan di kawasan itu sehingga menjadi saingan kepada penduduk tempatan. Ada juga pendatang-pendatang asing mungkin kalau di sebelah Semenanjung pendatang daripada negara jiran, kalau di Sabah pun pendatang daripada negara jiran yang menceroboh, mereka ini menangkap ikan dengan memikirkan cuma sekali tangkap sahaja masalah mereka boleh selesai. Misalnya mereka menggunakan racun-racun serangga untuk menangkap undang,

menggunakan bom ikan untuk megebom di unjang-unjang orang-orang kampung di sekitar kawasan itu. Kemudian mereka ini merosakkan terumbu-terumbu ataupun karang-karang dengan menggunakan bahan letupan, bom-bom tadi untuk memusnah tempat pembiakan ikan dan sebagainya dan ada kalanya mereka ini menceroboh dan terus merompak nelayan-nelayan sambil mencuri atau mengambil enjin-enjin sangkut dan juga peralatan seperti pukat, pancing dan sebagainya.

Apa yang menjadi masalah bila disuarakan oleh Pengerusi JKK di kampung-kampung ataupun persatuan-persatuan nelayan kecil-kecilan di kampung-kampung, masalah yang mereka hadapi ini dibentangkan dan disuarakan kepada Jabatan-jabatan Perikanan. Jawapan yang mereka berikan, dikatakan bahawa sesuatu kawasan yang dikawal adalah terlalu luas. Yang kedua, kita tidak cukup kakitangan yang terlatih untuk menghadapi tugas yang sebahaya itu. Tetapi kerajaan mesti juga memikirkan bahawa yang paling berbahaya, yang terancam ialah penduduk kampung yang tinggal di luar bandar, yang mana pendapatan mereka adalah menangkap ikan ataupun udang untuk menyara keluarga. Di mana, jikalau kita tidak melaksanakan penguatkuasaan ini untuk melindungi mereka, sudah tentu mereka ini lebih tersisih dan teraniaya.

Pertama, mereka berasa bimbang untuk menangkap ikan kerana takut disamun ataupun dirosakkan tempat mata pencarian mereka, takut dicuri enjin-enjin mereka. Kedua, kawasan mereka akan diterokai oleh orang lain sehingga tangkapan mereka akan berkurang dan tidak boleh mendapat pendapatan yang setimpal dengan apa yang mereka sepatutnya perolehi. Kalau hari-hari biasa, tanpa pencerobohan ataupun tanpa ada gangguan daripada luar, pendapatan mereka boleh sampai RM500 hingga RM1,000 sebulan, tetapi dengan adanya pendatang luar ataupun

penceroboh ini tanpa ada kawalan, pendapatan mereka boleh berkurangan kepada RM100 hingga RM200 sebulan.

Apakah ini tidak menjadi masalah? Tentunya ini menjadi masalah. Jadi, untuk menyelesaikan masalah penguatkuasaan ini, angkatan tentera melalui - saya tidak tahu apakah prosedur ataupun cara-cara untuk melaksanakan proses pinjaman ini - angkatan tentera boleh membantu untuk melaksanakan penguatkuasaan ini melalui pinjaman kakitangan di bawah Seksyen 5 ini ataupun 5C khususnya yang mana kakitangan angkatan tentera ini bertugas dengan Jabatan Perikanan, baik di Sabah, Sarawak atau di Semenanjung, yang mana penguatkuasaan ini tidak dapat dilaksanakan.

Jadi, sekali gus ini akan dapat membanteras ketidakselesaan penduduk-penduduk dan juga mengamankan kawasan-kawasan yang sentiasa tertindas ini ataupun sentiasa diancam keselamatan mereka. Jadi, dengan adanya pinjaman ini mereka akan bertugas dengan Jabatan Perikanan, di Bahagian Penguatkuasaan dan mereka boleh menggunakan peralatan-peralatan yang ada dengan kepakaran dan latihan yang ada, boleh melaksanakan penguatkuasaan ini. Ini satu daripada contohnya. Begitu juga dengan jabatan-jabatan lain, misalnya, Jabatan Hutan untuk melaksanakan penguatkuasaan mereka yang mencuri kayu-kayu balak, boleh juga dipinjamkan kakitangan angkata tentera supaya dapat mereka bertugas di situ.

Satu contoh lagi, yang saya rasa serius juga iaitu kuasa-kuasa tempatan, yang mana jikalau penguatkuasaan tidak dilaksanakan, kuasa-kuasa tempatan ini tidak dapat menunaikan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Yang pertama, kakitangan penguatkuasaan ini, seperti yang saya katakan tadi, untuk tugas-tugas tertentu, misalnya berhadapan dengan kampung-kampung setinggan yang

membuat rumah-rumah haram di tanah-tanah kerajaan. Apabila kakitangan kuasa-kuasa tempatan ini hendak menghalau mereka, mereka kena gertak sedikit sudah layu, kecut dan lari dan mereka tidak dapat melaksanakan penguatkuasaan kerajaan-kerajaan tempatan. Begitu juga mungkin dengan peniaga-peniaga haram yang mana kita lihat sentiasa melakukan kesalahan ataupun kesilapan ini tanpa ada halangan dan mereka ini berleluasa ataupun berkeliaran tanpa ada kawalan. Oleh kerana mungkin kekurangan kakitangan di dalam kuasa-kuasa tempatan, juga di sini, kuasa-kuasa tempatan ini boleh memohon untuk mendapatkan bantuan daripada kakitangan angkatan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, cuma masalah yang timbul barangkali, saya kurang faham apakah prosedur untuk meminjamkan kakitangan ataupun angkatan tentera - askar-laskar ini ke jabatan-jabatan kerajaan yang tertentu. Sama ada ia diurus ataupun melalui perhubungan dengan Majlis Keselamatan Negeri ataupun melalui tindakan negeri ataupun dipohon oleh jabatan-jabatan yang berkenaan ataupun cuma tawaran oleh angkatan tentera untuk berkhidmat di jabatan-jabatan tersebut. Apakah syarat-syarat untuk mereka ini bertugas. Apakah perlu menandatangani satu perjanjian sebelum mereka ini bertugas dengan jabatan-jabatan kerajaan, misalnya, di Kementerian Perikanan ataupun di Jabatan Hutan ataupun di kementerian-kementerian lain ataupun kuasa-kuasa tempatan.

Walaupun dinyatakan bahawa gaji saraan mereka akan dibayar oleh jabatan-jabatan di mana mereka dipinjam, tetapi bagaimana dengan gaji semasa mereka bertugas. Apakah ia masih di bawah skim angkatan tentera ataupun di bawah skim di mana mereka akan dipinjamkan? Misalnya, jikalau mereka dipinjamkan ke Jabatan Pertanian, apakah Jabatan Pertanian akan membayar gaji mereka

ini? Apabila bertugas semula, bagaimanakah proses kenaikan pangkat mereka? Apakah mereka ini masih tertakluk dengan prosedur-prosedur angkatan tentera? Misalnya, mereka mula-mula bertugas di Jabatan Pertanian sebagai prebet, apakah mereka juga layak naik ke pangkat lans koperal, koperal, sarjan dan sebagainya apabila mereka dipinjamkan ke jabatan-jabatan.

Apakah mereka masih layak untuk mendapat senioriti yang sama apabila mereka pulang ke perkhidmatan angkatan tentera di masa akan datang? Dan semasa mereka bertugas di jabatan-jabatan yang mereka dipinjamkan, siapakah yang melakukan penyeliaan ataupun proses supervise, dengan izin. Apakah mereka ini juga layak mendapat latihan berkala ataupun secara berterusan daripada angkatan tentera jikalau mereka ini dipinjam? Jadi, persoalan-persoalan ini mungkin membimbangkan jikalau tidak dapat dijawab - membimbangkan pegawai-pegawai yang akan dipinjamkan atau mereka yang akan ditempatkan di jabatan-jabatan tertentu di masa akan datang. Saya mohon kementerian dapat memberi sedikit penjelasan tentang perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berpindah sedikit mengenai dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Pilah tadi iaitu mengenai dengan kemudahan angkatan tentera, iaitu peralatan-peralatan. Perkara ini perlu diambil serius oleh angkatan tentera kita, khususnya Kementerian Pertahanan mengenai dengan peralatan yang kita ada. Untuk menempatkan satu-satu pasukan di kawasan-kawasan strategik, khususnya, saya mengambil contoh di Sabah. Di kawasan-kawasan strategik di Pantai Timur, khususnya, peralatan-peralatan yang canggih, yang terkini perlulah ada, sekurang-kurangnya lebih baik daripada senjata yang ada pada lanun-lanun.

Saya ingin mengimbas kembali satu peristiwa semasa saya berada di Tunku

tahun 1980-an. Semasa itu, saya sebagai pegawai kerajaan dan berada di Tunku. Di Tunku lebih kurang 2 jam setengah dengan kereta daripada Lahad Datu, dan kampung itu terpencil. Ada satu rombongan di Kampung Bilis lebih kurang 2 jam ataupun 1 jam setengah daripada Tunku. Masa itu jalan belum ada. Masa itu, pasukan penyelamat yang ada di Tunku cuma PPH kerana masa itu tentera tidak ada. Apa yang mereka ada hanya -senjata memang ada - satu senjata M16 bagi tiap-tiap kakitangan iaitu lebih kurang 20 orang. Lepas itu bot aluminium tanpa atap yang tanpa penakung udara, yang kalau karam memang jadi seperti batu juga tenggelam. Bila saya dengar satu rombongan oleh lanun di satu kampung, saya bertanya kepada seorang, saya tidak boleh quote namanya. Saya kata, kenapa tidak pergi sana. Dia kata, biar dia balik dahulu, biar mereka lari dahulu baru kita pergi.

Jadi, ertinya mereka ini enggan berhadapan dengan perompak-perompak ataupun lanun-lanun tersebut. Kerana lanun-lanun tersebut juga menggunakan bot yang laju, menggunakan senjata yang sama moden dengan mereka ataupun lebih moden daripada mereka. Tentu sekali, kalau saya pun sebagai orang biasa pergi ke situ untuk berhadapan dengan musuh yang peluangnya 50-50, tentu sekali mereka ini enggan menggadai nyawa dalam keadaan yang sebegitu. Paling-paling kalau mereka merompak, mereka ambil barang angkat dan terus lari, dan bila perompak ini lari barulah angkatan tentera kita ataupun pasukan polis kita ini melawat kawasan tersebut dan melihat adakah kecederaan, apa yang hilang, itu sahajalah.

Kerana alat-alat mereka, bot mereka sama juga, bot aluminium yang muat lebih kurang enam-tujuh orang yang pakai enjin kuasa 40 kuasa kuda, yang kelajuannya macam bot nelayan biasa. Tentu sekali kalau ini diserang daripada

darat ataupun daripada laut dengan menggunakan bot aluminium, walaupun mereka bersenapang M16, tetapi perompak juga dengan bot yang laju dengan juga ada senapang M16, peluang memang 50-50.

Jadi, inilah yang saya katakan perlunya satu peralatan di kawasan-kawasan yang strategik dan perlunya bantuan segera di kawasan tersebut. Kerana apabila ada satu peristiwa yang sebegitu, sukar untuk mereka bertahan, dan jikalau mereka diserang pun, peluang mereka agak merunsingkan. Kita bukan takut dengan musuh ataupun kita tidak ada semangat untuk menentang. Tetapi kalau peralatan kita seimbang dengan musuh atau kurang daripada musuh, tentu sekali perasaan takut dan perasaan tidak bersemangat itu akan ada di dalam jiwa kita.

Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali di kawasan-kawasan yang sebegini di Pantai Timur Sabah, di mana sering—hari ini pun kalau membaca surat khabar *Daily Express*, keluaran negeri Sabah, ada rombongan, 5 orang mati ditembak, setiap hari ada laporan-laporan sebegini. Jadi, perlunya penempatan-penempatan yang strategik dengan alat-alat, misalnya, bot-bot laju yang mungkin kalis peluru, yang boleh mereka dengan berani mengempur di mana ada laporan rombongan oleh lanun-lanun, walaupun ada satu cerita dahulu, seorang pegawai angkatan tentera berkata tidak ada lanun masa ini, cuma perompak. Saya ingat lanun dengan perompak sama sahaja. Yang pentingnya, dia merompak di laut, dan perompak ini pula rompak di darat. Kedua-duanya perompak, hasilnya sama, menyusahkan orang awam dan tidak mententeramkan negara kita, walaupun mereka bukan dikatakan lanun.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kawasan-kawasan penempatan yang strategik, misalnya di sebelah Lahad Datu, di Den Haven, di kawasan dekat FELDA, di pulau-pulau, di sebelah Utara Sabah, di Pulau

Banggi, di Pulau Malawali, di Pulau Mandi Dara. Di kawasan-kawasan ini adalah kawasan-kawasan yang strategik, yang sering dilalui oleh kumpulan perompak laut ini, kalau bukan lanun pun tetapi yang mengancam keselamatan. Perlunya penempatan di situ dengan kelengkapan yang moden, yang saya katakan tadi. Pasukan ini perlu disokong oleh pasukan udara misalnya, dengan helikopter yang moden, yang laju, kalau tidak pun sama seimbang dengan 'Apache' di Afrika Selatan ataupun 'Desert Storm', tetapi lebih kurang yang mana untuk segera memberi bantuan kepada kawasan-kawasan yang ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh hasrat Kementerian Pertahanan untuk menubuhkan satu lapangan terbang tentera udara di Pantai Timur Sabah yang mana di mainland Sabah ataupun di negeri Sabah masa ini tidak ada satu pasukan pun angkatan tentera Malaysia yang bertugas. Dua minggu sudah saya terkilan juga apabila melihat daripada rumah, saya nampak 4 buah MIG terbang di depan rumah saya. Baru pertama kali dalam sejarah. Anak saya pun melihat, dia kata "itu kapal terbang apa?" Saya kata, kapal terbang sama macam di Langkawi dahulu masa pertunjukan udara. Inilah pertama kali. Di Kota Kinabalu tidak ada ditempatkan pasukan udara ataupun di Pantai Timur tidak ada pasukan udara.

Jikalau ada apa-apa masalah, penerbangan dari Labuan ke Layang-layang ataupun ke Tawau, Sandakan mengambil masa yang lama, habis lanun lari baru helikopter ataupun kapal terbang datang. Yang tinggal dan kita tengok cuma bekas-bekas kebakaran ataupun bekas-bekas rompakan, orangnya sudah tidak ada. Orangnya sudah bersembunyi di negara jiran kerana daripada sempadan Lahad Datu ataupun Semporna untuk ke negara jiran cuma lebih kurang 20 minit dengan bot laju. Tetapi kapal terbang kita daripada Labuan mengambil masa

lebih kurang 40 minit-1 jam. Memang tidak sempat untuk melawan ataupun mengesan musuh. Jadi, kita mengalukan Pasukan Tentera Udara ditempatkan di Pantai Timur Sabah.

Begitu juga dengan kawasan-kawasan strategi yang lain yang perlu saya rasa angkatan tentera, kementerian menilai, mengkaji semula secara terperinci akan keperluan pasukan angkatan laut, ataupun pasukan laut di tiap-tiap kawasan strategik. Begitu juga dengan pasukan Tentera Darat, di kawasan-kawasan bersempadan dengan negara-negara jiran misalnya. Saya ambil kesempatan ini untuk bercakap. Di kawasan Parlimen saya, memang begitu strategik untuk satu Pasukan Tentera Darat di situ, kerana ia bersempadan dengan Sarawak, berjiran dengan negara Brunei Darussalam dan bersempadan dengan negara Indonesia, yang mana kawasan ini mempunyai kawasan yang luas yang boleh ditempatkan Angkatan tentera.

Ini bukan apa, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah untuk meyakinkan rakyat kita dan juga pelabur-pelabur yang mana jikalau adanya pasukan-pasukan di tempat-tempat strategik ini, keyakinan mereka, keyakinan rakyat untuk terus membangun berkembang akan lebih dengan kehadiran angkatan tentera ini.

Tuan Yang di-Pertua, saudara kita juga tadi, Yang Berhormat daripada Kuala Pilah menyebut tentang kecekapan pilot-pilot ataupun juruterbang-juruterbang kita. Kalau kita lihat pada tahun ini dan tahun sudah boleh dikatakan setiap 2 bulan ada sahaja kemalangan kapal terbang dan yang terkini adalah minggu sudah yang mana 'Sky Hawk 100', kalau tidak silap saya, telah terlebih landasan ataupun telah menerima kemalangan di lapangan terbang Labuan dan sebelum itu telah ada juga kemalangan. Dulu pernah saya mengatakan apakah pesawat-pesawat kita ini betul-betul selamat digunakan? Yang pertama, dulu saya mengatakan



juruterbang-juruterbang kita seolah-oleh berada di execution chamber apabila mereka duduk di dalam pesawat tersebut kerana peluang mereka untuk jatuh itu boleh dikatakan sebulan sekali. Jadi, ini begitu membimbangkan. Apakah sistem latihan kita ini betul-betul sesuai atau betul-betul meyakinkan kita? Apakah juga supervision ataupun penyeliaan kita ini betul-betul mengikut satu piawai yang boleh diterima, inilah yang dipersoalkan? Kemudian pesawat-pesawat kita pula, seperti yang dikatakan tadi adakah ia betul-betul selamat sebelum kita terbangkan? Apakah alat-alat ganti ini betul-betul meyakinkan kita sebelum ianya digunakan? Jadi, inilah persoalan-persoalan yang perlu kita jawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah ingin mengambil masa yang panjang. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertahanan yang prihatin tentang mengeluarkan akta baru ini, yang mana saya yakin dengan adanya akta baru ini akan dapat memulihkan keyakinan rakyat dan negara demi untuk kebaikan kita semua. Jadi, di masa yang akan datang, angkatan tentera kita ini lebih berkemampuan, lebih berkeyakinan dan lebih bersemangat kerana kita tidak ingin melihat bahawa angkatan tentera kita ini ketinggalan kebelakang berbanding dengan negara-negara jiran kita. Bukanlah maksud kita untuk bersaing senjata ataupun kekuatan angkatan tentera tetapi keselamatan negara, kewibawaan negara kita yang sedang membangun ini perlu dipertahankan juga kerana tanpa adanya keselamatan yang stabil sudah tentu keyakinan orang terhadap kita akan dipertikaikan dan sudah tentu hasrat kita untuk menjadi negara maju dan negara membangun tidak akan tercapai. Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.33 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):**  
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua,

pertahanan negara merupakan komponen perbelanjaan yang besar dalam belanjawan negara setiap tahun. Perbelanjaannya menjadi perkara penting, lebih-lebih lagi bila perbelanjaan untuk membeli alat senjata canggih dan lain-lain semakin bertambah kebelakangan ini. Hakikat ini menimbulkan keresahan sedikit, bukan sahaja kerana perbelanjaan untuk bidang lain yang penting seperti pendidikan, kebajikan dan kesihatan awam mungkin dikurangkan dari segi peratusan tetapi juga menimbulkan pertanyaan tentang keberkesanannya. Dalam belanjawan 1996 yang dibentangkan pada tahun lepas oleh, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Peruntukan untuk Kementerian Pertahanan telah dinaikkan daripada RM5,975 juta kepada RM6,534 juta atau kenaikan 9.4% daripada tahun 1995 kalau dibanding dengan tahun ini.

**(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)**

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kenaikan yang tinggi kalau dibandingkan dengan tahun lepas kerana bertujuan membeli alat kelengkapan dan senjata. Isu pokoknya, ialah apakah gunanya menambahkan perbelanjaan pertahanan bila negara-negara di sekitar Asean menikmati keamanan selepas kejatuhan regim komunis. Siapakah musuh negara kita sekarang? Kalau kerajaan boleh menyatakan siapakah musuh Malaysia atau kerajaan Malaysia, maka kenaikan peruntukan pertahanan negara bolehlah dijustifikasikan. Adakah ia negara China sepertimana yang didakwa dengan liar dan melulu oleh PAS ataupun sebuah negara jiran yang lain? Kalau Malaysia tidak ada musuh, maka tidak perlu kita membelanjakan wang yang begitu besar, sebaliknya mengurangkannya agar dapat menikmati satu deviden keamanan atau, dengan izin, peace dividen. Perlu diingatkan, macam mana kita membelanjakan wang kita tidak akan setanding dengan negara-negara besar

dan kuasa besar. Kalau negara kuasa besar mahu menyerang kita atau negara kita menaikkan perbelanjaan pertahanan sebanyak 3 kali ganda pun tidak akan mempunyai sebarang kesan.

Oleh itu, adalah lebih berkesan dan effective kalau negara kita menjalinkan perhubungan yang lebih rapi dengan negara jiran agar dapat menubuhkan satu pasukan bersekutu yang boleh saling mempertahankan sesama sendiri sepertimana yang wujud dalam mekanisme Asean sekarang. Kerajaan Malaysia juga harus merangka angkatan tentera dengan izin, streamline agar ia menjadi satu pasukan yang lebih profesional. Dalam zaman moden sekarang kita harus tekankan pasukan tentera yang lebih kecil, yang lebih profesional, mampu dan berkebolehan dan bukan menambahkan anggota tentera bila kebanyakan negara lain sedang mengurangkannya. Saya pernah membaca satu tinjauan yang dibuat oleh *Asia Week* di mana semua kuasa besar dan negara-negara maju telah mengurangkan anggota tentera mereka dan streamline angkatan tentera mereka supaya ia lebih profesional, lebih berkesan dan lebih berdaya untuk membuat balasan atau response dengan lebih cepat untuk menangani sesuatu krisis. Cara ini bukan sahaja akan menjimatkan wang rakyat tetapi adalah lebih kos effective. Kalau kita menumpukan kepada kualiti dalam zaman moden sekarang di mana yang paling utamanya ialah kebolehan dan kecanggihhan senjata, mutu atau kualiti angkatan tentera adalah yang paling utama sekali.

Menuju ke arah profesionalisme ini DAP ingin menyarankan agar gaji anggota tentera dinaikkan supaya kita boleh menarik lebih banyak anggota tentera yang lebih bermutu tinggi dan pada masa yang sama kita boleh berterima kasih ke atas pengorbanan mereka kepada negara. Saya ingin meminta jumlah wang yang diperuntukkan dalam belanjawan tahunan

untuk kementerian pertahanan setiap tahun, dalam 10 tahun kebelakangan ini serta berikan peratusannya dalam keseluruhan belanjawan tahunan yang berkenaan. Saya ingin mencadangkan bahawa perbelanjaan untuk pertahanan dihadkan melalui satu "cap", dengan izin, dari segi peratus belanjawan yang kekal setiap tahun agar perbelanjaan untuk keperluan rakyat lain seperti pendidikan dan kesihatan tidak terjejas. Sebenarnya negara kita harus berusaha ke arah menggalakkan negara-negara di rantau ini mengurangkan perbelanjaan untuk pertahanan dan bukan sebaliknya.

Apakah gunanya tentera laut Singapura memasang sistem peluru berpandu secara automatik kebelakangan ini dan berharga beratus-ratus dolar Amerika bila kedaulatannya tidak diancam oleh mana-mana negara? Atau adakah ini sebagai satu pencegahan dan amaran kepada negara jiran seperti Malaysia? Saya berpendapat adalah tidak bermakna kita menceburi perebutan senjata bila kita sepatutnya menuju ke arah Zon Of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN). Keberkesanan pembelanjaan juga dipertikaikan, bila pembelian alat senjata selalunya tidak mengikut prosedur yang ditetapkan sepertimana yang sering dibangkitkan dalam laporan Ketua Audit negara.

Di samping itu pembelian senjata pelbagai sistem seperti membeli jet pejuang MIG, dan F16 dari Russia dan Amerika Syarikat juga menimbulkan tanda tanya, bagaimana kedua-dua sistem yang berlainan boleh disatukan dengan berkesan dan efisien? Selain dari sistem Russia dan Amerika Syarikat kita pun ada sistem British, bila membeli jet pejuang Hawk, di mana Yang Berhormat Menteri Pertahanan sendiri pun mengeluarkan perasaan tidak puas hati tentang prestasi Hawk ini. Apakah kedudukan terkini dalam masalah ini, khususnya adakah pampasan daripada pembekal untuk alat

senjata yang tidak menurut spesifikasinya diperolehi? Adakah kita berpuas hati dengan mutu sistem latihan sedia ada serta prestasi kelengkapan yang dibeli? Saya rasa wang rakyat dibazirkan, kalau dibelanjakan untuk alat kelengkapan yang sering rosak atau kapal terbang yang sering terjunam?

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada laporan Ketua Audit Negara, saya rasa kesal bahawa Kementerian Pertahanan ditimbulkan setiap tahun. Lagi pun teguran Audit juga tidak diambil kira dan masalah yang timbul tidak dibetulkan.

Di sini, saya ingin menimbulkan teguran audit hanya sepanjang tiga tahun sahaja, dari tahun 1992 hingga tahun 1994. Kebelakangan ini, sebagai satu intisari pendek tentang pembaziran, kurang profesionalisme dan salah pengurusan yang sering berlaku dalam angkatan tentera. Apakah tindakan oleh Kementerian Pertahanan tentang teguran audit yang membabitkan nilai lebih RM1,154 ribu juta? Dalam laporan Ketua Audit Negara 1992, teguran audit berkaitan dengan empat isu yang melibatkan jumlah wang lebih daripada RM1,012 juta seperti berikut—

- (i) Kontrak Kementerian Pertahanan untuk membeli 181 unit trak tiga tan dengan harga RM78,000 seunit yang kesemuanya bernilai sebanyak RM14.38 juta telah ditamatkan pada bulan September 1991 kerana kegagalan pembekal menghantarkan kenderaan itu. Sehubungan itu, dengan kelulusan Kementerian Kewangan, satu kontrak baru telah diikat oleh Kementerian Pertahanan untuk pembelian trak tersebut dari punca lain. Walau bagaimanapun, kos tambahan dan bayaran perkhidmatan sebanyak RM1.302 juta dan RM719,170 sebagai kos pentadbiran masih

belum dituntut daripada kontraktor yang pertama.

- (ii) Kementerian Kewangan telah menandatangani satu kontrak bernilai RM781.21 juta pada bulan Oktober 1989 untuk perolehan radar bagi kegunaan Kementerian Pertahanan. Mengikut syarat kontrak, bayaran kemajuan bagi perolehan peralatan dan perkhidmatan kontraktor adalah berdasarkan kepada satu jadual bayaran tertentu dan bukan mengikut kemajuan bekalan yang sebenar dicapai. Tiada peruntukan dalam kontrak yang membenarkan kerajaan menyesuaikan jadual pembayaran sekiranya kemajuan fizikal sebenarnya berkurangan daripada kemajuan yang dijadualkan. Cara bayaran ini tidak menjaga kepentingan kerajaan kerana ia tidak membayangkan kemajuan kerja sebenar yang dicapai pada satu ketika. Walaupun jadual penghantaran peralatan dan program perkhidmatan telah dilanjutkan, tujuh bayaran kemajuan berjumlah RM171.76 juta telah dibayar mengikut jadual asal. Dengan kata lain, kementerian hanya perlu membayar selepas bulan November 1992 tetapi ia telah membayarnya lebih awal. Adakah radar ini dibekalkan mengikut spesifikasi dan diguna pakai dengan sempurna sehingga sekarang? Atau adakah wang perbelanjaan RM781.21 juta juga merupakan satu pembaziran?
- (iii) Pemeriksaan audit terhadap 26 kontrak penyelenggaraan kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bernilai RM24.7 juta dan 78 kontrak membekalkan alat ganti bernilai RM191 juta

dijalankan. Sebanyak 17 buah kapal dan bot telah siap menjalankan kerja-kerja selenggaraan dalam tempoh 1990 tetapi lewat disiapkan sehingga 730 hari atau 2 tahun. 20 kapal pada masa itu masih lagi dalam pembaikan walhal ia sepatutnya siap diperbaiki dan kelewatan kerja pembaikan kapal TLDM sehingga 660 hari atau hampir 2 tahun. Oleh kerana kelewatan ini, kerajaan terpaksa menanggung bayaran sebanyak bagi enam buah kapal sahaja daripada 37 buah kapal yang lewat dibaiki adalah sebanyak RM186,314.

- (iv) Tidak ada kriteria dan sistem penilaian tender yang tetap dalam perkhidmatan dobi dan jahitan. Kos tambahan melebihi RM1 juta kerana perkhidmatan dobi dan jahitan yang tidak memuaskan atau tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Untuk laporan Ketua Audit Negara pada tahun 1993, teguran audit berkaitan dengan enam isu penting di dalam Kementerian Pertahanan yang melibatkan RM136 juta telah dibangkitkan seperti berikut:

Pada bulan Mac 1991, Economic Planning Unit (EPU) telah menolak cadangan TLDM untuk menukar enjin dan janakuasa KD Hang Tuah dan sebaliknya meluluskan sebanyak RM28 juta untuk membaik pulih enjin dan janakuasa. Dengan itu, kerja-kerja membaik pulih enjin KD Hang Tuah telah dimulakan pada bulan Disember 1991.

Pada bulan Februari 1993, kerja-kerja membaik pulih terpaksa dihentikan kerana TLDM dan Naval Dockyard Sdn. Bhd. yang menguruskan pembaikan ini mendapati bahawa kos baik pulih KD Hang Tuah akan meningkat dari RM28 juta kepada RM53.7 juta.

Kapal perang KD Hang Tuah telah dibeli dengan harga RM15 juta pada tahun 1977 tetapi sehingga Disember 1991 menelan kos penyelenggaraan sebanyak RM24.7 juta dan kos alat ganti sebanyak RM15.96 juta. Kapal tersebut telah dibaik pulih dengan anggaran kos RM28 juta pada Februari 1993 tetapi kerja pemuliharaan diberhentikan selepas kos meningkat kepada RM53.7 juta. Sebelum kerja pemuliharaan diberhentikan, kerja sebanyak RM13.9 juta telah dijalankan.

Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, untuk sebuah kapal perang yang dibeli dengan harga RM15 juta telah menelan perbelanjaan selepasnya dan sekarang kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan sebanyak RM69.56 juta iaitu hampir 4 kali ganda kos kapal perang itu dan lagi teruk ialah selepas perbelanjaan begitu besar, kapal perang ini masih tidak boleh digunakan selama lima tahun dan saya difahamkan bila saya membuat satu soalan pada sesi yang lepas, bahawa kapal perang ini boleh digunakan.

Saya rasa, saya amat kecewalah apabila sebuah kapal perang yang dibeli dengan harga RM15 juta, pembaikan semula dan kos-kos lain meningkatkan kosnya sampai RM70 juta dan belum pasti sama ada ia boleh digunakan atau tidak. Kalau inilah cara pihak kerajaan membelanjakan wang rakyat untuk membeli alat kelengkapan, di manakah keyakinan rakyat bahawa wang yang digunakan untuk membeli alat kelengkapan akan digunakan dengan cara yang cost effective dan dengan cara yang telus dan accountable.

Dan sehingga ini, saya rasa kita pun agak bimbang sedikit tentang keselamatan anak-anak kapal, sama ada kapal perang ini boleh dipakai atau tidak, selamat atau tidak? Di manakah jaminan kalau perkara seperti ini boleh berlaku? Dan sungguhpun teguran telah dibuat tetapi Kementerian Pertahanan masih melambat-lambatkan perkara ini dan baru tahun ini saya

difahamkan kapal perang ini boleh digunakan.

Kalau demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pembelian selepas ini yang melibatkan wang yang begitu besar akan diragui oleh rakyat Malaysia, lebih-lebih lagi bila kita gunakan sistem berganda, sistem British, sistem Amerika Syarikat, sistem Rusia — saya rasa kita betul-betul macam United Nations Security Council dalam penggunaan alat kelengkapan atau alat senjata untuk angkatan tentera kita. Tetapi sejauh manakah kita boleh menyeragamkan kegunaan alat-alat senjata seperti ini dan ini hanya satu contoh yang didedahkan dalam laporan Ketua Audit Negara. Kita tidak tahu sama ada ada beberapa skandal atau penyelewengan seperti ini berlaku dan apakah jaminan rakyat boleh dapat daripada pihak kerajaan bahawa masalah seperti ini tidak timbul atau tidak akan timbul pada masa depan?

Oleh yang demikian, saya rasa dari segi pengawalseliaan, adalah perlu dan diharuskan bahawa satu jawatankuasa khas ditubuhkan yang tidak ada kaitan langsung dengan Kementerian Pertahanan supaya wang rakyat yang dibelanjakan untuk membeli alat-alat senjata ini boleh terjamin digunakan untuk tujuan sebenarnya dan bukan sebaliknya.

Di sini saya tidak tahu sama ada penyelewengan berlaku. Tetapi kalau ada penyelewengan berlaku, mengapa tidak ada sebarang tindakan yang diambil ke atas pihak yang bertanggungjawab dalam kapal perang KD Hang Tuah? Beli RM15 juta, belanja untuk membaikinya (repair) semula hampir RM55 juta, akhirnya RM70 juta. Lebih baik beli kapal baru. Mengapa beli pula kapal sebegini? Kalau ada beberapa perkara yang tidak kena pada tempatnya, apa tindakan yang diambil? Itu saya rasa perlu ada satu sistem accountability. Kalau tidak, ini menunjukkan sekali lagi bahawa wang rakyat telah disalahgunakan dengan sewenang-wenangnya oleh pihak kerajaan.

Perkara yang kedua dalam Laporan Ketua Audit Negara 1993 ialah tentang kontrak untuk membina rumah keluarga di Pangkalan TLDM di Lumut yang patut disiapkan pada bulan Mac 1992. Walau bagaimanapun, kontraktor telah gagal menyiapkan projek dan kemajuan yang dicapai pada tarikh tersebut ialah 17.8% sahaja. Kontrak telah ditamatkan pada bulan Mac 1993, gerenti pelaksanaan dan gerenti bayaran pendahuluan sebanyak RM1.42 juta masih belum dijelaskan oleh syarikat insurans berkenaan.

Projek pembinaan rumah keluarga di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia di Lumut sebanyak RM8.56 juta yang ditandatangani pada bulan April 1991 telah terbengkalai sejak tahun 1992 dengan kemajuan 20% sahaja; kerugian ditanggung oleh kementerian dan rakyat Malaysia.

Yang ketiga, satu kontrak membina sebuah kompleks Skuadron Elektronik di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang sebanyak RM3.14 juta telah terbengkalai sejak tahun 1989. Kerugian kementerian sebanyak RM1.25 juta akibat projek terbengkalai ini masih belum dituntut daripada kontraktor asal.

Yang keempat, 60 unit rumah di Seremban bernilai RM2.85 juta yang dibeli oleh Kementerian Pertahanan patut disiapkan pada bulan April 1992. Oleh kerana pemaju gagal menyiapkan projek pada bulan November 1992, perjanjian jual beli telah ditamatkan. Kementerian telah membayar kos tanah sebanyak RM997,500 mengikut perjanjian. Sehingga kini jaminan bank sebanyak RM142,500 telah dirampas, tetapi tuntutan gantirugi sebanyak RM173,342 masih belum dibangkitkan. Satu lagi perjanjian jual beli 60 unit rumah teres satu tingkat Taman Jaya Mas Seremban sebanyak RM2.85 juta telah ditandatangani pada Oktober 1990. Projek ini terbengkalai pada tahun 1992 dan kemajuan hanya

12.75%. Sungguhpun hanya 12.75% siap dibina, RM1,394,500 ataupun 49% nilai projek telah dibayar kepada kontraktor; ini semua ialah unit rumah yang dibina untuk kegunaan anggota angkatan tentera.

Yang kelima, bagi tempoh tahun 1979-1990 projek perumahan Kementerian Pertahanan bernilai RM53 juta yang dibeli daripada syarikat swasta belum dipindah milik kepada kerajaan. Daripada 9 projek tersebut hak milik bagi 4 projek yang bernilai RM22.52 juta tidak dapat dipindah milik kepada kerajaan kerana tapak projek-projek tersebut telah dicagarkan kepada bank oleh pemaju. Sebanyak 926 unit rumah bernilai RM53 juta masih belum memindah hak milik tanah kepada pihak kerajaan sejak tahun 1979. Kebanyakannya tidak boleh dipindah milik kerana masih dicagar oleh pemaju-pemaju perumahan dengan bank di mana hutangnya masih belum dijelaskan.

Yang keenam, kira-kira RM2 juta barangan pembinaan telah menjadi hak milik kontraktor selepas tamat kontrak, walaupun kos perolehannya ditanggung oleh kerajaan.

Inilah enam perkara dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 1993. Untuk Laporan Ketua Audit Negara tahun 1994, teguran Audit merangkumi tiga isu penting, melibatkan RM3 juta dalam Kementerian Pertahanan, yang melibatkan jumlah wang yang masih belum diketahui seperti berikut:

- (i) tempoh pajakan tanah milik Kementerian Pertahanan, seluas 5,606 ekar tanah yang telah tamat tempoh pajakannya antara tahun 1989 hingga 1993 tidak disambung semula, mengakibatkan kerajaan kehilangan sewa sebanyak RM849,071. Bagi tanah seluas 2,188 ekar pula pajakan hanya diperbaharui selepas 10 bulan hingga 79 bulan daripada tarikh pajakannya tamat;

- (ii) Kementerian Pertahanan telah menandatangani 7 kontrak untuk penjualan besi buruk dan kenderaan yang dikelaskan Tidak Ekonomik Dibaiki (TEB). Harga yang ditawarkan dalam kontrak tersebut adalah jauh lebih rendah daripada harga yang diperolehi sebelum wujud kontrak ini. Contohnya harga jualan kenderaan TEB mengikut kawasan ditetapkan antara RM180 dan RM700 setiap metrik tan. Mengikut kajian yang dibuat oleh Depot Kenderaan Pusat Kuala Lumpur harga yang ditawarkan ini adalah jauh lebih rendah daripada harga yang diperolehi sebelum wujud kontrak ini melalui sebut harga tender antara RM2,000 dan RM14,000; dan

- (iii) kontrak perolehan komputer peribadi untuk Tentera Udara Diraja Malaysia sebanyak RM953,658 gagal menepati tujuan asalnya, kerana tidak digunakan untuk pengumpulan data inventory bagi membangunkan sistem pengurusan logistik berautomatik TUDM, tetapi sebaliknya digunakan sebagai Word Processor.

Saya rasa, kalau ini berlaku, macam mana sistem komputer tidak digunakan dengan potensi sebenarnya, tetapi hanya digunakan sebagai satu Word Processor, tidak akan mencerminkan prestasi yang baik kepada Tentera Udara Diraja Malaysia.

Satu isu yang penting dalam teguran Audit ini, ialah mengapakah satu tender terbuka tidak dijalankan? Apakah keistimewaan dan pengalaman yang membolehkan syarikat-syarikat tersebut yang berjaya mendapat tender itu diberikan

tender oleh pihak Kementerian Pertahanan? Mengapa tender terbuka tidak dijalankan?

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya pihak kementerian tentang penswastaaan tanah penempatan bekas Kolej Angkatan Tentera Kinrara, di Puchong, Selangor. Mengapakah Kolej Angkatan Tentera ini dipindahkan ke Kedah sebaik sahaja satu bangunan yang berharga berjuta-juta ringgit siap dibina?

Adakah benar bahawa penswastaaan tidak mengikuti tender terbuka, tetapi secara rundingan kepada satu pihak tertentu? Ini menimbulkan soalan penting wujudnya penyelewengan kerana tanah tersebut di tengah-tengah kawasan bandar raya yang sedang membangun adalah sangat bernilai. Siapakah yang mendapat tanah tersebut dan apakah tujuan penswastaaan? Nyatakan harga serta pemilik tanah tersebut serta pihak mana yang meluluskannya.

Adalah diharapkan kesemua perkara ini boleh dijawab agar rakyat yakin bahawa wang yang diperuntukkan untuk pertahanan negara mencapai tujuannya. Alangkah malang kalau kita hanya sedar peruntukan yang dibelanjakan tidak berhasil menghadapi musuh pada saat genting bila kita paling memerlukannya! Dalam soalan ini kita pun harus menggunakan tenaga rakyat kita dan di sini saya ingin membuat satu cadangan bahawa negara kita mengamalkan national service system supaya semua belia dan muda-mudi kita sekurang-kurangnya memberi masa setahun atau setahun setengah berkhidmat dan memberikan sumbangan kepada negara kita, menjalankan national service supaya bila keadaan perlu semua rakyat Malaysia mampu untuk mempertahankan negara kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tanjong Karang.

**4.00 ptg.**

**Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1972.

Tuan Yang di-Pertua, angkatan tentera merupakan salah sebuah institusi terpenting bagi sesebuah negara. Kedaulatan dan keselamatan menjamin keamanan dan dengan adanya keamanan barulah urusan pemerintahan pentadbiran dan pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan teratur dan mantap. Saiz dan shape angkatan bersenjata bergantung kepada keperluan dan ancaman dari semasa ke semasa. Di Malaysia, mengikut urutan sejarah angkatan bersenjata kita mula dibentuk pada 1hb Mac, 1933. Bermula dari situ era baru terbentuk di mana anak watan diambil menjadi anggota tentera untuk berkhidmat kepada ibu pertiwi. Kita lihat hasil daripada disiplin yang begitu tinggi, yang telah diterapkan di kalangan angkatan tentera kita pada hari ini, maka tentera kita memang tidak boleh dinafikan merupakan salah satu pasukan tentera yang boleh kita banggakan, sehingga kalau pergi ke luar-luar negara pun waktu berkhidmat di Bosnia sekalipun, tentera-tentera kita ini mendapat perhatian daripada pihak negara-negara luar.

Disiplin yang tinggi ini jelas terbukti apabila kita lihat apa sahaja arahan yang diberi kepada tentera kita, tidak ada di antara mereka yang kita dengar berani yang membantahnya. Kalau kita lihat pada hari ini, baru kita hendak pinda seksyen 5C yang memberi kuasa kepada Majlis Angkatan Tentera untuk meminjamkan mana-mana pegawai ataupun askar-laskar kepada mana-mana jabatan Kerajaan Persekutuan, negeri, pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa berkanun ataupun organisasi di dalam atau di luar Malaysia.

Walaupun seksyen ini baru kita pinda, tetapi selama ini kita telah mampu menghantar tentera-tentera kita pergi ke luar negeri dan tidak ada lagi pun kita dengar di antara tentera kita ini yang saman kerajaan kerana arahan-arahan yang diberikan mungkin tidak mengikut peraturan. Alhamdulillah, semangat yang tinggi yang ditunjukkan oleh angkatan tentera ini patut diberi sanjungan dan patut diberi pujian. Begitu juga kita harap apabila pegawai-pegawai tentera ini nanti diserapkan ataupun dipinjamkan di lain-lain badan ataupun jabatan kerajaan mahupun badan berkanun, maka sedikit sebanyak disiplin tentera ini dapat kita serapkan. Mudah-mudahan prestasi kakitangan badan-badan berkanun ataupun kakitangan kerajaan akan dapat kita pertingkatkan.

Begitu juga Fasal 5 yang bertujuan meminda seksyen 6 akta untuk memberi kepada Majlis Angkatan Tentera kuasa untuk menerima perkhidmatan yang diambil kira jika ada, seseorang pegawai angkatan sukarela yang ditauliahkan ke dalam angkatan tetap.

Saya mengucapkan tahniah kerana dengan adanya pindaan seksyen ini maka angkatan tentera pada hari ini akan memberi pengiktirafan kepada pegawai-pegawai daripada angkatan sukarela.

Tuan Yang di-Pertua, ini kadang-kadang kita lihat banyak angkatan sukarela ini di pusat-pusat pengajian tinggi pun kita ada RAW II, kemudian kita juga ada wataniah, kadang-kadang mereka ini yang ada pangkat daripada angkatan sukarela ini apabila hendak masuk angkatan tentera ini, saya difahamkan interviewnya, temuduganya sama seperti calon-calon daripada orang awam. Jadi, kita harap apabila ada seksyen ini, kalau boleh temuduga ataupun pemilihan yang diambil kepada pegawai angkatan sukarela ini hendaklah diberi keistimewaan tanpa melalui temuduga ataupun interview yang

begitu ketat sama seperti yang dikenakan kepada orang-orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, tadi, ramai kita dengar bahawa rintihan daripada Ahli-ahli Parlimen supaya kebajikan angkatan tentera ini hendaklah diberi perhatian. Ini kita tidak boleh nafikan, perhatian dan kebajikan ini bukan sahaja kebajikan dan juga kemudahan sewaktu mereka ini bekerja, perhatian yang lebih jauh patut diberi juga kepada mereka apabila mereka bersara nanti. Kerana dalam angkatan tentera ini mereka ada jangka pendek, jangka panjang, kadang-kadang ada sepuluh tahun, ada lima belas tahun. Jadi, sebagai manusia biasa, sudah tentu kita memikirkan apa akan berlaku apabila mereka ini tamat menjadi tentera. Masa mereka masuk tentera umurnya mungkin masih muda, dalam usia yang muda mungkin mereka belum berkahwin tetapi dalam masa sepuluh tahun ataupun lima belas tahun apabila mereka ini bersara sudah tentu mereka akan ada keluarga dan pada masa mereka ini berkhidmat di dalam tentera, kita lihat tentera kita ini seolah-olah terkongkong, mereka tidak ada peluang untuk bercampur gaul dengan begitu luas dengan orang awam, kadang-kadang peluang permohonan tanah pun sukar hendak dapat. Jadi, mereka ini semata-mata kalau mereka berkhidmat, menumpukan taat setia kepada negara dan juga kepada angkatan tentera.

Oleh itu kita lihat kalau kebajikan mereka ini tidak diambil kira, maka apabila mereka berhenti nanti mereka balik kampung maka anak-anak muda yang baru ini, generasi muda ini dia lihat, apakah ini nasib bekas perajurit? Kita tidak mahu lagi dinyanyikan seperti lagu penyanyi Ito, kalau saya tidak silap, lagu Negeri Sembilan sampai dilagukan, kalau sebut prebet ataupun askar pencen ini bawa teksi. Sampai dinyanyikan dalam sebuah lagu. Jadi, apakah imej bekas perajurit ini hanya mampu sebagai driver teksi. Oleh itu, izinkan saya memberikan pandangan yang agak panjang. ....



**Tuan Hamzah bin Ramli:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Hamzah bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan. Saya hendak tahulah apa tajuk lagu yang dinyanyikan itu? Boleh atau tidak Ahli Yang Berhormat cuba nyanyikan lagu askar pencen itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sebut nama ataupun tajuk lagu boleh, nyanyi jangan!

**Tuan Noh bin Omar:** Saya sudah lupa lagu askar pencen. Dia kata, 'bila balik kampung .....' Lagu Negeri Sembilan, Tuan Yang di-Pertua, Ito nama penyanyinya kalau tidak silap saya. Saya tidak tahu nama lagunya. (*Ketawa*) Tetapi saya biasa dengar lagu ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, imej bekas-bekas perajurit ini mesti diambil kira, kalau tidak, hari ini kita lihat mungkin salah satu sebab anak-anak muda kita tidak berminat hendak memasuki angkatan tentera kerana mereka melihat abangnya ataupun keluarganya ataupun pak ciknya balik kampung tak ada apa-apa, hanya dapat gratuity boleh jadi sebanyak RM10,000 atau RM15,000, kemudian apa yang hendak dibuat dengan duit yang sebegini kecil untuk zaman pembangunan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, bekas perajurit .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, minta

penjelasan daripada Tanjong Karang, dia kata dia tak pandai menyanyi, saya dengar cerita, Tanjong Karang ini boleh tahan juga pada waktu malam-malam ini, (*Ketawa*) masa hendak bertanding timbalan hari itu, saya ingat dia kempen juga di karaoke-karaoke. Saya minta penjelasan, saya tertarik dengan Tanjong Karang. Memang benar, kita kena menjaga kebajikan perajurit dan bekas perajurit kerana mereka ini telah meletakkan nyawa mereka berhadapan untuk menjaga kepentingan dan keselamatan negara.

Saya minta pandangan Ahli Yang Berhormat sebagai contoh, dahulu kita ada satu kedai Nuri, apa yang kita panggil, Pernama, saya pernah dahulu kalau bersama dengan keluarga, cari saudara-saudara yang bekerja sebagai askar itu, pergi minta dia tolong beli barang-barang di kedai Nuri atau Pernama dahulu, harganya amat baik, tetapi saya difahamkan di kedai-kedai Pernama yang khas kepada tentera, harganya lebih kurang di luar sahaja.

Mengapa tidak kementerian mengkaji kembali supaya sekurang-kurangnya askar-askar kita, tentera-tentera kita dan bekas-bekas perajurit mendapat betul-betul harga di kedai-kedai khas ini. Saya teringat macam di luar negeri, di Amerika, dia ada supermarketnya khas untuk tentera, perumahan khas, semua boleh dikhaskan, mengapa di negara kita ini bila terbawa dengan pembangunan ekonomi kita agak macam tertinggal dengan agenda membela mereka ini. Saya minta pandangan dari Ahli Yang Berhormat, spesifik sedikit, seperti mungkin kedai free duty, mengapa mereka tidak diberikan barang yang dibeli tidak ada duti sebagai contoh. Saya minta pandangan Ahli dari Tanjong Karang.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, sahabat saya dari Rompin. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Rompin kerana bila kita sebut kebajikan perajurit ini, bukan semesti

gajinya naik, tidak guna kalau kerajaan naikkan gaji tentera, mungkin orang awam akan nampak—gaji tentera naik, tetapi bila kata kebajikan ini, bukan semestinya gaji naik. Berbagai-bagai kemudahan lain mesti diberi. Orang kata, bagi saya biar gaji sedikit asalkan kemudahan-kemudahan banyak. Macam Ahli-ahli Parlimen. Gaji kita tidak banyak, kita bukan minta gaji tinggi, tetapi kalau kita diberi kemudahan—pejabat percuma, kemudian kita pula diberi seorang researcher percuma, kemudian minyak kereta kita 'free', road tax free - cukuplah, gaji tidak naik tidak apa, tetapi kemudahan. Jadi, kalau kata gaji naik nanti, mulalah orang awam dan rakyat kata, ini apa ini, gaji semua sudah naik, harga barang-barang akan naik. Mungkin ditakuti pula terjadi inflasi, tetapi lebih daripada itu, kemudahan-kemudahan.

Jadi, seperti juga Kedai Pernama, saya pun sama Yang Berhormat, waktu saya budak-budak dahulu, masuk ke Wardieburn Kem, ada Kedai Pernama, tetapi sekarang ini tidak tahu, entah ada atau tidak lagi. Kita sanggup beri abang kita atau pak cik kita yang menjadi askar ini, beli barang untuk kita, sebab harganya murah, tetapi hari ini, harga barangannya sudah sama dengan harga di luar. Hendak masuk kem pun, orang kata sudah tidak balik modal, sebab hendak masuk kem askar ini bukan mudah. Hendak kena ambil pas dan macam-macam kena tanya. Saya pernah, masuk kem terlupa hendak tandatangan, patah balik, jumpa saudara kita suruh tandatangan borang masuk. Jadi, kalau susah payah macam itu dan harga barang di Pernama ini sama macam harga barang-barang di luar, sebab kedai-kedai hari ini banyak—ada Makro, ada direct selling dan macam-macam. Harganya.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Jelebu bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Nanti, saya hendak bercerita fasal harga, harganya murah. Jadi, kalau Kedai PERNAMA tidak ada bezanya dengan harga barang-barang di kedai atau supermarket yang lain, maka lebih baik kita pergi beli di kedai lain, di supermarket yang biasa. Jadi, saya amat bersetuju, kalau boleh beri peluang kepada askar atau tentera kita, di kedai-kedai Pernama ini turunkan harga, duti free, kalau boleh, jadi, barulah kita merasa megah menjadi tentera. Saudara datang minta tolong. Habis-habis kita boleh kempen, kalau hendak harga murah, jadi askar, dapat harga murah. Jadi, saya amat bersetujulah supaya Pernama ini dikaji dan kita timbangkan untuk memberi harga murah bagi barang-barang di kedai Pernama.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Jelebu bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik mengenai dengan minat ramai masyarakat kepada tentera. Jadi, saya hendak sedikit sebanyak penjelasan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang. Agak-agak pada hemat, Yang Berhormat, kalau kita tengok tahun 60-an dahulu, waktu itu kita kecil-kecil lagi, kalau orang Negeri Sembilan kata "kito kocik-kocik lai", jadi, masa itu imej tentera ini begitu baik, tinggi dan berhemah. Kalau dahulu kita lihat satu keluarga itu sekurang-kurangnya seorang menjadi tentera kerana minat dan juga keinginan untuk menjadi tentera pada waktu itu begitu mendadak dan meluap.

Begitu juga keadaannya anak-anak dara di kampung-kampung, umpamanya. Bila dia dengar sahaja anak si anu itu menjadi tentera, dia pun hantar messengernya untuk merisik dan sebagainya. Dia cukup minat dan cukup bangga apabila menjadi seorang

isteri tentera. Tetapi apakah pandangan Yang Berhormat agaknya pada waktu ini, dalam keadaan dahulu suaminya, apabila nikah sahaja sebulan, suaminya telah dihantar masuk ke hutan dan sebagainya, tetapi minat anak-anak dara pada waktu itu untuk menjadi isteri kepada tentera begitu mendadak dan meluap. Tetapi pada hari ini kita lihat, kebanyakan tentera tidak lagi masuk ke dalam hutan, tetapi minat anak-anak muda untuk menjadi tentera begitu malap dan anak-anak dara hendak menjadi isteri tentera pun sudah berkurangan dan tidak macam dahulu lagi. Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai masalah yang sedemikian?

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memang sesuai, sebab kita daripada luar bandar dahulu, saya pun serupa. Waktu saya kecil-kecil dahulu memang cukup minat hendak menjadi tentera. Yang saya tahu, sahabat saya dari Jelebu, anak dara dahulu bila hendak kahwin dengan askar ini mereka seronok, terutama sekali mereka ini mendapat elaun. Jadi, sesiapa yang menjadi isteri askar, dia tentu mendapat elaun. Emak pula cukup galakkan anak dia menjadi askar sebab tiap-tiap bulan emak dia mendapat elaun, tetapi hari ini saya kurang pasti.

Tetapi ada juga rakan-rakan saya yang menjadi askar dia tidak potong pun duit untuk emak dia, tetapi setelah kita kaji, rupanya bukan elaun khas, saya difahamkan ia adalah gaji askar itu sendiri, tetapi mungkin satu kebanggaan bagi orang di luar bandar ataupun ibu bapa tiap-tiap bulan dia 'act', dia boleh pergi bank, draw duit, jadi, bila orang kampung tanya "hendak pergi mana?" "Hendak keluarkan duit daripada bank, anak dia beri - dia askar", isterinya pun macam itu. Jadi, mungkin dia seronok, tetapi hari ini, mungkin semangat itu sudah berkurangan, saya tidak tahu, mungkin angkatan tentera sudah tidak ada 'compulsory' - tidak mewajibkan supaya duit ataupun gaji

askar-askar ini mesti dipotong untuk diberi kepada ibu bapa ataupun isteri. Mungkin kalau tidak wajib, saya rasa kena wajibkanlah, supaya kebanggaan itu datang kembali.

Kedua.....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya tidak habis lagi ini. Tidak apalah.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan jawapan Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi, tidakkah kemungkinan pada ketika itu di tahun 40-an, 50-an atau 60-an, seperti yang dibangkitkan oleh Jelebu, pada ketika itu dia kata dalam satu keluarga mesti ada seorang menjadi askar. Tidakkah ketika itu, dalam 5 orang, berapa orang yang mengaji? Barangkali yang seorang itu yang pergi sekolah? 4 orang lagi tidak pergi sekolah. Selepas itu dalam kampung itu beberapa orang sahaja yang ada kerja, sebab itu orang-orang perempuan teringinkan kepada askar sebab pada ketika itu, dalam kampung itu ada 2 orang sahaja yang menjadi askar, jadi, 2 orang itu yang dok merisik, meminang.

Jadi, boleh jadi, pada ketika itu yang menjadi askar ini adalah satu jawatan yang terjamin kepada anak-anak dara ini dan dalam keluarga itu, barangkali daripada 5 orang itu, seorang sahaja yang badan sedap sedikit, yang lain semua, masa keadaan itu, kesihatan masyarakat kita - doktor pun tidak ada, semua kurus kering. Ada seorang sahaja yang bertubuh elok, yang itu masuk askar, yang itu perempuan berkenaan sangat itu. Macam mana pendapat Yang Berhormat?

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Pokok Sena. Sebab ini cerita orang luar bandar. Tahun 50-an, 60-an dan 70-an, di luar bandar masa itu api pun tidak ada. Tanjong Karang, tahun 1980 baru ada api. Bila tidak ada api di luar bandar, pada masa itu di luar bandar pun tidak ramai yang cerdik pandai. Paling tinggi pun kerja kerani ataupun cikgu. Kerani itu pun tidak ramai. Tetapi cikgu ini pun tidak terjamin, kalau dia kena mengajar luar bandar, sudah tentu cikgu ini rumahnya pun tidak ada api. Jadi, mungkin oleh kerana suasana pada tahun 60-an dan 70-an, kita berkehendakkan kemudahan asas, maka yang menjaminkan kita mendapat api, seperti pepatah kata 'petik api dalam kaca, petik tepi tengah menyala', ini semua dapat bila kita kahwin dengan tentera.

Sebab bila kita kahwin dengan tentera, kita akan diberi quarters. Jadi, adalah peluang orang-orang luar bandar, khasnya anak-anak dara di luar bandar ini dapat duduk merasakan kemudahan asas kerana di kampung pada masa itu tidak ada kemudahan asas, api tidak ada, air tidak ada, ini mungkin salah satu cara untuk mereka melepasi atau mengeluarkan diri daripada kongkongan kekurangan kemudahan asas di luar bandar. Jadi, sebab itu yang saya rasa tarikan yang menyebabkan ramai orang berminat dengan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, pada tahun 60-an atau 70-an, negara kita pada masa itu memang masih belum aman seperti sekarang. Kita masa itu masih lagi diancam oleh komunis. Jadi, siapa yang masuk askar memang betul-betul hebat, memang betul-betul berani, sebab kita tahu bahawa mereka ini ada musuh yang akan mereka tempuhi. Mereka ini masuk hutan, berperang, tetapi sejak akhir-akhir ini bila negara kita aman dan kita pun sudah isytiharkan bahawa komunis pun sudah tidak ada, komunis pun sudah

serah diri, jadi, 'glamour', gelaran sebagai pahlawan itu sudah kurang.

Saya tidak bermaksud hendak kata askar pada hari ini tidak ada kerja, saya akui ada kerja, tetapi cabarannya mungkin kurang hebat. Kerana dahulu, orang kerja askar selain dari kerana gaji, mungkin mereka rasa ingin mencurahkan bakti kepada negara. Kerana mereka nampak pada masa itu musuh negara ada di depan mata, iaitu komunis. Bila kita baca surat khabar, ramai askar yang cedera, bertempur di dalam hutan, maka ini mungkin menyebabkan lebih ramai anak-anak muda kita berminat dan hendak membalas dendam terhadap komunis ini.

Jadi, oleh kerana pada hari ini negara aman, hasil daripada perjuangan tentera juga, kerana merekalah negara kita aman, komunis sudah tidak ada, jadi, minat mereka pun kurang dan saya rasa kempen pun kurang hendak jadi tentera. Hari ini minda anak-anak muda kita ini ditanam supaya menjadi tokoh korporat, berniaga, menjadi profesional. Jadi, kurang ditanamkan semangat supaya bersedia dan kita mesti menjadi tentera seandainya negara kita ini akan menghadapi peperangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berbalik kepada hasrat saya tadi untuk menceritakan mengenai nasib bekas perajurit. Kalau nasib bekas perajurit ini dapat kita bela, maka saya percaya sedikit-sebanyak akan mempengaruhi anak-anak muda kita untuk memasuki tentera.

Tuan Yang di-Pertua, bekas perajurit datangnya daripada perajurit, di mana mereka ini merupakan individu yang dilatih khas menjadi askar darat, laut dan udara. Mereka dilatih bekerja sebagai pasukan dan sangat taat dan setia kepada perintah serta berdisiplin tinggi. Anggota inilah yang membentuk Angkatan Tentera yang menjadi jentera perang. Mereka diberi kemahiran dalam semua aspek,

aspek kerja semasa aman dan juga perang. Urusan pemerintahan, pengurusan, pentadbiran, pembaikan kelengkapan, kesihatan, pendidikan, persenjataan dan pembangunan manusia adalah kepakaran mereka. Latihan perang menjadikan mereka pakar dalam bidang strategi, lojistik dan juga tektik. Kerjaya mereka amat mencabar dan berisiko tinggi. Mereka diletak di bawah sistem pemerintahan regimental. Bila tamat perkhidmatan, mereka terputus dari pasukannya. Dengan budaya, cara hidup serta sifat-sifat ketenteraan, mereka terpaksa hidup sebagai orang awam, suatu cara hidup yang teramat asing bagi mereka. Oleh itu, satu mekanisme memelihara maruah, martabat dan juga darjat bekas perajurit hendaklah dirancang dengan baik bagi mereka peluang untuk menghadapi cabaran abad yang ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia ataupun kita panggil (PBPM) ditubuhkan pada 22hb. Mei, 1922 oleh pegawai-pegawai ekspatriat British. Mereka juga merupakan bekas-bekas anggota tentera British dalam Perang Dunia Pertama. Dengan tertubuhnya Pasukan Askar Melayu Diraja pada 1hb. Mac, 1933 dan lain-lain pasukan seperti Force 136, Federation of Malaya Volunteer Force, Malaya Other Rank in British Army, Homeguard dan lain-lain, bilangan bekas-bekas perajurit di tanah air terus meningkat. Justeru itu, mulai tahun 1958, sebuah urusetia PBPM telah dibentuk untuk mengemaskinikan segala urusan pentadbiran serta meningkatkan di bidang kebajikan kepada ahli-ahli dan tanggungan mereka.

Mengikut kajian yang dibuat oleh Universiti Utara Malaysia dalam tahun 1991 terdapat tidak kurang daripada 250,000 orang bekas perajurit di tanah air. Daripada jumlah tersebut di atas, cuma 128,427 orang sahaja yang menjadi ahli Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Jadi, kita lihat berapa ramai bekas-bekas

tentera kita hampir 250,000 orang tetapi yang menjadi ahli hanya separuh. Jadi, yang menjadi ahli pun nasib mereka tidak terbela, apatah lagi nasib mereka yang tidak menjadi ahli.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama....

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kangar bangun.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Adalah didapati kira-kira hampir separuh daripada bekas anggota tentera kita tidak menganggotai Persatuan Bekas Perajurit. Jadi, ada sebab-sebabnya, barangkali sepertimana yang dijelaskan sendiri oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang bahawa nasib mereka tidak terbela dengan sepatutnya. Sedangkan ketika masih dalam perkhidmatan, apabila tiba Hari Perajurit kita dapati masih lagi menadah tabung untuk membantu anggota-anggota perajurit ini, sedangkan kita ada banyak korporat, apabila tiba hari ini sepatutnya terus sumbang, tak payahlah tentera meminta, kerana memandangkan jasa tentera kepada kita begitu besar.

Bagi bekas-bekas tentera, apabila berhenti daripada tentera, kita dapati temuduga untuk jawatan driver pun tak dapat, sukar dapat. Tukang kebun pun sukar. Untuk menjadi Jaga pun susah. Apatah lagi untuk kahwin, sukar sekali. Sebab itu kita dapati rakan saya yang pernah bercita-cita menjadi askar dahulu, Yang Berhormat dari Pokok Sena, tak jadi askar. Dia sudah nampak masalah ini. Kerana ada kata-kata, "kocik-kocik lembu jago." Minta maaf Yang Berhormat dari Jelebu. "Sudah besar jadi askar. Bila tua, juga lembu jago." Jadi, apa pandangan Yang Berhormat dari Tanjong Karang dalam kes ini?

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih sahabat saya dari Kangar, kerana nampaknya prihatin dengan nasib bekas perajurit. Jadi, bermakna nasib bekas perajurit, Tuan Yang di-Pertua, macam Kangar kata tadi, kita tak hendak bila jadi perajurit, jadi mainan, jadi nyanyian, jadi kata-kata, bahan gurauan kepada masyarakat. Jadi, kalau sepertimana Yang Berhormat dari Pokok Sena dan Jelebu kata tadi, jadi tentera ini seronok. Tetapi hari ini bila sudah jadi gurauan, kadangkala orang panggil "Mat tiarap", panggil "katak", "pisang", macam-macam lagi, ini semuanya melemahkan semangat kita. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita, tanggungjawab masyarakat dan juga tanggungjawab kerajaan untuk menaikkan semula imej tentera ini.

Begitu juga pada hari ini sepertimana Yang Berhormat dari Kangar katakan tadi, pengiktirafan ini bukan sahaja harus diberi oleh kerajaan. Maka tokoh-tokoh korporat juga, pihak swasta mesti juga memberi pengiktirafan kepada Persatuan Bekas Perajurit ini. Kerana kalau tanpa mereka ini berjuang bermati-matian, sehingga akhir tahun 1980-an, negara kita tidak aman. Dengan adanya perjuangan mereka ini sekarang negara kita aman, barulah pelabur-pelabur asing berani datang ke Malaysia. Kalau negara kita dahulu tidak aman, komunis masih mengancam, kestabilan keamanan tidak terjamin, sudah tentu tidak ada mana-mana pelabur yang berani datang. Jadi, oleh itu, pengiktirafan ini harus juga mesti diberi.....

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat,.....

**Tuan Noh bin Omar:** ....oleh pihak swasta sebagai menghargai perjuangan tentera ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** ....Parit Buntar bangun.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati dengan pendapat Yang Berhormat mengenai dengan nasib bekas perajurit ini. Sebagai seorang Wakil Rakyat, kita selalu dihubungi oleh bekas-bekas perajurit yang mengadu nasib mereka. Saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat bersetuju bahawa kita ada Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), ada PERHEBAT. Nampaknya dari apa yang kita terima, PERHEBAT dan LTAT ini hanya mengutamakan bekas pegawai. Misalnya LTAT, semua anggota pengarahnya terdiri daripada semua yang berpangkat-pangkat, sedangkan askar-askar pangkat biasa tidak pernah diberi tempat. Pada hal, yang banyak menyumbang ke tabung tersebut semasa mereka bertugas ialah askar biasa. Jadi, sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan ini?

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Parit Buntar. Saya selepas ini hendak bercakap fasal PERHEBAT dan sebagainya. Tetapi walaupun dia sudah 'go ahead', sudah lebih, saya bersetuju pendapat Yang Berhormat kerana PERHEBAT ini sudah tidak berapa hebat lagi. Kita kena hebatkan. Jadi, insya-Allah, saya akan jawab apabila sampai ke topik itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Persatuan Bekas Perajurit ditubuhkan ataupun diwujudkan ialah untuk menjaga kepentingan bekas-bekas perajurit di tanah air. Aktiviti utamanya ialah untuk membantu ahli-ahli ataupun tanggungan mereka yang kurang bernasib baik melalui bantuan sumber kewangan, anggota tiruan, kerusi roda, berbagai rawatan kesihatan, pendidikan anak-anak mereka dan lain-lain aktiviti kebajikan. Tetapi malangnya, sumber kewangan persatuan ini yang utama adalah melalui derma daripada

orang ramai, seperti kutipan derma 'Rayuan Hari Pahlawan' yang dianjurkan pada tiap-tiap tahun dan lain-lain aktiviti kutipan derma yang dijalankan dari semasa ke semasa.

Oleh hal yang demikian, peranan yang dimainkan oleh persatuan selama ini adalah amat terhad. Ini adalah disebabkan kedudukan kewangan persatuan sendiri yang tidak begitu stabil jika dibandingkan dengan keperluan ahli yang beraneka jenis. Memandangkan tidak kurang daripada 6,000 orang perajurit menamatkan perkhidmatan mereka pada tiap-tiap tahun, maka sudah pasti jumlah ahli di dalam persatuan ini akan turut meningkat, sekali gus meningkatkan juga bebanan persatuan dari segi bantuan kebajikan dan beban kewangan. Sebagaimana yang dimaklumkan terlebih dahulu dan saya nyatakan tadi, Persatuan Bekas Perajurit hanya bergantung kepada kutipan derma, terutamanya Rayuan Hari Pahlawan sebagai sumber kewangan yang utama.

Bagaimanapun akhir-akhir ini, terdapat unsur-unsur yang negatif daripada penderma-penderma terhadap rayuan yang sedemikian, kerana terlalu banyak persatuan yang memungut derma pada tiap-tiap tahun dan meminta derma yang berkenaan daripada sumber yang sama. Kita juga, oleh kerana negara sekarang ini melalui satu zaman yang terlalu aman dan damai, maka mungkin eksekutif-eksekutif di dalam syarikat-syarikat berkenaan yang tidak pernah merasa betapa pahit dan maungnya pengorbanan perajurit-perajurit menggadaikan nyawa mereka demi kesejahteraan rakyat dan kestabilan negara, maka mereka tidak dapat menghayati betapa murninya pengorbanan dan perjuangan perajurit di tanah air.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Tambun bangun.

**Tuan Ahmad Huzni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, tentang rayuan derma perajurit ini. Saya bersetuju juga dengan pandangan Yang Berhormat dari Tanjong Karang kerana ia menjejaskan imej bekas tentera. Tetapi apakah alternatif yang boleh Yang Berhormat fikirkan untuk mengatasi masalah ini?

**Tuan Tuan Noh bin Omar:** Ini yang saya hendak cakapkan selepas ini. Hendak beri beberapa cadangan supaya kebajikan Persatuan Bekas Perajurit ini janganlah hidup bergantung kepada kutipan derma sahaja pada Hari Pahlawan. Mungkin saya hendak cadangkan beberapa cara yang sepatutnya kita buat sepertimana di negara-negara lain seperti Pakistan, Filipina macam mana mereka ini membantu bekas-bekas perajurit mereka.

Jadi, sebab itu kadang-kadang di negara-negara luar ramai orang hendak jadi tentera. Mungkin mereka memikirkan kebajikan mereka terjamin. Saya hendak nyatakan lagi tentang kebajikan, macam kitalah kalau kita bekerja dengan kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, ramai orang dahulu tidak berani kerja swasta sebab tidak ada pencen. Tetapi oleh kerana ada pencen, orang berani kerja dengan kerajaan. Jadi, kalau jadi tentera pun, masa depan, masa itu sudah tidak larat, kita tidak bela nasib mereka, sudah tentu ia pun tidak galakkan anak mereka jadi tentera kerana mereka tidak mahu nasib anaknya pun jadi seperti yang dialaminya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tadi telah pun ditimbulkan oleh sahabat saya dari Parit Buntar mengenai PERHEBAT. Saya hendak tegaskan walau bagaimanapun, kita tidak boleh nafikan telah ada beberapa usaha, kerajaan telah laksanakan untuk membantu bekas perajurit tetapi masih belum memadai, masih ada lagi ruang-ruang yang boleh kita baiki untuk memberikan faedah yang lebih menyeluruh kepada bekas perajurit.

Tuan Yang di-Pertua, PERHEBAT ini telah pun ditubuhkan sebagaimana yang telah dinyatakan tadi mengenai PERHEBAT ini telah diwujudkan di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera, Akta 101, Fasal 23 dan Perintah Tabung Angkatan Tentera 1994. Fungsi utamanya ialah untuk mengambil alih tugas Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit yang dulunya merupakan sebagai sebuah daripada bahagian di Kementerian Pertahanan. Fungsi utama mereka ialah untuk melatih, membantu dan membimbing bakal pesara atau pesara angkatan tentera mengikut terjemahan tafsiran Akta 101 Tabung Angkatan Tentera. Semasa penubuhan PERHEBAT dulu, kita tidak boleh nafikan bahawa kerajaan telah menyumbangkan RM30 juta dan sebanyak RM26 juta pada setiap tahun bagi menampung segala usaha yang sedang dilaksanakan oleh mereka. Namun begitu, PERHEBAT sendiri mempunyai peraturan-peraturan mereka yang tersendiri. PERHEBAT hanya menumpukan aktiviti mereka atau bantuan yang dikeluarkan kepada bekas-bekas perajurit terutamanya yang berkhidmat sebagai anggota tetap Angkatan Tentera Malaysia, lebih-lebih lagi mereka ini berkhidmat mulai 1hb. Ogos, 1972 sehingga sekarang. Penumpuan kepada mereka yang tersebut adalah disebabkan Tabung Angkatan Tentera telah diwujudkan dalam tahun 1973 untuk menjaga kepentingan pesara anggota-anggota tentera yang berkhidmat mulai 1hb. Ogos, 1972.

Tabung tersebut adalah menjadi kewajipan kepada anggota-anggota lain-lain pangkat yang mencarum sebanyak 10% daripada pendapatan mereka. Sekali pandang, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) adalah tidak lain dan tidak bukan fungsinya menyamai fungsi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Oleh kerana segala peruntukan daripada kerajaan adalah disalurkan melalui Lembaga Tabung Angkatan Tentera untuk mengagihkan kepada

PERHEBAT, maka anggota-anggota yang berkhidmat mulai 1hb. Ogos, 1972 telah menerima keutamaan untuk mendapatkan pelbagai bantuan, sokongan dan sebagainya. Perlu disebutkan bahawa pegawai-pegawai angkatan tentera tidak membuat sebarang caruman kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada PERHEBAT, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, kita tidak boleh nafikan bahawa kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam juga telah pun berusaha untuk membantu bekas-bekas tentera ini. Sebagai contoh, Pekeliling Perkhidmatan JPA Bil. 7/1978, pekeliiling ini menghuraikan mengenai pengambilan pekerja semula bagi pesara-pesara untuk jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam, badan-badan berkanun dan juga kuasa-kuasa tempatan. Pekeliling tersebut juga menghuraikan mengenai cara perlantikan, tangga gaji dan sebagainya. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/79, menghuraikan dengan jelas mengenai peluang untuk memohon jawatan dan peraturan bagi melantik bekas-bekas anggota tentera dan bekas anggota polis ke jawatan tetap dalam bidang-bidang awam. Pekeliling tersebut juga menetapkan sebanyak 45 jawatan yang boleh disandang oleh mereka mengikut peratusan yang tertentu bagi tiap-tiap jawatan. Di samping itu juga, menetapkan kadar kenaikan pemula sebanyak maksimum empat kenaikan bagi mereka yang diambil semula bertugas di dalam jawatan yang mempunyai relevansi dengan perkhidmatan mereka dalam angkatan tentera. Perkara ini adalah menyulitkan kerana bekas-bekas perajurit adalah sememangnya apabila mereka sudah berkhidmat boleh dianggap sebagai jack of all trades but a master of nut.

Oleh hal yang demikian, banyak bekas perajurit yang tidak menikmati kemudahan ini dan timbul pelbagai prasangka terhadap kerajaan. Contoh yang lain ialah Warta



Kerajaan mengenai Ordinan Bayaran 1971, bertarikh 8hb. Mac, 1976 telah menetapkan bahawa bekas-bekas perajurit atau tanggungan mereka boleh dimasukkan ke dalam Wad Kelas 2 apabila mereka memerlukan rawatan di dalam mana-mana hospital. Bagaimanapun, peruntukan ini tidak menyatakan dengan terang sama ada rawatan perubatan yang diterima oleh bekas-bekas perajurit atau tanggungan mereka itu adalah percuma tetapi kerap kali mereka ini dikenakan bayaran sehingga sekarang.

Konsesi perjalanan daripada Keretapi Tanah Melayu sejak tahun 1985 telah bermurah hati memberikan tambang konsesi ini sebanyak 40% kepada bekas-bekas perajurit atau isteri mereka yang menggunakan kemudahan keretapi di Semenanjung Malaysia. Perkara ini alhamdulillah masih berkuatkuasa sehingga sekarang. Kita harap bila KTM ini diswastakan, maka peruntukan dan kemudahan ini janglah ditarik balik.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Jelebu bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, jadi mengikut apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang, jelas menunjukkan bahawa dengan adanya pekeliling-pekeliling daripada JPA, adalah bertujuan untuk membela nasib sebahagian daripada bekas anggota tentera.

Jadi, saya mohon penjelasan, bagaimanakah keadaan daripada jabatan-jabatan kerajaan apabila keluarnya pekeliling ini? Adakah tidak kedapatan jabatan-jabatan kerajaan yang mengetepikan sama sekali pekeliling ini di mana contoh-contohnya masih terdapat lagi bekas-bekas tentera ini yang memohon kerja daripada jabatan-jabatan telah tidak

diterima? Umpamanya Jabatan Pengangkutan Jalan yang biasanya pada tahun sebelum tahun 1990, apabila sebahagian daripada bekas-bekas perajurit ataupun yang dihantar berkursus sebelum perkhidmatan (praperkhidmatan), ia diberikan peluang untuk menjalani latihan selama 6 bulan di Jabatan Pengangkutan Jalan, tetapi apabila selepas tahun 1990 keadaan ini telah tidak berlaku lagi dan didapati Jabatan Pengangkutan Jalan enggan menerima bekas-bekas ataupun yang bakal menjadi bekas perajurit ini dan adakan keadaan ini disebabkan oleh sifat ketidak-sensitifan jabatan itu ataupun sengaja untuk mengetepikan arahan pekeliling ini? Saya minta penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu hendak jawab Tuan Yang di-Pertua. Sebab saya dulu kerja dengan kerajaan tidak di bahagian perjawatan, sebagai Pegawai Undang-undang sahaja. Tetapi, walau macam manapun, daripada rungutan yang diterima daripada rakan-rakan yang bangun tadi jelas menunjukkan bahawa bekas-bekas perajurit ini kurang mendapat perhatian daripada pihak kerajaan sendiri. Walaupun pekeliling demi pekeliling dikeluarkan, tetapi kalau tidak ada rasa keprihatinan pihak majikan, sudah tentu apa jenis pekeliling pun mereka tidak hiraukan. Mungkin juga seperti yang saya nyatakan tadi, mungkin juga mereka ini memikirkan tentera ini tidak berapa sesuai - mungkin. Sebab agaknyalah, kalau ada mana-mana pertubuhan yang ada latihan tentera macam Biro Tata Negara sebagai contoh, bila ia ada kursus, ia ada latihan tentera, ini bekas-bekas tentera akan diambil—mungkin. Tetapi, walau bagaimanapun, kita harap bahawa mana-mana agensi kerajaan kalau tidak pun semua, yang ada mirip yang mana di dalam bahagian-bahagian ataupun di dalam sistem perjawatan itu memerlukan tenaga-tenaga yang berbentuk tentera, maka kita harap dapatlah beri perhatian kepada bekas-bekas perajurit ini.

**Datuk Dr. Kamal bin Salleh:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Wangsa Maju bangun.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Berkaitan dengan peralihan ini, mungkin jabatan-jabatan kerajaan tidak dapat menerima bekas perajurit ini kalau sebelum bersara mereka mengikuti kursus-kursus peralihan. Sememangnya saya difahamkan ada kursus-kursus tersebut, bukannya ini boleh disalurkan secara demikian?

**Tuan Noh bin Omar:** Saya rasa cadangan itu amat baik. Kalau boleh badan-badan yang menjalankan kursus bagi tentera sebelum bersara sekarang ini, alhamdulillah dia ada kursus peralihan selama 3 bulan atau 6 bulan. Jadi, kalau boleh diadakan perbincangan dengan jabatan kerajaan dan pihak swasta supaya apabila mereka ini habis kursus, mereka ini dapat diserapkan terus kepada jabatan atau badan-badan yang berkaitan, melainkan mereka ini hendak menjalankan perniagaan - mungkin mereka tidak lagi berminat untuk makan gaji. Tetapi bagi bekas tentera yang berminat untuk makan gaji maka janganlah mereka ini diberi latihan, selepas itu mereka ini ditinggalkan terkapai-kapai. Saya hendak sentuh selepas ini ialah mengenai kursus peralihan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa dalam arus pembangunan negara yang begitu pesat, bekas-bekas perajurit terpaksa menghadapi saingan yang hebat apabila mereka menamatkan perkhidmatan ketenteraan. Bagi menampung sara hidup, ramai daripada mereka yang terpaksa menjawat pelbagai jawatan yang terdapat di pasaran ataupun menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan dan juga pertanian.

Mengikut kajian yang dibuat oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) pada tahun 1991, pada ketika itu terdapat lebih

kurang 15.9% bekas-bekas perajurit yang belum mendapatkan sebarang pekerjaan. Di samping itu kajian tersebut juga menyebut bahawa sebanyak 38.9% mendapat gaji kurang daripada RM400 sebulan, manakala 38.5% mempunyai pendapatan di antara RM401 - RM700, cuma 22.6% sahaja yang mempunyai pendapatan lebih daripada RM701. Ini menunjukkan bahawa rata-rata pendapatan bekas perajurit ini amat menyedihkan. Kalau di bawah RM400, Tuan Yang di-Pertua, ditambah dengan anak lima atau enam orang, rumah pun tidak tentu hala, maka kita khuatir 'kot-kot' nanti apabila kita buat kajian Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) ini, janganlah sampai majoriti yang masuk PPRT ini semuanya adalah bekas tentera atau bekas perajurit. Kalau lah berlaku, ini adalah amat menyedihkan. Oleh itu, kita mesti mengambil satu jalan supaya perkara sedemikian tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, menentuhkan mengenai soal harta pula, kajian tersebut menyatakan bahawa seramai 31.6% sahaja yang memiliki tanah tapak rumah; 11.4% memiliki sawah; 11.4% mempunyai kebun getah; 6.4% dusun; 5.2% kebun kelapa sawit dan 32.5% mengaku memiliki lebih daripada satu harta yang disebutkan di atas.

Di samping itu kajian yang sama juga menyebut bahawa sebanyak 65.1% bekas-bekas perajurit memiliki rumah yang bernilai kurang dari RM25,000, sementara itu bekas-bekas perajurit juga menghadapi persaingan yang hebat daripada orang ramai apabila mereka menceburi bidang perniagaan, walaupun secara kecil-kecilan. Mereka ini sukar untuk memperolehi lesen-lesen teksi, lori, gerai dan sebagainya. Tambahan pula sekarang ini Kementerian Pembangunan Usahawan mengatakan apabila lesen teksi ini dibuka semula, dia hendak beri kepada syarikat-syarikat besar - konsortium. Kalau beri pada konsortium sudah tentulah bekas-

bekas perajurit yang minat membawa teksi ini tidak dapat permit.

Lori juga hendak diberi pada konsortium. Jadi, bagaimana pula dengan bekas-bekas perajurit ini yang pendapatan mereka begitu rendah untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam agihan-agihan kemudahan-kemudahan yang telah diperuntukkan bagi kemudahan awam? Jadi, mungkinlah mereka layak menjadi pemandu dan kalau inilah gambaran yang kita dapat, lagi sekali kita merasa sedih dan sudah tentu kalau belia-belia kita tahu bahawa lepas bersara dari tentera hanya layak menjadi pemandu lori, pemandu teksi yang dipunyai oleh konsortium, sudah tentu mereka tidak berminat untuk menjadi angkatan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, selalu bekas-bekas perajurit datang berjumpa saya minta tolong, dia kata sebelum dia berhenti dari tentera dia sudah mengikuti kursus membela ikan, kursus membuat kerusi dan bermacam-macam kursus. Tetapi katanya bila sudah habis kursus tidak ada peruntukan, jadi saya kata pergilah pinjam dengan Perwira Affin Bank, saya kata itu tentera, tetapi dia menyatakan kalau pergi ke bank tersebut sama macam pergi bank swasta biasa, syarat-syaratnya sama, hendak kena ada penjamin, hendak kena ada cagaran.

Tadi, saya sudah menyatakan tidak ramai yang ada tanah, tidak ramai yang mempunyai pendapatan tinggi. Jadi, kalau bekas tentera ini dikenakan juga syarat sama seperti orang awam, tidak ada maknalah kita membuat kursus.

Saya ingin mencadangkan berilah mereka ini kursus, latih kalau hendak berniaga tolong dia, beri dia beberapa kemudahan, beri dia keistimewaan untuk meminjam wang, sebab mereka ini sudah terbukti menumpukan taat setia kepada negara kita. Kalau mereka juga terpaksa bersaing dengan belia, dahulu dia kata

hendak pinjam dengan Kementerian Belia dan Sukan—dah tak ada Setiausaha Parlimennya, Kementerian Belia dan Sukan pun ada kerjasama, dia tidak kira bekas tentera atau sebagainya, syaratnya sama.

Kita harap agensi kerajaan yang lain, yang ada memberi bantuan perniagaan, hendak menggalakkan lagi usahawan-usahawan ini berilah keutamaan kepada tentera ini - bekas perajurit kerana mereka juga ada kemahiran—selama 6 bulan mereka mengikuti kursus. Walaupun bekas tentera ini sudah mengikuti kursus seperti juruaudit sebagai contohnya, saya ada abang saudara menjadi juruaudit, kasihan dia, last-last dia punya pengalaman sebagai audit dalam, tetapi oleh kerana bidang itu tidak ada memberi pasaran, pada hal kita ini menghadapi kekurangan tenaga sebagai audit dalam. Tetapi saya tidak tahu bagaimana peraturan atau sistem yang dilaksanakan, dia terpaksa memilih jurusan lain, buat percetakan. Jadi, sayang pengalaman hampir 30 tahun sebagai audit, selepas bersara daripada tentera hendak buat percetakan (printing). Percetakan sudah tentu memerlukan modal dan bantuan, tetapi pengalamannya kurang. Oleh itu, kita harap apabila diberi kursus, diberi bantuan mestilah yang sesuai, pengalaman yang ada ini diteruskan. Misalannya semasa dia menjadi tentera dahulu, dia bertugas di bahagian foreman kereta, berilah dia latihan betul-betul, jadi bila dia keluar biarlah dia menjadi mekanik atau membuka woksyop, bukan apabila dia keluar dia pergi kerja kilang atau membuat kerja lain, sayang pengalamannya.

Kita berharap angkatan tentera ini dapat mengenal pasti pegawai-pegawainya mesti dikategorikan, ini separuh mahir, ini profesional, ini kemahiran. Apabila kursus ini dijalankan biarlah kursus yang bersesuaian dengan pengalamannya supaya ada kesinambungan pengalaman tersebut. Jadi, barulah pihak bank ini

yakin—kalau hendak pinjam dari bank. Jika dia tanya “sudah berapa lama berkhidmat, hendak buka woksyp ini?” dia jawab “dalam tentera saya sudah berkhidmat selama 20 tahun, sebut sahaja sekeru saya tidak payah tengok, saya raba sahaja tahu dah sekeru saiz 16, saiz 17”—barulah bank yakin. Dia raba sahaja tayar dia sudah tahu tayar ini absorbernya rosakkan, bunga tidak betul — ada kemahiran. Jadi, kalau ini dapat disusun dengan baik, maka barulah tentera kita merasa seronok, kita hendak menjadi tentera pun seronok bahawa selepas menjadi tentera masa depan mereka terjamin — itu adalah sosial.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendidikan. Kita tidak dapat nafikan bahawa soal pendidikan bekas perajurit serta anak-anak mereka adalah merupakan satu keperluan asas yang perlu diberi perhatian serius. Ini adalah kerana semasa perajurit itu bertugas atau sedang berkhidmat, mereka ini sentiasa berpindah-randah dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Saya kasihan melihat tentera ini baru duduk di sini selama 6-9 bulan—pindah, selepas itu pindah ke Sabah, pindah ke Sarawak—merata-rata. Mereka ini patuh, jarang yang jumpa ahli politik, jumpa wakil-wakil rakyat menyatakan tidak mahu pindah—jarang, dia takut kalau jumpa nanti pangkat tidak naik, sebab melalui politik. Tetapi kalau cikgu atau pegawai-pegawai lain ramai yang jumpa dengan wakil rakyat kerana tidak mahu tukar dan sebagainya. Tentera ini begitu akur, patuh, suruh pindah baru 2-3 bulan—pindah, kadang-kadang anak isteri tinggal selama 5-6 bulan—tidak apa. Oleh itu kita kena lihat kepentingan pendidikan ini, kalau dia berpindah-randah, anak mereka kasihan, 3 bulan sekolah di sini, besok pergi Sarawak, cukup setahun pindah ke Sabah. Jadi dia pun tidak tahu, sudahnya apabila tengok detail kurikulum anaknya banyak sangat sekolah yang dia belajar.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jelebu bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Ya, Jelebu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan sedikit daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Kalau tak silap saya, Tabung Basiswa Angkatan Tentera ada diwujudkan. Jadi, setakat hari ini apakah peranan yang telah dimainkan oleh tabung biasiswa ini dan adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya tabung ini tidak memberikan faedah secara meluas kepada anak-anak tentera ataupun anak-anak bekas tentera; apakah cadangan-cadangan Yang Berhormat agaknya untuk dipanjangkan kepada Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ini kena menteri jawab ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kita tidak nafikan bahawa sebenarnya Tabung Basiswa Angkatan Tentera ini ada memberikan sumbangan kepada anak-anak mereka tetapi bilangan yang diberi sumbangan amat sedikit, tidak mencukupi, Tuan Yang di-Pertua, maka kita mestilah memikirkan bantuan-bantuan ini diperbanyakkan. Yang saya fahamlah, misal kata biasiswa kecil, peruntukan bantuan dalam bentuk biasiswa kecil ini ialah sebanyak RM25 bagi tiap-tiap yang terdiri daripada anak-anak yang sedang belajar dalam Tingkatan IV, V dan VI.

Tuan Yang di-Pertua, RM25 untuk Tingkatan IV, V dan VI mana nak cukup, ada peruntukan Yang Berhormat, tetapi tak cukup. Ia juga ada memberi bantuan yuran peperiksaan. Bantuan yuran peperiksaan dikeluarkan kepada anak-anak ahli untuk membayar yuran peperiksaan SPM dan Sijil Tinggi Persekolahan. Begitu juga pelbagai

kemudahan yang diberi tetapi kemudahan-kemudahan ini sudah tentu tidak mencukupi di zaman komputer kita hari ini. Di zaman komputer hari ini, pendidikan kita ini bukannya setakat hendak beli buku teks, tak lama lagi setiap rumah mesti ada komputer.

*(Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar masuk ke Dewan)*

Menteri sudah datang ini senang sedikitlah. Setiap rumah sekarang ini kalau boleh kita hendak adakan komputer, sebab kalau rumah kita tak ada komputer samalah seperti anak-anak kita belajar di sekolah tak ada buku teks kerana apabila komputer ini nanti diwajibkan, kalau di rumah kita tak ada komputer sama seperti anak kita belajar di sekolah tetapi balik ke rumah tak ada buku teks.

Jadi, kemudahan-kemudahan secara kecil-kecilan RM25 bantuan yang diberikan ini sudah tidak memadai, mesti difikir secara global supaya bukan sahaja rumah-rumah di luar bandar mesti ada komputer. Kalau boleh rumah setiap angkatan tentera pun mesti ada satu komputer satu rumah, tetapi kalau keadaannya seperti hari ini, saya tak nampak macam mana angkatan tentera kita hendak beli komputer satu rumah satu komputer.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendidikan ini, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, perajurit ini apabila semasa berkhidmat mereka ini senantiasa berpindah-randah dari satu tempat ke satu tempat.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Larut.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua,

ada atau tidak sekarang ini bekas-bekas perajurit yang pandai komputer pula? Nanti dia pandai komputer pergi suruh buat tikar mengkuang! *(Ketawa)*

**Tuan Noh bin Omar:** Saya percaya tentera pun ada yang sedang belajar komputer. Tetapi walau macam manapun, saya ingin mencadangkan dalam bidang pendidikan ini kita beri peluang kepada angkatan tentera kita ini belajar sampai ke peringkat tinggi, biar sampai ke PhD dan juga memperluaskan bidang-bidang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, bagi mereka yang berkhidmat di dalam pasukan-pasukan infantri, kedudukan mereka adalah lebih menyedihkan lagi kerana terpaksa berjuang di dalam hutan belantara sama ada di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak.

Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa soal pendidikan mereka amatlah terabai. Oleh itu, satu pendekatan yang baru hendaklah dilakukan untuk memberi keutamaan kepada anak-anak bekas perajurit ataupun bekas-bekas perajurit itu sendiri memperbaiki tahap pendidikan masing-masing. Misalnya, anak-anak bekas perajurit harus diberi keutamaan untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh walaupun kelulusan mereka agak berkurangan dengan lain-lain murid dari sekolah-sekolah di bandar ataupun kerajaan boleh mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menubuhkan asrama-asrama yang khas untuk menempatkan anak-anak bekas perajurit dari kampung-kampung belajar di bandar-bandar sebagaimana yang diamalkan oleh pihak FELDA. Dia kumpul anak-anak FELDA itu, diletak di Asrama FELDA di Jalan Gurney itu.

Begitu juga, setelah mereka ini menamatkan pelajaran menengah, mereka ini hendaklah diberi keutamaan memasuki mana-mana institusi pengajian tinggi serta

diberi bantuan biasiswa atau dermasiswa bagi meringankan bebanan yang ditanggung oleh bekas-bekas perajurit itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga mengenai perubatan, sebagaimana yang disebutkan yang saya nyatakan tadi, bahawa di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, telah pun dinyatakan bahawa kerajaan sedang mengkaji untuk menaikkan kadar bayaran di semua hospital kerajaan. Dalam hubungan ini kerajaan harus mengambil kira untuk memberi kemudahan rawatan percuma yang berterusan kepada bekas-bekas perajurit dan tanggungan mereka sebagai menghormati jasa yang telah dicurahkan oleh bekas-bekas perajurit kepada negara.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh juga, kerajaan menggalakkan pembinaan hospital-hospital swasta bagi mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh kerajaan terhadap masyarakat. Oleh yang demikian, satu peraturan hendaklah dikeluarkan oleh kerajaan kepada hospital-hospital swasta bagi membolehkan bekas-bekas perajurit ini membuat bayaran 50% daripada caj yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat nafikan bahawa kerajaan mengamalkan sikap pasaran terbuka di negara ini bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Bagaimanapun, saingan yang berlaku di pasaran tidak menjanjikan satu peluang kepada syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh bekas-bekas perajurit ini. Oleh yang demikian, satu pendekatan yang baru perlu diambil oleh kerajaan bagi membantu dan mendidik bekas-bekas perajurit ataupun syarikat-syarikat yang didirikan oleh Persatuan Bekas Perajurit ini supaya lebih berdaya maju bagi menempuh persaingan yang hebat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membuat sedikit perbandingan bagaimana

keadaan bekas-bekas perajurit di luar negara, kita lihat di Pakistan sebagai contoh. Di Pakistan kerajaan pusat ataupun kerajaan wilayah mereka menganugerahkan tanah kepada bekas-bekas perajurit untuk dibangunkan. Mereka juga ada menubuhkan satu yayasan iaitu Yayasan Fauzi namanya, hasil daripada bantuan awal daripada kerajaan. Yayasan ini telah dapat bergerak lancar dan menjalankan pelbagai perniagaan, pelaburan dan mengusahakan pelbagai projek perindustrian. Yayasan ini sekarang ini tidak lagi menagih bantuan kewangan sama ada daripada kerajaan pusat ataupun kerajaan wilayah dan jauh sekali mendapat bantuan kewangan daripada mana-mana agensi ataupun individu. Walaupun demikian, Yayasan Fauzi ini berkemampuan pesat memberi pelbagai bantuan, mereka ini telah pun mampu memberi pelbagai bantuan kepada bekas-bekas perajurit, keluarga mereka, ibu bapa mereka dan juga anak-anak mereka.

Yayasan Fauzi kini mempunyai banyak projek, di antara projek yang mereka perolehi ialah 12 buah hospital, 9 pusat kesihatan harian, 56 dispensari. Kemudian mereka juga ada dua buah kolej, 50 buah sekolah model dan pelbagai lagi termasuklah ada 63 pusat latihan vokasional.

Kemudian di Phillipine, mereka ada Yayasan VHP yang telah pun ditubuhkan pada Februari 1996. Jadi, kita harap kerajaan sentiasa memikirkan masalah-masalah dan juga kebajikan tentera-tentera ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan Malaysia telah dan dari semasa ke semasa memberi bantuan serta kemudahan terhad kepada bekas-bekas perajurit khususnya dan Persatuan Bekas Perajurit amnya. Dukacita didapati bahawa pihak-pihak swasta dan korporat sentiasa memandang sebarang bantuan kepada bekas-bekas perajurit

adalah tanggungjawab kerajaan sematamata. Kalau adapun bantuan yang dihulurkan, mereka berbuat demikian kerana budi bahasa kepada pihak-pihak tertentu dalam kerajaan.

Saya berpendapat bahawa ianya memerlukan pengiktirafan erat daripada pihak kerajaan mengenai piagam, kegiatan, keperluan dan juga sumbangan mereka terhadap kebajikan bekas-bekas perajurit, balu-balu dan anak-anak yatim. Adanya pengiktirafan tulen ini, pihak-pihak lain akan lebih sedar dan mempunyai kesedaran yang lebih mendalam lagi terhadap sumbangan bekas-bekas perajurit semasa dalam perkhidmatan, pengorbanan serta sumbangan mereka kepada negara dan juga pentadbiran kerajaan semasa. Dalam pentadbiran kerajaan, tenaga bekas-bekas perajurit ini sentiasa diperlukan, maka kita harap bahawa peluang kepada mereka ini harus diberi seluas-luasnya.

Begitu juga bekas-bekas perajurit ini, setelah mereka bersara, mereka ini juga melibatkan diri di dalam kegiatan masyarakat. Kita akan dapati bilangan yang memegang jawatan kepimpinan sungguh ramai, dalam politik, dalam JKK, masjid dan juga pertubuhan-pertubuhan lain. Penglibatan oleh isteri dan balu-balu dalam kemasyarakatan pun sama. Isteri-isteri dan balu-balu ini mempunyai pengalaman yang luas dalam kepimpinan kerana beliau sentiasa diperlukan berbuat demikian dalam pertubuhan isteri-isteri di semua peringkat tentera semasa suami-suami mereka masih berkhidmat dahulu. Tiap-tiap bekas perajurit merasa megah selalu sebagai bekas perajurit dan sentiasa ke hadapan dengan kerja-kerja sukarela oleh kerana pengiktirafan pihak-pihak berkenaan begitu longgar, maka kita dapati bahawa sikap sukarela ini semakin menurun yang kita lihat di kalangan bekas-bekas tentera ini.

Jadi, sepertimana yang saya katakan tadi, kerana peranan dan nasib mereka

nampak seperti tidak diambil perhatian, sudah tentu ramai daripada mereka ini tidak berapa merangsang anak-anak mereka dan saudara-mara mereka untuk menceburkan diri dalam angkata tentera. Anak-anak dan saudara-mara mereka ini juga melihat dengan teliti keadaan nasib terkini bekas-bekas perajurit. Penelitian dan pandangan negatif ini juga adalah salah satu sebabnya mengapa remaja tidak berminat untuk menceburkan diri dalam bidang ketenteraan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi, kalau di lihat nasib bekas tentera ini hanya dilabel sebagai pemandu teksi, sebagai pemandu, sebagai jaga, jadi, anak-anak generasi sekarang ini yang lebih ditanam mindanya untuk menjadi usahawan, menjadi korporat, dimomokkan dengan cabaran-cabaran yang lebih hebat, maka sudah tentu mereka ini tidak berminat untuk menjadi tentera.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa perhatian yang lebih harus diberi kepada tentera, bukan sahaja semasa tentera ini berkhidmat, sepertimana yang saya nyatakan, bukan sahaja dari segi gaji mesti diberi perhatian, tetapi kebajikan-kebajikan lain. Kebajikan-kebajikan yang memberi kemudahan-kemudahan kepada tentera ini yang mungkin mereka lebih berminat. Kalau gaji terlampau tinggi pun nanti cukai akan dikenakan, tetapi kalau elaun-elaun tambahan, macam Kedai Pernama—harga barang-barang dimurahkan dan berbagai-bagai kemudahan yang diberi. Di samping itu, apabila mereka ini berhenti daripada tentera, mereka menjadi Ahli Bekas Perajurit yang terjamin masa depannya, maka saya amat yakin bahawa minat kita, minat anak muda ini khasnya akan lebih dan juga penghormatan yang tinggi akan dapat diterima oleh tentera yang telah banyak memberi sumbangan kepada negara kita.

Sekian dan saya menyokong akta ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Machang.

5.04 ptg.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed (Machang):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972.

Tuan Yang di-Pertua, hampir keseluruhan hujah-hujah yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum daripada ini boleh dikatakan sudah mencakupi semua permasalahan yang terdapat dalam perkhidmatan Angkatan Tentera sekarang. Cuma saya berhajat untuk menyentuh beberapa perkara dengan tekanan-tekanan khusus, supaya perkara-perkara yang saya bangkitkan hari ini akan mendapat perhatian daripada pihak Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian amnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal-awal kita mencapai kemerdekaan dan dalam tahun 60-an, peranan Angkatan Tentera Malaysia, sama ada tentera darat, laut atau udara, lebih bertumpu kepada soal untuk memusnahkan musuh negara dan sekali gus menjaga keselamatan negara. Tetapi sepertimana yang kita sedia maklum, bahawa apabila ancaman musuh sudah tidak wujud lagi secara nyata dalam negara ini, peranan angkatan tentera dalam negara kita sudah berubah corak. Ianya mencakupi dua perkara yang utama. Pertama, ialah memastikan bahawa keselamatan negara dan ketenteraman awam terus terjamin.

Kedua, ialah mewujudkan hubungan baik dengan negara-negara jiran dan di peringkat antarabangsa, supaya imej negara kita di kalangan masyarakat antarabangsa adalah baik dan sekali gus

ianya akan meningkatkan mutu perkhidmatan angkatan tentera kita.

Dalam soal menjaga ketenteraman awam, pada masa sekarang, peranan angkatan tentera bukan sahaja memastikan bahawa peranan ataupun keselamatan awam tetap terjaga, tetapi dalam suasana-suasana tertentu, peranan angkatan tentera mestilah merapatkan diri mereka dengan masyarakat setempat. Dalam keadaan negara yang aman sekarang ini, sudah tentulah, peranan angkatan tentera untuk menjaga keselamatan awam agak berkurangan. Tumpuan kepada khidmat-khidmat kemasyarakatan adalah perlu ditekankan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan angkatan tentera, khususnya yang baru-baru ini telah pergi ke kawasan saya di Parlimen Machang dan telah mengadakan program tentera masuk desa dan membaiki sebuah jambatan yang berharga lebih kurang RM18,000.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jambatan ini, saya telah memohon kepada kerajaan PAS di Kelantan - sudah selama hampir 1 tahun. Saya pohon supaya kerajaan PAS di Kelantan membaiki jambatan ini. 3 buah jambatan semuanya yang saya angkat. Satu memerlukan peruntukan RM18,000, satu RM14,000 dan satu RM10,000. Hampir satu tahun yang lampau, melalui tabung Serambi Mekah yang kononnya diwujudkan oleh kerajaan Kelantan untuk membantu perkara-perkara seperti ini, tetapi permohonan saya itu sampailah kepada bila pihak tentera masuk dan membaiki jambatan ini tidak mendapat layanan.

Tuan Yang di-Pertua, RM18,000 sahaja dan saya telah mendapat aduan sehingga sekarang sudah 2 orang anak sekolah jatuh - hampir-hampir mati di jambatan



ini. Inilah contohnya. Apabila kita banyak bermain politik dan sentimen yang begitu menebal sehingga tanggungjawab kita kepada rakyat terus tidak dipedulikan - RM18,000 hendak memperbaiki jambatan pun tunggu setahun minta, nasib baiklah ada angkatan tentera.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Jelebu tunjuk minat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan. Cukup minat saya dengan soal jambatan. Jadi, pada pandangan Yang Berhormat, adakah dengan kerelaan pihak tentera membina jambatan ini, merupakan satu faktor yang menyebabkan Yang Berhormat dan rakan-rakan akan menyeberangi jambatan ini untuk datang ke kerajaan Barisan Nasional?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat, soal membaiki jambatan RM18,000 adalah kecil, soal yang lebih besar ialah penyatuan orang-orang Melayu. Kita telah nyatakan di awal-awal lagi. Ada.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah, penyatuan orang-orang Melayu sekarang menjadi salah satu prioritas perjuangan Yang Berhormat. Saya hendak tanya, adakah kerajaan negeri Kelantan ini sebuah kerajaan negeri yang bankrap, maka permohonan RM18,000 selama 3 tahun pun tidak dapat ditunaikan?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya rasa bukan soal bankrap sangat,

Yang Berhormat, tetapi soal bermain politik terlalu banyak. Oleh kerana yang angkat permohonannya Wakil Rakyat Semangat 46 dan yang menjaga Tabung Serambi Mekah ialah orang PAS, barangkali dia takut kita ini boleh berkhidmat kepada rakyat, maka dia memperlengah-lengahkan permohonan ini. Itulah saya katakan tadi, soal main politik ini saya sudah serik. Bila kita memegang kuasa kita mesti berkhidmat kepada rakyat, kita marah kepada orang, kita maki orang, tetapi kita sendiri apa pun kita tidak buat. Ini yang menjadi masalahnya.

**Tuan Lim Hock Seng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Bagan bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut berminat dengan perbincangan Yang Berhormat dari Machang. Saya pernah meminta kepada kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menurap sebatang jalan dan sehingga kini sudah 3 tahun, projek ini pun tidak diturapkan. Adakah Yang Berhormat dari Machang berpendapat bahawa ini juga satu permainan politik?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada pengetahuan tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Tetapi yang saya hendak tekankan di sini, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memegang kuasa, mandat diberi oleh rakyat, kita mesti berkhidmat kepada rakyat setakat yang kita mampu. Tetapi kalau kita terus bermain politik, maka yang menjadi mangsanya ialah rakyat. Inilah yang jadi di negeri Kelantan sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Parit Sulong bangun lagi.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat dari Machang, sahabat saya yang sekarang ini sudah "buat jambatan, tinggal bayar tol sahaja", adakah beliau mengatakan bahawa Kerajaan PAS memimpin Kelantan bukan untuk rakyat, tetapi untuk bermain politik kepada rakyat?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak perbetulkan kenyataan Yang Berhormat tadi. Bukan "membina jambatan". Tidak ada salah saya "kembali ke rumah asal saya, bukan membina jambatan". (*Tepuk*) sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, siapa orang S.46? Saya kembali ke rumah asal saya, tak ada orang perlu marah. Yang saya hairannya mengapa ada segelintir orang melaung di dalam Dewan ini marah kerana S.46 berhasrat hendak menyatukan orang Melayu. Mengapa orang harus marah. Adakah hasrat hendak menyatukan orang-orang Melayu dalam negara ini, suatu pengkhianat? Adakah hasrat untuk menyatukan orang Melayu dalam negara ini ialah suatu perbuatan yang dikatakan menipu parti pembangkang? Ini masalahnya.

Mengapa ada orang iri hati apabila S.46 beria-ia hendak menyatukan orang Melayu. Sepatutnya semua rakyat di dalam negara ini mesti menghormati dan berterima kasih kepada usaha ini. Ada orang berkata, mengapa S.46 tak malukah masuk kembali kepada UMNO. Kita telah nyatakan dengan jelas soal menyatukan orang Melayu, malu tidak timbul sama sekali. Kalau soal untuk menyatukan orang Melayu, soal malu tidak timbul sama sekali.

Kembali kepada masalah tentera masuk desa. Seperti yang saya katakan, ini sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua. Tiga buah

jambatan yang saya pohon kepada Kerajaan Negeri Kelantan melalui Tabung Serambi Mekah yang sekarang ini mempunyai peruntukan berjuta-juta ringgit hasil daripada derma orang ramai, termasuk wakil-wakil rakyat. Di akhir tahun lepas saya telah menerima permohonan dan aduan daripada penduduk tempatan bahawa jambatan ini rosak, tidak boleh dilalui sehingga ada anak sekolah yang jatuh. Hampir satu tahun lepas saya memohon peruntukan hanya RM18,000, tetapi tidak mendapat layanan. Sebab itulah, baru-baru ini apabila Program Tentera Masuk Desa ke kawasan saya, Yang Berhormat Menteri Pertahanan sendiri pergi, walaupun saya tidak dijemput, tetapi saya berterima kasih banyak, kerana sebagai Wakil Rakyat, saya tidak mahu bermain politik. Siapa yang mampu buat kerja, teruskan, untuk khidmat kepada rakyat. Sekurang-kurangnya masalah saya pun sudah selesai sedikit-sebanyak.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, adakah dana kewangan Serambi Mekah ini satu dana kewangan yang diaudit setiap tahun. Oleh kerana Yang Berhormat juga saya rasa sebagai anggota kepada parti pemerintah Kelantan, iaitu Angkatan Perpaduan Ummah satu ketika dahulu, mungkin hingga saat semalam, jadi, Yang Berhormat ada menderma kewangan ke dalam dana Tabung Serambi Mekah. Adakah Yang Berhormat pernah mengetahui sama ada dana kewangan ini diaudit dan diberitahu kepada rakyat tentang kedudukan kewangan itu?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih. Yang Berhormat, bukan sahaja saya yang menderma, tetapi Syarikat SEDC Kelantan derma sampai RM1 juta kepada Tabung Serambi Mekah, wakil-wakil rakyat dan orang-orang korporat. Saya difahamkan hampir berpuluh juta sekarang ada. Tetapi yang saya tahu akaunnya sampai hari ini tidak

dibentang lagi. Saya sendiri tak tahu mana wang ini dibelanja, untuk apa, saya sendiri tak tahu. Yang saya diberitahu bahawa jika ada masalah di kampung, rumah terbakar dan sebagainya boleh tahu. Tetapi daripada pengalaman saya sendiri yang saya pohon satu tahun tidak ada jawapan.

Jadi, inilah kedudukannya, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta supaya peranan Tentera Masuk Desa ini diperbanyakkan lagi. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri, selain daripada satu jambatan Yang Berhormat sendiri pergi rasmi pada hari tersebut, ada dua buah lagi jambatan di kawasan saya yang cukup ada masalah. Kalau Yang Berhormat hendakkan butir-butir itu, saya akan sampaikan kepada Yang Berhormat. Kami minta tolong supaya kita tidak bermain politik dalam soal ini, tolong bantu rakyat saya, sekurang-kurangnya menyenangkan masalah saya sedikit. Saya sudah habis daya. Dengan Kerajaan Negeri Kelantan saya minta, tak ada respon. Itu perkara kecil baru RM18,000. Kalau minta hendak baiki jalan RM100,000 saya rasa tunggu 10 tahun lagi saya rasa, cukup berat. Itu baru benda kecil, RM18,000.

Kita terpaksa menerima hakikat, bila tak mampu kita kena cakap tak mampu. Jangan kemampuan kita hanya bawa motosikal, kita nak pergi bawa lori. Kalau kemampuan kita mampu bawa motosikal, kita bawa lori, kita langgar orang, susah. Inilah soal kemampuan kerajaan di negeri Kelantan sekarang. Bukan soal untuk memberi tugas kepada rakyat, tetapi sentimen politik itu lebih menebal daripada segala-galanya.

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi daripada hujah Yang Berhormat dari Machang jelas

menunjukkan seolah-olah kerajaan PAS di Kelantan sudah macam tak mampu untuk mentadbir negara, sehinggakan hendak minta RM18,000 buat jambatan pun susah hendak dapat. Jadi, kalau itu keadaannya, bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa sudah tidak ada kemampuan, sokongan rakyat pun sudah tidak ada, tetapi mengapa PAS degil, tidak hendak bubar Dewan Undangan Negeri?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:**

Tuan Yang di-Pertua, bila kuasa naik ke kepala, manusia hilang pertimbangan. Ini yang sedang berlaku di negeri Kelantan sekarang. Dahulu sebelum pilihanraya lepas, kita berkongsi, kita bersama. Tetapinya apabila kita memerintah masuk penggal yang kedua, bila kuasa berada di kepala, manusia tidak menggunakan fikiran, tetapi manusia menggunakan nafsu. Bila nafsu menguasai diri, hancur, Tuan Yang di-Pertua. Inilah yang sedang berlaku sekarang.

Apabila kita bersahabat, kita mesti ikhlas dalam apa tindakan yang kita buat. RM18,000 tadi Yang Berhormat, itu sebagai satu contoh yang saya sebut. Banyak lagi perkara lain yang saya hendak sebut bahawa kalau benda sekecil ini pun kita tidak dapat melaksanakan untuk rakyat, apakah benda yang besar-besar? Soal hendak menjadikan Islam sebagai addin, ukhwh Islamiah, semuanya ini pada saya ialah suatu 'window dressing', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu kita meletakkan kain tirai pada pintu yang nampaknya elok, tetapi inti patinya adalah kosong. Soal hukum hudud misalnya yang digembar-gembur sampai sekarang terbenkakai. Pada suatu masa dahulu memarahi Kebawah Duli Sultan Kelantan kerana tidak tandatangani. Tetapi bila Tuanku sendiri bertitah bahawa Baginda telah menandatangani, sampai sekarang tidak gezet lagi.

Inilah saya katakan soal bermain politik tadi. Bila bermain politik dengan hukum

Allah Taala, kifaratlah akan jatuh kepada pemimpin itu. Inilah pada saya yang berlaku di negeri Kelantan sekarang. Bila kita banyak bermain politik, permainan politik itu melibatkan hukum Allah Taala, Allah Taala tidak restu dan menjatuhkan kifarat kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Ini sedang berlaku sekarang.

Kembali kepada masalah tadi, Tuan Yang di-Pertua,....

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada di belakang bangun, Tanjong Karang.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan, sebab Yang Berhormat dari Machang seorang peguam. Minggu lepas, Yang Berhormat dari Jelutong, peguam juga, pandangan dia berbeza. Dia kata, sepatutnya bukan PAS yang patut bubar Dewan Negeri, tetapi sepatutnya S46 yang mesti letak jawatan. Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat sebagai peguam, apakah pandangan Yang Berhormat dari Jelutong dari segi perundangan demokrasi sama ada betul ataupun tidak?

Yang kedua, mengenai Malay unity, dia marah sebab S46 masuk UMNO kerana hendak menyatukan orang Melayu, dan dia hendak memperjuangkan meritokrasi. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat, dia marah pada S46?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Soal yang pertama, soal kedudukan di Kelantan, semua rakyat dalam negara ini tahu, dalam dua pilihanraya lepas.....

**Tuan Lim Hock Seng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagan bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua,...

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Nanti saya jawab dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia jawab dahulu, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya belum jawab lagi.

**Tuan Lim Hock Seng:** Peraturan Mesyuarat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat, ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** ....36(1). Apa kait-berkait dengan pertikaian UMNO, PAS dan S46 berkenaan dengan akta yang kita bincangkan sekarang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya teruskan. Saya sebut contoh tadi, saya bercakap mengenai akta ini yang saya sebut contoh ialah kaitan dengan program tentera masuk desa. Itu yang saya sebutkan, ini contoh.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan soal kedudukan di Kelantan dalam dua pilihanraya yang lepas, tahun 1990 dan tahun 1995, semua orang tahu bahawa calon-calon yang bertanding atas tiket Angkatan Perpaduan Ummah. Calon PAS menang atas tiket Angkatan Perpaduan Ummah, calon S46 menang atas tiket Angkatan Perpaduan Ummah, tak ada satu pun calon yang menang atas S46 sahaja atau atas PAS sahaja. Kerajaan Kelantan terbentuk atas Angkatan Perpaduan Ummah. Sekarang ini PAS telah memecat S46, kalau kerajaan PAS di Kelantan bermaruah, kena bubar Dewan Undangan Negeri dan serah balik kepada rakyat, itu sahaja (*Tepuk*). Itu sahaja yang kita minta, tentulah dalam kemenangan calon-calon PAS jangan nafikan ada sokongan, saya pangkah PAS dalam

pilihanraya yang lepas, tak malu saya katakan. Kemenangan calon PAS ada sokongan kita, kemenangan kita ada sokongan PAS. Bila dia nak memerintah sendiri, dia mesti mendapat mandat baru daripada rakyat, itu yang kita pertikaikan.

Dan sekarang kedudukan Exco kita 4 orang, bukan kita tidak mahu keluar, cuma kita mahu supaya peraturan undang-undang berjalan. Jangan bila kita memerintah, kita ikut nafsu kita, kita nak pecat orang itu, nak pecat orang ini, undang-undang pun kita tak pakai. Di dalam undang-undang Perkara 16 (7) Perlembagaan Negeri Kelantan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar hanya boleh mencadangkan untuk memecat mana-mana Exco, terpulangnya kepada Baginda Sultan sama ada memperkenankan tindakan itu. Kalau Kebawah Duli Tuanku perkenan, boleh kita berhenti, maka hari ini juga kita akan letak jawatan. Itu sahaja. Kita nak peruntukan undang-undang dipatuhi. Janganlah bila kita pegang kuasa, kita nak pecat orang itu, pecat orang ini, sehingga peruntukan undang-undang pun kita tak pakai. Ini yang kita pertikai, bukan soal nak jawatan tapi kita nak supaya penyelesaian itu dibuat menurut undang-undang negara. Itu yang kita minta.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada masalah tentera masuk desa tadi. Saya minta Yang Berhormat Menteri supaya ada dua lagi jambatan yang telah saya majukan kepada kerajaan negeri. Sekurang-kurangnya buktikan kepada rakyat Kelantan bahawa yang mampu mentadbir dan membangunkan Kelantan ialah Barisan Nasional, bukan kerajaan PAS (*Tepuk*). Buktikan ini, saya tidak mahu berpolitik dalam soal ini, Yang Berhormat nak jemput saya pun tak apa, tak jemput pun tak apa, terus Yang Berhormat, saya ucap banyak terima kasih, teruskan program ini, benda yang baik untuk rakyat saya akan sokong seratus

peratus, Tuan Yang di-Pertua, walaupun ianya datang dari lawan kita. Itu sikap saya. Jadi, Yang Berhormat saya minta, supaya dua lagi jambatan yang tidak mampu dikendalikan oleh kerajaan Kelantan ini segerakanlah, kerana saya pun tiap-tiap minggu bila saya balik ke negeri Kelantan mendapat rungutan daripada penduduk tempatan untuk membaiki jambatan tersebut. Jadi usaha seperti ini oleh angkatan tentera dalam memperdekatkan diri dengan masyarakat setempat, dengan orang-orang kampung adalah suatu usaha yang murni dan perlu disanjung tinggi.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Penjelasan, adakah Yang Berhormat nak mencadangkan ditulis di jambatan itu 'Hanya untuk orang-orang Barisan Nasional sahaja'?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:**  
Saya harap janganlah Barisan Nasional sampai begitu sekali (*Ketawa*). Saya percaya orang UMNO tak mahu main politik, banyak projek di kawasan saya pun bukan sahaja dalam projek tentera masuk desa, jalan-jalan raya yang lain yang dibuat, janganlah nanti bila buat jalan, letak di situ. "Ini jalan Kerajaan Persekutuan", janganlah main macam itu. Itu main politik, orang panggil. Kalau buat jalan, buat, rakyat tahu, bila satu masa dia akan kenang jasa, dia akan tahu. Macam baru ini, Yang Berhormat Menteri sendiri turun ke kawasan saya, semua rakyat tahu. Bila orang tanya saya, saya kata, kita kena sokong usaha yang murni, usaha yang baik kerana kita tak mampu, janganlah bila kita tak mampu, orang buat, kita marah. Itulah yang saya katakan tadi, kita bermain nafsu, bila kita tak mampu, kita kena akui kita tak mampu, orang lain buat, kita kena berterima kasih. Jangan kita pergi marah pula, ini marah. Cara itu tak kena. Tetapi dalam apapun yang kita buat, pertamanya kena ikhlas, keikhlasan mesti ada. Saya percaya rakyat Kelantan pun jika Barisan

Nasional ikhlas tidak ada sebab mereka tidak boleh menyokong Barisan Nasional. Asalkan keikhlasan itu ada, yang kita nak ialah betul-betul berkhidmat untuk rakyat.

Lima setengah tahun mereka menderita di bawah kerajaan sekarang. Dari segi soal pembangunan Yang Berhormat sendiri tahu, kemampuan kerajaan negeri Kelantan adalah cukup-cukup terhad. Lima setengah tahun yang ada seperti yang saya perkatalkan tadi ialah window dressing. Dalam soal bidang kuasa kerajaan negeri sekalipun, soal tanah misalnya, tanah adalah bidang kuasa kerajaan negeri. Lima tahun setengah kita memerintah, bercakap sana, bercakap sini, bersyarah sana, bersyarah sini, beribu-ribu orang datang, lima tahun setengah, satu kawasan pembukaan tanah baru pun tak sempat buat lagi, asyik bermain politik, padahal tanah dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Kaji punya kaji, selidik punya selidik, Tuan Yang di-Pertua, tahun 1991 lagi, selidik, nak buka tanah, sampai sekarang tak terbuka lagi. Lima tahun setengah memerintah. (*Ketawa*) Ini soal yang begitu sedih kepada rakyat negeri Kelantan kalau kita terus bermain politik.

Tuan Yang di-Pertua, peranan angkatan tentera dalam aspek ini terutamanya di Kelantan supaya konsep 'tentera masuk desa' ini mesti diperluaskan lebih lagi, bukan sahaja di kawasan saya di Machang tetapi saya percaya di kawasan Kuala Krai, di Pasir Puteh banyak lagi. Dan kita mempunyai, kalau tak silap saya beberapa base tentera di negeri Kelantan iaitu di Batu 11, Tanah Merah, kita ada di kem Kok Lanas, kita ada di Pengkalan Chepa, banyak kem-kem tentera. Dalam suasana aman sekarang ini, perbanyakkan program-program seperti ini supaya nikmat yang akan dikecapi oleh rakyat itu merata. Kalau Yang Berhormat ingin, di tempat-tempat di mana yang perlu, misalnya saya boleh membantu dalam aspek ini, bukan soal membaiki

perkhidmatan sosial sahaja, membaiki rumah-rumah orang miskin, inipun satu peranan yang boleh dimainkan oleh angkatan tentera.

Rumah-rumah orang miskin di negeri Kelantan ini cukup banyak kerana negeri Kelantan sepertimana yang semua orang sudah tahu, salah sebuah negeri yang termiskin dalam negara. Banyak rumah orang miskin yang kita kenal pasti dan gunakan program tentera masuk desa ini untuk membantu golongan daif dan miskin ini supaya mereka dapat mengecap nikmat sama. Saya percaya kawasan di Jeli, di Gua Musang, di Machang, di Pasir Mas, banyak rumah yang miskin seperti ini yang sentiasa menadahkan tangan kepada pihak tentera dalam program tentera masuk desa ini untuk membantu mereka.

Kerana saya tahu soal keselamatan walaupun ianya penting tetapi dalam suasana negara kita yang aman sekarang, saya rasa soal keselamatan itu sudah menjadi satu agenda yang terkemudian, kerana negara kita aman sekarang ini, tidak timbul soal nak menjaga keselamatan negara sehingga tugas dan tanggungjawab, sosial kepada orang-orang kampung ini diketepikan. Sebab itu saya memohon supaya perbanyakkan program-program ini, seperti membaiki perkhidmatan sosial, jambatan yang rosak, membaiki rumah orang-orang miskin, bergotong-royong, membersihkan kampung misalnya dan perkara-perkara lain, supaya pendekatan baru angkatan tentera kita ialah masuk kampung dan memperdekatkan diri mereka dengan masyarakat. Apabila mereka berhenti nanti, mereka dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat dan terusnya boleh bersama mereka untuk menjalani suatu kehidupan yang baru.

Perkara seterusnya, saya nak bangkitkan ialah soal masa depan anggota angkatan tentera kita. Telah banyak diperkatakan oleh rakan-rakan saya tadi bahawa suatu perubahan yang amat nyata

sekarang, kebanggaan menjadi tentera sudah berkurangan sekarang jika kita bandingkan dalam tahun 60-an dahulu. Saya percaya ini ada hubung kaitnya dengan soal-soal kemudahan, perkhidmatan dan soal-soal keselamatan masa depan anggota tentera itu sendiri. Dari segi soal bantuan ataupun kemudahan-kemudahan semasa perkhidmatan, kita dapati gaji, gaji bukan sahaja daripada tentera yang telah disahkan tetapi gaji rekrut sendiri, pelatih-pelatih tentera biasa, sehingga saya difahamkan tidak sampai RM200 sebulan. Sudah tentulah apabila kita bandingkan dengan sektor lain atau peluang lain untuk mereka bekerja di kilang misalnya, peluang untuk mendapatkan pendapatan lebih adalah terletak di sektor swasta tadi. Tentulah minat mereka untuk menjadi anggota tentera agak berkurangan.

Kemudian masa depan mereka; mereka tidak mempunyai pencen. Kebanyakan mereka tidak mempunyai pencen selepas bersara, cuma mereka mendapat bayaran gratuity, bayaran secara pukal RM15,000 atau RM20,000. Inilah bekalan kepada mereka untuk memulakan suatu penghidupan yang baru. Saya percaya, sudah tiba masanya pihak kementerian mesti merencanakan suatu kursus secara komprehensif kepada bekas-bekas tentera ini supaya mereka dapat kembali kepada masyarakat dan menjalani kehidupan seharian dengan sepenuhnya. Apa yang ada sekarang ialah kursus sebelum bersara 6 bulan, kadang-kadang setahun yang tidak memberi peluang atau kesempatan kepada mereka. Suatu rangka kursus yang komprehensif mesti diberi kepada mereka dan peluang-peluang lain termasuk kemudahan modal dan sebagainya supaya mereka ini dapat menjalani kehidupan awam selepas itu.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya persatuan bekas-bekas perajurit harus memainkan peranan yang lebih. Adalah

dicadangkan supaya persatuan bekas perajurit ini boleh menubuhkan satu konsortium di kalangan mereka. Satu konsortium bekas perajurit untuk mendapat kemudahan-kemudahan daripada kerajaan secara kolektif dan kemudahan-kemudahan ini digunakan untuk membantu bekas-bekas perajurit ini menjalani kehidupan. Konsortium ini amat penting kerana kalau mereka bergerak secara individu, saya rasa beberapa kerat sahaja yang dapat nikmat dan secara individu mereka menghadapi banyak masalah tetapi kalau kesemua tenaga mereka ini dapat digabungkan di dalam suatu konsortium yang diasaskan oleh persatuan bekas perajurit ini, saya percaya lebih banyak lagi manfaat akan dapat diberi kepada mereka. Kita lihat sekarang ramai anggota tentera yang bersara tetapi masih tidak mempunyai tempat tinggal. Dengan kata lain, persiapan mereka untuk menjalani kehidupan mereka selepas mereka bersara adalah tidak dirancang dengan baik.

Baru-baru ini ada suatu usaha misalnya di Rantau Panjang, Kelantan, di buat rumah murah oleh persatuan bekas perajurit ini untuk kemudahan perajurit. Banyak lagi, saya percaya, persatuan bekas perajurit ini dengan pembentukan konsortium tadi dapat memainkan peranan untuk memperlengkapkan diri anggota tentera ini supaya selepas bersara mereka sudah mempunyai rumah yang tersusun dan baik untuk menjalani kehidupan bersama keluarga. Saya rasa, ini boleh dibuat di seluruh negara, bukan sahaja di negeri Kelantan tetapi di Terengganu, di Perak, di Pahang melalui konsortium tadi secara bersama (collective), barulah tindakan itu menjadi lebih berkesan.

Perkara lain yang saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, ialah soal pembelian kelengkapan tentera. Kita tahu sejak tahun 1990, saya percaya kerajaan telah membelanjakan berbilion ringgit untuk membeli kelengkapan tentera

termasuklah kapal terbang, alat ganti senjata tentera dan sebagainya. Dulu pada satu masa kita pernah mendengar pengakuan daripada kerajaan sendiri, kita membeli beberapa buah Skyhawk, kalau tidak silap saya, yang tersadai di padang pasir Arizona. Apa berlaku dengan kapal terbang ini? Kemudian baru-baru ini kita beli pula, kemudian jatuh dan Yang Berhormat Menteri Pertahanan sendiri membuat kenyataan bahawa ianya berkait dengan masalah spare-parts dan sebagainya. Dan baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri membuat kenyataan untuk mengatasi masalah ini mesti ada kontrak pembelian senjata secara timbal balik. Maksudnya barangkali ialah pembelian kelengkapan tentera ini mestilah ada timbal balik, maknanya bukan sahaja kita membeli tetapi kita mendapat keuntungan.

Jadi, perkara-perkara seperti ini supaya tidak membazirkan wang di masa yang akan datang, kerana alat-alat kelengkapan tentera ini memakan wang berbilion ringgit, suatu jumlah yang amat besar. Kalau perancangan secara berhati-hati, secara baik tidak dibuat sebelum pesanan dibeli, maka hasilnya alat ganti tidak ada, pembaikan memerlukan jumlah wang yang besar, terpaksa kita jual dan sebagainya. Jatuh, technical default dan sebagainya akan berlaku. Jadi, suatu perancangan teliti mesti dibuat oleh pakar-pakar tentera kita sebelum membuat satu pesanan supaya kerugian tidak berlaku atau tidak berlaku di dalam penggunaan wang yang sebegini banyak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya perkara yang saya hendak perbangkitkan ialah soal disiplin angkatan tentera. Disiplin dalam angkatan tentera seperti yang dibangkitkan oleh rakan-rakan saya tadi adalah suatu perkara yang amat penting. Kita boleh mewujudkan tentera yang baik jika disiplin mereka dapat dijaga, jika disiplin mereka pada satu tahap yang mereka ini layak menjadi anggota tentera.

Soal disiplin menjadi semakin penting kerana peranan angkatan tentera sekarang sudah berubah. Kalau dulu kita hanya menumpukan kepada musuh dalam negeri tetapi sekarang kita menghantar tentera kita ke Bosnia, kita menghantar tentera kita bersama-sama dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, di banyak tempat yang mengalami masalah keselamatan dalam dunia sekarang ini.

Peranan ini adalah suatu peranan yang baik tetapi disiplin tentera kita mesti dijaga. Dan selain daripada itu, bila kita memperkenalkan fasal 4 yang ada dalam akta ini ialah untuk memberi kuasa kepada Majlis Angkatan Tentera untuk sementara waktu menempatkan tentera kita dalam angkatan tentera lain, misal angkatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, bersama-sama dengan Briged Bangsa-bangsa Bersatu di Bosnia misalannya. Ini memerlukan disiplin yang tinggi. Bukan sahaja soal disiplin tetapi soal masa depan mereka, keselamatan mereka, keselamatan keluarga mereka perlu diambil kira. Bagaimana kalau mereka terbunuh misalannya? Apa bantuan-bantuan ataupun pembelaan-pembelaan yang boleh diberi oleh pihak kementerian kepada balu-balunya mereka, anak-anak yatim dan sebagainya yang akan menerima kesan daripada tanggungjawab untuk berkorban kepada negara dan menjaga keamanan sejagat tadi?

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya mengalu-alukan pengenalan fasal 4 yang memberi kuasa kepada Majlis Angkatan Tentera untuk menempatkan tentera kita kepada mana-mana pertubuhan buat sementara waktu dan dalam konteks ini seperti yang saya katakan tadi, soal disiplin adalah amat penting. Kita tidak mahu apabila mereka berkhidmat di luar negara berlaku macam suatu insiden di Jepun misalannya, bagaimana anggota tentera sebuah negara telah melakukan jenayah kepada rakyat tempatan yang membangkitkan perasaan



marah orang tempatan dan sebagainya. Ini tidak boleh diketepikan dan kita tidak boleh berkompromi dalam soal ini. Sebab itu, disiplin angkatan tentera mesti kita jaga.

Keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya rang undang-undang ini, ianya akan mewujudkan suatu imej baru kepada keseluruhan angkatan tentera kita dan dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua: Bagan.**

**5.37 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng (Bagan):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang mengambil bahagian perbincangan Rang Undang-undang Akta Angkatan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, tugas mempertahankan negara kita adalah tanggungjawab rakyat jelata sekalian dan dalam hal angkatan tentera ini saya nampak kebanyakan anggota tentera ini terdiri dari kaum bumiputera dan kaum bukan bumiputera sangat kurang sekali dan bukan saya pertikaikan bahawa kerajaan tidak berminat untuk merekrut kaum bukan bumiputera tetapi ada beberapa sebab mengapa kaum bukan bumiputera tidak berminat memasuki angkatan tentera. Saya nampak juga ada kaum bumiputera yang memasuki angkatan tentera ini terdiri dari golongan profesional seperti doktor, doktor gigi dan juga jurutera. Dan saya nampak sungguh aneh juga, sebab mengikut apa yang saya tahu seseorang pemohon jikalau hendak memasuki angkatan tentera, beliau tidak boleh memakai cermin mata. Tetapi apabila saya nampak ada seorang dua, mungkin orang Cinakah, orang Indiakah, beliau memakai cermin mata dan saya tanya kepada beliau mengapa beliau layak masuk ke angkatan tentera dan beliau kata, saya adalah seorang doktor atau seorang doktor

gigi atau seorang jurutera. Jadi, oleh kerana mereka ada kelayakan, mereka diambil untuk berkhidmat di dalam angkatan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kerajaan, sama ada kerajaan ada mengkaji masalah-masalah mengapa ada kekurangan kaum bumiputera yang tidak berminat untuk menyertai angkatan tentera ini. Saya fikir ini mempunyai beberapa sebab, kerana di dalam fikiran saya, misalnya kaum Cina, mereka selalu mengatakan "hou tek pu ta ting, hou nan pau tang peng" bermakna jikalau besi yang baik dia tidak mahu jadi paku - besi yang baik tidak mahu jadi paku. Anak lelaki yang baik dia tidak mahu menjadi askar - inilah maknanya, pepatah Mandarin ini bukan wujud sekarang sahaja, ia sudah lama wujud dan ini adalah sikap dan satu fikiran yang begitu sempit di kalangan kaum bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri ada pengalaman dalam hal ini. Pada mulanya apabila saya tamat dari sekolah menengah, cita-cita saya ialah hendak menjadi seorang inspektor polis, tetapi dengan kelayakan saya ini, saya tidak diterima oleh pasukan polis dan saya tidak putus asa.

Saya kata kalau saya tidak boleh menjadi seorang inspektor polis, macam mana kalau saya memohon sebagai seorang konstabel polis. Tetapi konstabel pun saya tidak diterima dan saya masih ingat pada masa itu ialah tahun 1970, pada masa Zaman Khan, mungkin sekarang dia sudah 'Dato', dia berada di Butterworth sebagai seorang OCPD dan beliau adalah orang yang bertanggungjawab untuk menemuduga sama ada hendak memanggil saya atau tidak dan saya tidak diterima, pada masa itu dengan kelulusan Cambridge atau SPM dengan lulus Bahasa Melayu bukan Bahasa Kebangsaan - Bahasa Melayu. Saya tidak diambil menjadi seorang polis konstabel.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya kasihan sangat ahli ini dia hendak masuk polis, adakah Yang Berhormat menjadi anggota Polis Simpanan Sukarela (Police Volunteer Reserve)?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya tamat sekolah pada tahun 1967 dan saya bekerja selama satu atau dua tahun. Saya berminat untuk menyertai pasukan bersenjata, tetapi saya tidak diambil. Pada satu masa saya nampak iklan dalam surat khabar, mereka memerlukan rekrut untuk cadet officer, dengan izin, saya pun turut memohon. Saya telah dipanggil untuk temuduga dan saya tinggal di Port Dickson selama satu minggu untuk menjalani berbagai-bagai ujian - ujian fizikal, peperiksaan medical dan optical test - semua saya telah jalani dan dalam ujian itu, ingatan saya sangat jelas, di dalam ujian untuk pengambilan cadet officer ini kami diarah untuk 'telanjang' dan dipaksa untuk batuk. Mereka ada tujuannya, mereka akan tengok bila kamu batuk apa akan terjadi, itu pun sebahagian daripada ujian, saya tidak akan menerangkan lagi.

Selepas temuduga di Port Dickson selama satu minggu itu ada seorang pegawai, beliau sangat baik hati, beliau kata "Saya nampak kamu sangat cenderung dalam pasukan tentera ini, mengapa tidak mahu memohon untuk menjadi pilot?" Saya cakap "saya tidak tahulah, saya ikut iklan dalam surat khabar saya pun terus masuk sahaja, saya tidak fikir sama ada mahu jadi pilotkah, mahu jadi Tentera Udara, Tentera Laut atau Tentera Darat" dan beliau kata "Saya beri peluang kepada kamu untuk diuji sebagai seorang

pilot", tetapi secara kebetulannya saya gagal. Saya gagal dalam ujian objective test itu. Jadi, beliau kata "Tidak apa, boleh masuk Tentera Darat".

Selepas satu minggu temuduga di sana, saya dibawa dengan kereta tentera pergi ke Jalan Ampang, di mana satu kem ada di sana, apabila saya lalu di sana saya masih ingat kem itu masih ada lagi. Saya telah tinggal satu malam di sana dan keesokan harinya saya dipanggil ke Mindef, pada masa itu dikatakan Mindef (Ministry of Defence) untuk temuduga dan beberapa orang pegawai yang berpangkat tinggi, ada palang, ada paku, ada crown - semua ada, mereka duduk di sana dan saya seorang sahaja. Mereka tanya "mengapa kamu mahu menyertai pasukan tentera?" Saya pun cakaplah "apa tujuan saya, apa minat saya dan apa cita-cita saya". Selepas ditanya banyak soalan mereka memanggil saya "Kamu boleh balik dan tunggu surat jawapan". Dalam satu minggu sahaja saya mendapat surat jawapan memanggil saya untuk melaporkan diri bagi dilatih, saya sangat gembira Tuan Yang di-Pertua, kerana saya telah berjaya dalam ujian ini dan saya boleh menjadi seorang cadet officer.

Apabila saya memberitahu berita ini kepada bapa saya, bapa saya sangat marah, beliau kata "Mengapa mahu menjadi askar? Takkan kamu tidak boleh hidup, tidak boleh cari makan kalau tidak jadi askar?" Saya pun tidak boleh buat apalah pada masa itu saya baru berumur hampir 20 tahun dan saya tidak boleh membuat keputusan sendiri seperti saya sekarang dan saya kena patuh apa yang bapa saya kata. Jadi, inilah adalah satu sikap, satu fikiran di mana keturunan kaum Cina pada masa itu, 26 tahun yang lepas, mereka tidak mahu anak-anak mereka menjadi askar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kem di Port Dickson itu saya pun pernah bertemu beberapa orang tentera. Sebab selepas pukul 6.00 petang semua askar atau sesiapa

dalam kem itu mereka dipanggil untuk memakai baju yang kemas, lengan panjang dengan neck tie pergi ke sarjan mes atau mana-mana untuk membeli minuman dan sebagainya. Saya temui ada 2-3 orang Cina, saya ingat mereka berpangkat kopral atau sarjan sahajalah, mereka datang menghampiri saya. Dia tanya "Mengapa kamu datang ke sini?". Saya kata "Saya berminat untuk memohon masuk ke pasukan tentera". Dia tanya lagi "Apa pekerjaan bapa kamu?" Saya kata "Bapa saya seorang peniaga" "Habis, mengapa kamu tidak mahu ikut bapa, hendak masuk tentera?" Saya cakap "Saya minat dan saya bercita-cita hendak menjadi tentera". "Jangan, saya nasihatkan kamu, balikhlah ke kampung ikut bapa cari makan, jangan datang ke sini masuk tentera, kami ini sudah berumur 45 tahun, tidak boleh buat apa, kami sudah 20 tahun dalam tentera, tidak boleh buat apa, kalau sekarang saya boleh keluar, saya pun mahu keluar". Mereka menasihatkan saya, tetapi nasihat itupun saya tidak ambil berat, kerana saya berminat. Oleh itu, saya ingin mengatakan di sini.....

**Dato' Yap Pian Hon:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, ya.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat dari Bagan untuk memberi penjelasan, walaupun beliau telah diterima akan dijadikan askar, tetapi ditolak oleh bapanya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia diterima, tetapi bapanya tidak beri.

**Dato' Yap Pian Hon:** Ya, itulah bapa tidak beri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Yap Pian Hon:** Kalau anak Yang Berhormat berminat untuk menjadi askar,

adakah Yang Berhormat akan benarkan anaknya menyertai pasukan tersebut?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. (*Ketawa*)

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak berapa faham dengan apa yang dia kata itu! (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, jikalau anak Yang Berhormat hendak jadi askar, hendak benar atau tidak? Itu sahaja.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya tidak pernah jadi askar, sebab saya telah berjaya .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Anaknya, jikalau anak Yang Berhormat hendak jadi askar?

**Tuan Lim Hock Seng:** Itu tak berapa pentinglah! (*Ketawa*) Apa yang penting saya akan perkatakan di sini, sebab anak saya, ya, sekarang saya tangkap maksudnya, anak saya masih bersekolah lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah, soalnya 'jikalau'?

**Tuan Lim Hock Seng:** Jikalau anak saya berminat untuk menjadi askar, saya akan menggalakkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh!

**Tuan Lim Hock Seng:** Sebenarnya, saya telah menggalakkan anak lelaki saya supaya pergi berlatih di 'flying school', di Bayan Lepas dimana mungkin yurannya RM20,000 ke RM30,000 untuk mendapat satu 'flying license' sahajalah. Dan lepas itu mungkin boleh melanjutkan apa-apa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, persoalan saya di sini, saya bukan menyalahkan kerajaan mengapa tidak mahu merekrut orang bukan Melayu masuk ke tentera,

sama-sama kena menanggung kesilapan ini atau salahfahaman ini. Dan di sini saya agak, kerajaan atau pihak tentera boleh mengambil inisiatif ini jikalau berminat hendak merekrutkan lebih lagi anak-anak bukan bumiputera masuk ke tentera, melalui iklan, melalui keterangan di dalam radio dan TV, mengatitkan ceramah untuk anak-anak Cina baik, Hindu baik.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu masa saya masih ingat pada tahun 1988 semasa saya menjadi ADUN di kawasan saya dan satu recruitment telah diadakan di Vocational School Teluk Air Tawar. Saya mengambil kesempatan ini saya pergi melawat di sana, saya mahu tahu berapa bilangan anak kaum bukan bumiputera telah pergi ke sana untuk memohon menjadi rekrut. Saya pergi ke sana, saya nampak ada enam orang budak Cina dan mereka ini pakat satu group. Saya pergi dekat mereka saya tanya: "Apa fasal datang ke sini?" Dia kata: "Saya mahu minta jadi askar". Saya cakap: "Apa kelulusan?" Dia cakap: "Saya sudah failed LCE." Keenam-enam orang ini dia failed LCE, jadi, dia mahu jadi askar. Dan saya cakap: "Baik, saya cuba tolong tengok enam-enam orang ini semua boleh masuk ke askar." Dan saya bercakap dengan seorang pegawai di sana, saya cakap: "Enam-enam orang anak Cina ini mereka berminat masuk ke pasukan tentera, tolong mereka jikalau boleh!" Pegawai itu baik, dia cakap: "Baiklah, saya cuba menolong mereka masuk." Akhir-akhirnya hanya dua orang sahaja berjaya untuk memasuki angkatan tentera ini dan empat orang lagi tidak berjaya. Saya tidak tahu sebab-sebabnya dan lepas itu, saya pun tanya kepada dua orang yang berjaya itu selepas itu, saya kata: "Sudah dua orang sudah pass mahu pergi atau tidak mahu?" Dia cakap: "Tak mahulah, mahu pun sekali enam orang sekali pergi, semua kawan baik." (*Ketawa*) Jadi, kedua-dua orang itu pun tidak ada peluang menjadi askar.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini adalah kesilapan fikiran kerana kekurangan publisiti, kekurangan penjelasan. Ini mengakibatkan anak-anak bukan bumiputera ini kurang dalam angkatan tentera dan negara jiran kita Singapura, mereka juga datang ke Malaysia ini untuk rekrut anggota pasukan tentera dan polis. Saya ada seorang relatif, dia pergi Singapura menjadi anggota pasukan tentera dan Kerajaan Singapura terus beri dia kerakyatan Singapura dan dia terima sampai tahap itu, bila menjadi seorang anggota pasukan tentera boleh diberi kerakyatan Singapura, mereka buat. Jadi, saya tak tahulah kalau kerajaan betul-betul jujur, betul-betul berminat untuk mengambil lebih banyak lagi kaum bukan bumiputera, langkah-langkah, keterangan-keterangan, publisiti baik dari segi mana pun perlu dibuat supaya menggalakkan lebih ramai lagi budak-budak yang bukan bumiputera ini menyertai pasukan tentera ini.

Dengan ini, saya ingatlah pasukan tentera Malaysia boleh dinampak sebagai satu multiracial, satu pasukan yang berbilang bangsa dan bukan kepada ingatan orang ramai, pasukan tentera Malaysia baik Tentera Laut, Tentera Udara atau Tentera Darat, semua orang Melayu sahaja, bukan saya pertikaikan, bukan di sini kita membincangkan soalan politikkah - tidak! Ini adalah ingatan jujur saya dan dengan ini terima kasih sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat boleh bukukan apa Yang Berhormat kata dalam tulisan Cina, cukup baik itu. Ya, Sri Gading.

5.57 ptg.

**Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada angkatan tentera yang telah menjalankan tugas yang begitu cemerlang mempertahankan negara dari angkara musuh sama ada dari dalam mahupun dari luar. Dan kesempatan ini juga, saya ucapkan tahniah kepada angkatan tentera yang akan menyambut Hari Pahlawan pada hari esok 31hb Julai, 1996.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan betapa prihatinnya seluruh masyarakat negara ini yang memberi penghormatan kepada seluruh angkatan tentera sehingga diwujudkan satu hari yang dinamakan Hari Pahlawan. Penghormatan seperti ini memang wajar, demi mengenang jasa bakti mereka yang sangat mulia kerana kadangkala angkatan tentera ini rela dan sanggup mengenyepikan segala nikmat hidup sama ada zahir ataupun batin terutama sekali bagi mereka yang ditugaskan di luar negara yang terpaksa berpisah dengan anak isteri dan keluarga dalam masa-masa yang tertentu demi mempertahankan maruah negara dan menjamin kesejahteraan hidup kita semua.

Atas segala pengorbanan tersebut, maka sudah sewajarnya angkatan tentera diberikan perhatian yang lebih berat dan lebih bererti dan lebih sempurna lagi supaya mereka lebih bersemangat dan akan terus mempertingkatkan iltizam dan kewaspadaan di dalam menjalankan tugas mereka.

Saya yakin dan percaya bahawa semua rakyat Malaysia yang waras fikirannya, sentiasa bersama-sama mereka sama ada dari segi semangat mahupun doa serta harapan.

Tuan Yang di-Pertua, memberikan semangat, memberikan penghargaan dan doa sahaja belum cukup bagi kita menghargai dan mengenang jasa angkatan tentera, untuk itu, saya menyokong di atas pendapat beberapa orang rakan-rakan

saya tadi yang telah mengatakan bahawa supaya kemudahan-kemudahan seperti perumahan, gaji, elaun angkatan tentera, peralatan kententeraan yang mereka gunakan sentiasa diambil perhatian berat oleh kerajaan. Peristiwa kapal terbang terhempas, alat-alat yang kurang canggih perlu diambil berat oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa bulan yang lalu, kami beberapa orang Ahli-ahli Parlimen telah dijemput untuk sama-sama menyaksikan Projek Bakun. Kami telah naik helikopter daripada Miri ke Bakun dengan tiga buah helikopter Nuri. Tetapi, masa kami pulang dari Bakun, daripada tiga buah helikopter itu hanya dua buah sahaja yang boleh naik ke atas dan sebuah lagi berasap dan terus mendap ke bawah, nasib baiklah. Santubong ketawa sebab dia sama-sama dalam rombongan tersebut. Sekarang boleh ketawalah, hari itu 'pucat'. Nasib baiklah perkara itu berlaku, helikopter itu belum naik ke atas lagi. Kalau sudah naik ke atas tak tahu apa yang terjadi, mungkin kemalangan, mungkin meragut jiwa ramai daripada kalangan Ahli-ahli Parlimen yang turut serta dalam rombongan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada pilihan raya kecil pula. (*Ketawa*)

**Tuan Hamzah bin Ramli:** Ya, itulah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, sepatutnya peristiwa-peristiwa yang seperti ini tidak berlaku.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian dan kerajaan, adakah helikopter Nuri ini betul-betul boleh dipakai lagi atau tidak? Kalau sudah tidak boleh dipakai, tidak payahlah digunakan sebab masalah duit, wang ringgit, itu boleh dicari, tetapi masalah jiwa raga atau nyawa tidak ada nilai gantinya.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, perhatian yang lebih berat dari seluruh anggota masyarakat perlu diberikan

kepada anggota tentera sempena Hari Pahlawan pada hari esok. Sumbangan material seperti menghulurkan derma, bantuan serta pembelaan yang lebih bererti dalam apa jua bentuk bantuan, terutama kepada balu-balu, anak-anak serta keluarga perajurit yang telah gugur dalam mempertahankan negara. Anggota tentera yang cedera dan cacat perlulah diberikan bantuan dan perhatian yang lebih bermakna. Kepada pihak swasta dan mana-mana organisasi yang berkemampuan pula hendaklah memberi kemudahan dan membuka pintu yang seluas-luasnya kepada bekas-bekas anggota tentera bagi membolehkan mereka terus menjalani kehidupan yang lebih selesa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya perhatian yang lebih berat daripada kerajaan dan dari masyarakat terhadap anggota tentera, saya yakin dan percaya anggota tentera terasa dihargai dan makin mendalam semangat keperwiraan mereka dan mudah-mudahan ini menjadi dorongan dan semangat kepada anak-anak muda, kepada semua golongan bangsa, tidak kira Cina, Melayu, India dan lain-lain untuk menyertai anggota tentera.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memperlengkapkan anggota-anggota tentera dengan senjata-senjata yang lebih canggih, semangat, ketahanan jiwa, moral serta keimanan anggota tentera perlu dipertingkatkan. KAGAT (Kor Agama Angkatan Tentera) perlu ditambahkan bilangannya lagi dan peranan guru agama sebagai penasihat agama kepada anggota tentera perlu benar-benar dihormati tanpa memilih pangkat dan kedudukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu bahawa ada aduan, kalau nasihat daripada KAGAT yang rendah pangkatnya, tidak dipedulikan oleh orang-orang yang lebih tinggi pangkatnya. Walaupun teguran-teguran itu memang betul mengenai perkara-perkara yang bertentangan dengan agama, tetapi tidak dipedulikan.

Tuan Yang di-Pertua, kekuatan semangat, azam, keikhlasan dan kekuatan iman adalah amat penting di dalam menentukan kejayaan anggota tentera. Sejarah telah membuktikan bagaimana pasukan tentera Islam yang dipimpin oleh Rasullullah s.a.w. di dalam peperangan Badar al-Kubra yang bilangannya kecil telah berjaya mengalahkan golongan musuh yang lebih besar dan lebih lengkap kelengkapan senjata mereka dengan izin Allah, kerana kekuatan iman dan semangat serta penuh keikhlasan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini negara kita dalam keadaan aman, makmur dan saya menyokong di atas pendapat beberapa orang rakan saya tadi bahawa khidmat bakti sukarela tentera membantu masyarakat dalam program "Tentera Masuk Desa" bagi membantu orang-orang kampung membuat jalan, jambatan dan lain-lain lagi perlulah diperluaskan dan diperbanyakkan lagi, kerana dengan ini, mudah-mudahan akan memberikan satu dorongan dan semangat untuk hubungan yang lebih baik di antara golongan angkatan tentera dan masyarakat dan kalau sekiranya anak-anak muda selalu bergaul dan melihat kerja-kerja bakti yang dilakukan oleh anggota tentera ini di kampung-kampung, ini juga boleh menjadikan satu dorongan yang baik bagi anak-anak muda kita untuk menyertai angkatan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, walaupun banyak lagi perkara yang hendak saya perkatakan, saya kasihan, Menteri Pertahanan kita sudah lama menunggu. Jadi, setakat ini sahajalah. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.50 ptg.

**Menteri Pertahanan (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan

Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Kuala Pilah, Kota Melaka, Machang, Tanjong Karang, Sri Gading dan Sipitang yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan Akta Angkatan Tentera (pindaan) ini. Saya ingin memberi jawapan kepada persoalan-persoalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang secara umumnya, Kubang Kerian mengatakan bahawa kurang minat anak-anak muda untuk memasuki angkatan tentera dan ATM (Angkatan Tentera) ini adalah pilihan yang terakhir.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, ingin saya mengatakan kepada Yang Berhormat Kubang Kerian, walaupun beliau bercakap tadi tidak mahu mempolitikkan soal pertahanan, tetapi banyak perkara yang beliau sentuh adalah perkara-perkara yang menunjukkan sikap politik beliau sendiri dan oleh itu saya berharap Yang Berhormat betul-betul mengamalkan apa yang beliau sarankan.

Kurang minat, memang menjadi masalah tetapi masalahnya tidak runcing lagi dan belum menjadi satu perkara yang boleh menjejaskan pertahanan negara dan kita akan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi masalah ini, oleh kerana keadaan ekonomi dan pilihan mereka untuk menyertai bidang swasta begitu meluas, maka anak-anak muda lebih cenderung untuk memasuki bidang swasta ataupun di dalam kerja-kerja yang mendatangkan pendapatan yang lebih.

Segala pandangan dan perhatian yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap isu kurang minat ini akan diambil tindakan sewajarnya dan kajian mendalam bagi menarik minat anak-anak muda untuk memasuki angkatan tentera akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan gaji angkatan tentera yang tidak menarik, ingin

saya jelaskan di sini, bahawa kerajaan sentiasa mengkaji sistem saraan angkatan tentera untuk menjadikannya lebih. Walaupun secara umumnya, skim gaji ATM adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip Saraan Perkhidmatan Awam, insentif military ataupun military factor, dengan izin, telah pun diambil kira dalam menentukan gaji angkatan tentera Malaysia. Di samping itu, banyak elauan dan kemudahan telah diwujudkan khas untuk ATM dengan mengambil keanehan, ataupun dengan izin, peculiarities yang wujud di dalam perkhidmatan tentera.

Berkenaan perkara yang disebutkan terhadap kempen untuk menggalakkan anak-anak muda untuk menyertai angkatan tentera, KEMANTAN akan mengadakan kempen-kempen publisiti secara berterusan untuk menanam semangat patriotisme di kalangan remaja supaya tampil menyertai Angkatan Tentera Malaysia. Kempen-kempen juga akan diadakan dalam media massa bagi menonjolkan ATM sebagai satu career option yang menarik. Ini termasuk juga penuntut-penuntut universiti melalui Program Pelapes dan Skim Pengajian Tinggi ATM.

Di sini ingin saya jelas, kalau Yang Berhormat dari Kubang Kerian mengikuti akhbar, beliau akan sedar bahawa Utusan Melayu ada mempunyai ruang untuk pasukan keselamatan tiap-tiap minggu, sama ada angkatan tentera dan juga polis yang menunjukkan kegiatan dan menunjukkan perkara-perkara yang dilaksanakan oleh angkatan tentera ataupun pihak polis. Jadi, saya percaya Yang Berhormat mungkin kurang membaca surat khabar. Yang Berhormat Kubang Kerian tidak baca surat khabar sangat dan dia baca surat khabar untuk mencari kesalahan orang sahaja. Jadi, saya berharap Yang Berhormat akan tengok bahawa ada publisiti. Jikalau Menteri yang kurang publisiti itu tidak bermakna angkatan tentera tidak

mempunyai publisiti, yang pentingnya ialah kita menonjolkan segala pengorbanan dan khidmat bakti yang diberikan oleh angkatan tentera kita kepada masyarakat dan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga bercakap berkenaan dengan Royal Singapore Airforce ataupun Angkatan Tentera Singapura. Saya ingin jelaskan di sini bahawa ada pendapat yang mengatakan bahawa Angkatan Tentera Udara Singapura boleh menggunakan mana-mana ruang udara Malaysia. Ini adalah tidak benar, ruang udara Malaysia hanya boleh digunakan di dalam tahap-tahap yang telah ditetapkan dan ditentukan dan saya berharap bahawa kita tidak menjadikan isu ini sebagai satu isu mudah kerana kerajaan memandang serius tentang apa juga pencerobohan. Kalau pencerobohan berlaku ia dianggap sebagai satu pencabulan dan ini boleh membangkitkan persengketaan yang boleh menjejaskan keamanan di rantau kita ataupun di antara kedua negara yang menjadi jiran baik.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Kubang Kerian dan Dewan yang mulia ini, buat masa ini kita tidak dapat cara terperinci mengesan yang kapal terbang Tentera Udara Singapura terbang menceroboh ruang udara kita. Tetapi kita dapat kesan bahawa Tentera Udara Singapura terbang rendah. Ini mungkin perkara yang telah membangkitkan persoalan oleh orang-orang tempatan. Kerajaan akan mengambil langkah yang perlu, oleh kerana persoalannya bukan lagi soal pencerobohan, tetapi persoalannya kesejahteraan rakyat jelata setempat dan segala pencemaran dan kebisingan yang telah berlaku disebabkan oleh Tentera Udara Singapura menggunakan ruang udara yang dibenarkan di masa-masa yang mereka anggap sesuai. Oleh itu, kita akan melihat semula segala perkara yang melibatkan kedudukan penggunaan ruang udara

dengan jiran kita, dan perkara ini akan dibawa ke....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sekadar ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Dua-tiga hari yang lalu ada dilaporkan dalam akhbar bahawa pihak kerajaan mungkin akan merundingkan semula masalah persoalan ruang udara antara Singapura dan Malaysia untuk menghindarkan masalah tuduhan dan dakwaan pencerobohan ruang udara oleh pihak Singapura. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan sedikit mengenai hal itu?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya mengatakan dari segi buat masa ini kita tidak dapat memastikan secara jelas ada pencerobohan. Tetapi yang dapat dipastikan mengikut bacaan, sama ada melalui radar ataupun pemerhatian kita, adalah kapal terbang Singapura telah terbang rendah dan sekarang rungutan orang ramai adalah berkenaan dengan soal bising dan mendatangkan kesusahan kepada keluarga, dan masa-masa yang mereka terbang adalah masa yang tidak sesuai. Oleh itu, saya telah mengarahkan Kementerian Pertahanan untuk membuat kajian supaya kita boleh menjelaskan lagi beberapa peruntukan di dalam perjanjian itu untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan, dan selepas itu kita kena berbincang balik dengan pihak Singapura untuk memberikan pandangan kita yang lebih jelas lagi terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Biar saya memberikan penjelasan bahawa kerajaan akan sentiasa



mementingkan kepentingan rakyat jelata. Soal kita malu alah atau kita takut kepada mana-mana negara ataupun pertahanan kita terbuka tanpa diambil kira terhadap kepentingan strategi negara tidak akan berlaku. Tentera kita, sama ada udara, darat ataupun laut mempunyai keupayaan untuk menjaga dan mengawal keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga membangkitkan isu Kem Majidee. Yang Berhormat telah membangkitkan isu ini, saya fikir Yang Berhormat banyak cuba mengadudombakan bawa isu politik. Tak usah masuklah soal politik UMNO. Yang Berhormat kalau hendak masuk politik UMNO, Yang Berhormat boleh jadi ahli UMNO kalau kita terima. Tetapi lebih baik Yang Berhormat menumpukan dalam soal-soal keupayaan PAS untuk memerintah negeri Kelantan dan 'style' nya untuk memerintah. (*Tepuk*)

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa tidak ada percanggahan di antara mana-mana pihak, sama ada Timbalan Perdana Menteri ataupun Kementerian Pertahanan. Apa juga keputusan yang kita laksanakan terhadap mengalih atau memindahkan kem-kem tentera, ianya hanya dilakukan setelah mengambil kira kepentingan strategi dan aspek-aspek pertahanan negara. Kalau ianya didapati tidak menjejaskan kepentingan strategik dan pertahanan negara, ianya akan dilaksanakan mengikut kepentingan semasa setelah kajian dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi dan Unit Perancang Ekonomi akan membentangnya kepada Kabinet, dan Kabinet meluluskannya. Oleh itu, persoalan ini dibuat secara objektif dan ia diambil segala kerasionalannya untuk menentukan kepentingan tentera atau pertahanan negara tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan rasional pemindahan Pusat Latihan TLDM.....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
(*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah Kementerian Pertahanan dapat pampasan, kerana kem itu begitu lama kepunyaan Kementerian Pertahanan. Adakah pihak pemaju perumahan memberi pampasan kepada pihak Kementerian Pertahanan yang memiliki tanah tersebut?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam Kem Majidee, ada persoalan yang telah timbul, di mana satu pihak mengatakan kem tentera mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan adalah hak Persekutuan oleh kerana digunakan untuk tujuan Persekutuan. Pihak Kerajaan Johor pula beranggapan bahawa tanah itu masih lagi tanah Kerajaan Johor. Jadi, soal pampasan buat masa ini belum dapat lagi diputuskan. Walau bagaimanapun, di dalam soal pampasan ini selalunya apa yang dilakukan mengikut proses penswastan dijalankan penilaian, dan apa juga penilaian yang diputuskan oleh Jabatan Penilaian akan digunakan untuk menentukan pampasan, dan selalunya wang yang kita dapat hasil daripada itu akan digunakan untuk membina kem lain ataupun projek-projek lain bagi tujuan Angkatan Tentera Malaysia. Jadi, soal itu adalah soal di antara dua agensi yang akan diputuskan pada masa yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan rasional pemindahan Pusat Latihan TLDM di Woodland, sebagaimana kita sedia maklum di Woodland kita ada dua. Satu, dahulu tempat itu adalah base TLDM dan satu lagi adalah Pusat Rekrut TLDM. Kita telah pun memindahkan base kita ke Lumut sebagai yang telah dilakukan beberapa tahun yang lalu. Yang tinggal sekarang ialah Pusat Rekrut TLDM. Daripada penyewaan yang dikenakan

nominal telah hendak dinaikkan kepada sebanyak lebih daripada RM10 juta yang kita anggap tidak sejajar dengan keperluan kita. Angkatan Tentera mempunyai tanah yang berhampiran dengan Singapura, iaitu di Tanjong Pengelih, di Pengerang yang berdekatan dengan Changi dan berhadapan dengan kedudukan Singapura di mana perairannya yang baik boleh digunakan. Itu adalah hak kita, maka kita memutuskan, lebih ekonomik, lebih munasabah untuk kita memindahkan pusat rekrut itu ke Tanjong Pengelih. Insya-Allah, kita akan dapat berpindah, saya fikir pada tahun hadapan. Ini akan meringankan bebanan perbelanjaan kerajaan terhadap pusat rekrut angkatan tentera yang berada di Woodland sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Pilah telah membangkitkan berkenaan kementerian harus mengenal pasti anggota yang sesuai untuk menjadi pemimpin terutama ke arah menerajui jawatan Panglima Angkatan Tentera. Kementerian Pertahanan memang mengamalkan perancangan seperti ini, dan pegawai-pegawai ATM mempunyai ciri-ciri tertentu, termasuk soal kualiti kepimpinan, kebolehan dan berkelayakan tinggi adalah dikenal pasti di peringkat awal untuk menentukan 'smooth transitional leadership', dengan izin, apabila persaraan berlaku di kalangan pegawai-pegawai tentera. Sebenarnya dari segi 'transition' atau peralihan jawatan angkatan tentera tidak menghadapi masalah oleh kerana perancangan untuk melatih 'second' dan 'third excellent', dengan izin, dilakukan dengan cara baik dan terancang.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan juruterbang, ingin saya menjelaskan bahawa kerajaan telah mewujudkan elaun penerbangan yang tinggi untuk menggalakkan orang awam supaya menyertai ATM sebagai juruterbang TUDM selain daripada memastikan

juruterbang TUDM terus berkhidmat di dalam ATM. Di samping itu, mereka adalah diikat oleh peraturan-peraturan supaya mereka berkhidmat sehingga sampai umur persaraan, dan pengecualian hanya diberi dalam kes-kes tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan. Ingin saya jelaskan, ini sedang diusahakan. Kita sedang membina lebih banyak rumah di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak lebih kurang 8,000 unit dan lagi rumah pelbagai kelas akan dibina dengan peruntukan lebih kurang RM670 juta. Berdasarkan program pembinaan ini, Kementerian Pertahanan akan dapat menyelesaikan lebih daripada 95% daripada keperluan perumahan ATM.

Dari segi elaun perjalanan, kadar seharian telah ditetapkan pada tahun 1980 dan sedang dikaji semula oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pasukan komando, sumbangan pasukan komando ATM yang terdiri dari Rejimen Gerak Khas dan Pasukan Khas Laut (PASKAL) adalah sentiasa diingat dan elaun-elaun mereka diberikan perhatian dan ini diwujudkan bagi tujuan untuk mengambil kira perkhidmatan yang istimewa yang mereka lakukan dan baru-baru ini kita telah mengkaji semula dan dinaikkan beberapa elaun khas.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Sipitang.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bagaimanakah sambutan orang awam terhadap menyertai pasukan komando ini? Begitu juga dengan angkatan tentera yang lain. Kalau masa dulu, mereka yang memasuki angkatan tentera ini sebagai satu khidmat yang prestigious,

dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di mana kalau mereka beruniform segak, menjadi rebutan anak dara, dululah. Jadi, kalau ayah ataupun ibu perempuan itu dia kata, kahwin dengan askar jadi satu kebanggaan. Tetapi sejak akhir-akhir ini karier ini menjadi kurang baik dari segi komando ataupun jawatan biasa. Apakah Kementerian buat kajian, di manakah kesilapannya? Apakah ia berpunca daripada uniform yang kurang kemas ataupun kurang segak, yang mungkin Kementerian menukar uniform yang warnanya lebih menarik daripada hijau kepada kelabu dan sebagainya ataupun mungkinkah juga disiplin angkatan tentera ini yang menurun yang mana penghormatan di antara pegawai atasan dengan pegawai bawahan tidak ada ataupun sesama mereka? Kalau dulu bila Kapten berjalan, semua Prebet akan segak ataupun bawahan tetapi sekarang saya lihat angkat tangan pun tidak. Jadi, apakah ini salah satu sebab yang menjadi punca jawatan-jawatan dalam tentera ini tidak menjadi jawatan yang prestigious, yang perlu dikaji ataupun diberi pembedaan.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh daripada kelabu saya tukarkan ke merah untuk menarik minat dan perhatian mungkin lebih ketara dan lebih nyata lagi dapat dilihat. Tetapi ingin saya katakan sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa sebenarnya banyak kata-kata yang tidak menarik, kebanyakan kalau dulu ia menjadi minat anak-anak dara, saya fikir dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, over 90% of our angkatan tentera kebanyakannya berkahwin. Jadi, maknanya mereka masih lagi segak, tampan (*Ketawa*) dan saya fikir jangan kita beri gambaran setelah mereka berkhidmat dengan begitu baik sekali di luar negara seolah-olah mereka ini tidak diendahkan. Tetapi perhubungan yang saya tahu dan saya lihat sendiri oleh kerana saya turun ke bawah, saya lihat perhubungan di antara pangkat tinggi dan lain-lain pangkat amatlah baik dan ada kesatuan di antara mereka. Mungkin

ada satu dua yang dianggap sebagai 'kambing hitam' tetapi ini berlaku di mana-mana juga jabatan ataupun perkhidmatan.

Berkenaan kajian, daripada kajian yang telah kita buat, kita dapati bahawa sekarang bila orang mempunyai pilihan (alternative) kepada jawatan-jawatan yang lebih mudah, yang lebih menarik, yang mendatangkan pulangan yang lebih menarik, gaji dan ganjaran yang lebih baik, mereka memilih untuk memasuki bidang ini dan ini berlaku untuk anggota polis, untuk perkhidmatan awam yang lain juga. Jadi, ini adalah satu fenomena yang perlu kita sama-sama lihat untuk mengatasinya supaya ia tidak tiba ke tahap yang boleh menjejaskan masa depan angkatan tentera.

Buat masa ini, Yang Berhormat, insya-Allah belum lagi keadaan sedemikian. Walau bagaimanapun, kita menghargai pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat terhadap kekhawatiran Yang Berhormat kemungkinan ia akan menjejaskan pertahanan negara. Jadi, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membawa perkara ini untuk saya jawab tadi.

Saya ingin berbalik kepada apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Pilah iaitu meningkatkan perkhidmatan TLDM. Ingin saya jelaskan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, sejumlah RM2.23 bilion telah diperuntukkan untuk meningkatkan infrastruktur dan peralatan TLDM.

Tuan Yang di-Pertua, perolehan kapal ronda (PV) sebanyak 27 buah sedang berjalan. Penilaian yang akan dibuat melalui syarikat-syarikat untuk beberapa pakej iaitu propulsion, generator, communication, command and control system, weapon system telah pun selesai. Ianya akan diputuskan, saya fikir tidak berapa lama lagi.

Berkenaan dengan peringkat pemilihan partnership kepada Naval Dockyard

Shipping Bhd., pihak TLDM sedang mengkaji proposal daripada perolehan yang ditetapkan oleh partner di dalam hal ini untuk membina PV iaitu NDSB bersama dengan syarikat-syarikat asing lain.

Berkenaan dengan perolehan submarine, pihak TLDM sedang mengkaji beberapa cadangan oleh kerana cadangan ini memerlukan penelitian kerana harga kapal-kapal selam ini adalah begitu mahal. Kita perlu teliti dan berhati-hati sebelum kita membuat apa-apa keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sipitang ada membangkitkan berkenaan dengan pinjaman anggota-anggota ATM kepada agensi-agensi kerajaan yang lain yang telah ditimbulkan ialah syarat pinjaman, gaji dan elaun latihan mereka. Syarat-syarat pinjaman adalah disediakan setelah mengadakan persetujuan dengan semua pihak yang terlibat dan seterusnya adalah direstui oleh Majlis Angkatan Tentera. Mereka yang dipinjamkan adalah terus dibayar gaji dan elaun ATM di samping menerima galakan tertentu termasuk dua kenaikan gaji. Ini dibayar oleh agensi yang menerima pegawai-pegawai ATM. Semasa mereka dipinjamkan, mereka adalah terus terikat dengan perundangan ATM. Sekiranya perlu, mereka bolehlah dipanggil balik untuk menjalani kursus dan latihan.

Berkenaan dengan perolehan Hawk dan crash yang terjadi, HAWK dibeli daripada dua jenis iaitu Hawk 108 iaitu dua seater trainer aircraft, dengan izin, sebanyak 10 buah. Hawk 208 iaitu satu seater fighter aircraft, dengan izin, sebanyak 18 buah. 28 buah pesawat keseluruhannya. Hawk yang jatuh ialah daripada jenis 108 yang merupakan trainer aircraft. Kontrak yang dibuat dengan British Aerospace lengkap dengan alat ganti bagi tempoh kegunaan iaitu utilization, dengan izin, atau selama dua tahun, gantinya sedang dikaji.

Sistem kita sekarang oleh kerana kita menggunakan sistem latihan yang terus menerus kepada penggunaan kapal terbang itu sendiri, kita tidak lagi mempunyai simulator, oleh kerana itu mungkin berbagai masalah timbul dan sebab itu saya telah membuat pengumuman mengatakan kita akan melihat secara keseluruhan tentang sistem latihan dan perkara-perkara yang lain untuk menentukan kita dapat mengurangkan kemalangan yang telah berlaku. Banyak sebab yang boleh diberikan di atas kemalangan-kemalangan yang berlaku tetapi kita mengambil kira bahawa kemalangan ini bukan sahaja boleh melibatkan nyawa tetapi juga adalah beban dan kos yang tinggi kepada negara. Kalau dua buah pesawat Hawk terhempas sudah dikira sebagai luput dan tidak boleh digunakan lagi. Hancur dalam kemalangan itu, maka bermakna kita sudah hilang dalam RM70 milion dan ianya tidak mempunyai apa-apa coverage ataupun perlindungan insurans kerana ia ada sistem self insurance.

**Tuan Yunof Edward Marinking:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya belum habis, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak sambung esok?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 9.30 pagi esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*